

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Rafizi umpama lilin membakar diri, penjenayah bebasi



→ ms2

Pendirian AMANAH berhubung kes Indira Ghandi



→ ms8

Kes Uighur: Umno gadai maruah Islam demi kepentingan ekonomi



→ ms9

Persempadanan pilihan raya di Selangor:

30,000 BUAT 200 BANTAHAN

PAKATAN Harapan (PH) menyerahkan 200 bantahan dari 30,000 pengundi di Selangor terhadap syor kedua kajian persempadanan kawasan pilihan raya di negeri itu 13 Februari lepas. Ia diserahkan sendiri oleh Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail. Turut serta di Pejabat SPR Selangor itu adalah dua timbalannya iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mohamad Sabu.

Dr Wan Azizah bersama pimpinan Pakatan Harapan membuat bantahan terhadap syor kedua sempadan kawasan pilihan raya di Selangor baru-baru ini.



30,000 pengundi membuat 200 bantahan terhadap syor kedua sempadan kawasan pilihan raya di Selangor yang jelas mahu membantu Umno merampas kerajaan negeri dari rakyat Selangor

→ **Laporan penuh muka 2**

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2018

恭喜發財



30,000 buat 200 bantahan persempadanan di Selangor

PAKATAN Harapan (PH) Selangor menyerahkan 200 bantahan dengan 30,000 tandatangan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Negeri Selangor berkaitan Syor Kedua Kajian Persempadanan Semula Selangor.

Jawatan Kuasa Pilihan Raya PH Selangor bersama NGO Bersih yang diketuai Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, berdasarkan jumlah bantahan yang tinggi jelas rakyat Selangor kini semakin peka dengan hak-hak demokrasi dan kaedah perjalanan pilihan raya.

"SPR seharusnya memberikan keutamaan kepada penglibatan rakyat dalam proses persempadanan semula dan pastikan bahawa semua bantahan yang dihantar diberikan ruang untuk pendengaran awam," ujarnya dalam sidang media yang diadakan sebelum penyerahan borang bantahan kepada Ibu pejabat SPR Selangor di Shah Alam 13 Februari lepas.

Dr Wan Azizah turut berkata, dengan bantahan ini ia memberi jaminan kepada hak pengundi Selangor di semua kerusi Dun dan Parlimen di negeri itu.

"Kami berharap SPR akan



Wan Azizah dan Mohamad Sabu turut sertai bantahan pengundi Selangor terhadap syor kedua sempadana pilihan raya yang dibentangkan SPR yang ternyata cuba membantu Umno menang mengikut pintu belakang.

mengambil kira permintaan rakyat untuk memastikan pembahagian sekata boleh dibuat di semua kerusi Dun dan Parlimen di Selangor.

"Ketidaksamarataan jumlah pengundi di kawasan bandar dan luar bandar adalah sangat ketara sebagai contoh di mana N01 Sabak jumlah pengundi 15,033 tetapi di N29 Seri Serdang ada 74,563 pengundi," katanya.

Kawasan yang terkesan dengan syor kedua ini seperti Parlimen

Gombak, Ampang, Pandan dan Kuala Selangor serta Tanjong Karang.

"Kami berharap pihak SPR akan meneliti bantahan khusus yang dikemukakan oleh pengundi di kawasan tersebut," ujarnya.

Selasa lepas adalah tarikh akhir penyerahan bantahan bagi syor kedua persempadanan semula kawasan pilihan raya yang berakhir pada 14 Februari 2018.

Turut hadir dua Timbalan Pres-



Tan Sri Muhyiddin turut menandatangani bantahan terhadap syor kedua sempadana pilihan raya di Selangor yang dibuat di pejabat SPR Selangor Selasa, 13 Februari lepas.

iden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mohamad Sabu, Pengerusi Bersih Maria Chin Abdullah dan Pengarah Pilihan Raya PH Selangor Dr Xavier Jayakumar.

Dalam pada itu Dr Xavier berharap SPR tidak terburu-buru meneliti syor kedua persempadanan yang dikemukakan oleh PH.

"SPR tidak perlu tergesa-gesa untuk meneliti persempadanan dan perlu dilihat dengan teliti," ujarnya.

Muhyiddin yang juga Pengerusi Pilihan Raya PH berkata, syor

kedua persempadanan semula SPR ini adalah perkara yang berhubung kait dengan hak rakyat, keadilan dan demokrasi yang terkandung dalam perlembagaan perlu dipatuhi SPR.

"SPR perlu ambil masa untuk meneliti semula bantahan yang dianggap berasas dibuat Pakatan Harapan. Jika didapati bantahan dilakukan itu betul SPR perlu mengkaji semula dan jangan buat sesuatu kepada pengundi dan negeri Selangor," ujarnya.

Rafizi umpama lilin membakar diri, penjenayah bebas

HUKUMAN 30 bulan penjara ke atas Rafizi Ramli dan kerani bank Johari Mohamad ketika pihak yang menyalahgunakan pinjaman wang kerajaan terus bebas dan mendapat pelbagai anugerah terus mendapat perhatian pelbagai pihak.

Simpat umum terus diterima oleh ahli parlimen Pandan itu selepas membocorkan maklumat kewangan ahli keluarga ketua

Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Jalil dan beberapa syarikat milik mereka.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu dalam kenyataannya menyifatkan naib presiden PKR itu sebagai lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain.

"Kita menghormati keputusan mahkamah yang telah menghukum YB Rafizi dengan hukuman 30 bulan penjara. Kepada kita

semua, YB Rafizi menjadi lilin membakar dirinya sendiri demi mencerahkan sekelilingnya. Itulah resam pahlawan perjuangan, kadang kala terpaksa berkorban diri untuk kebahagiaan orang lain," ujarnya.

Menurut Mohamad, pendedahan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah BN khas dalam isu NFC dan juga isu-isu lain memang telah membuka mata rakyat terhadap

penyelewengan kewangan negara dan rasuah yang berlaku.

"Apapun keputusan terhadap YB Rafizi, perjuangan beliau itu akan dinilai oleh rakyat, oleh alam dan yang paling penting akan dinilai oleh Yang Maha Pencipta," ujar beliau.

Mahkamah Sesyen Shah Alam 7 Feb lalu menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan ke atas Rafizi dan bekas kerani Public Bank Johari Mohamad setelah didapati bersalah melanggar Akta Bank dan Intitusi Kewangan kerana membocorkan akaun National Feedlot Corporation (NFC), syarikat milik keluarga Shahrizat.

AMANAH Wilayah Persekutuan pula yakin pemenjaraan Rafizi Ramli dan Johari akan menjadi obor motivasi kebangkitan dan ledakan rakyat untuk menolak Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"Hukuman penjara 30 bulan itu sebenarnya mengukuhkan lagi persepsi awam bahawa pemberi maklumat (whistleblower) di neg-


ara ini tidak dilindungi meskipun peranan mereka mustahak dalam mendedahkan skandal jenayah termasuk rasuah dan sekali gus, ia sebagai emesej salah kepada rakyat dan dunia khususnya berhubung pemberi maklumat," kata beliau.

Pakatan Harapan (PH) Negeri Melaka pula kesal dan kecewa dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah tersebut.

Pengerusi PH Melaka, Haji Adly Zahari dalam satu kenyataan berkata, hukuman yang dikenakan tidak sedikit pun melunturkan semangat PH khususnya di Melaka dalam pendedahan salah laku yang dilakukan oleh kerajaan negeri hari ini.

"Inilah yang dinamakan hipokrisi, yang memberi maklumat dianggap penjenayah tetapi yang dianggap penjenayah dibiarkan bebas," sambungnya.

AMANAH Selangor pula menyifatkan hukuman yang dikenakan ke atas Rafizi dan Johari bakal menjadi titik hitam dalam sejarah negara.



PRU14 peluang selesaikan masalah negara

TASEK GELUGOR: Segala masalah yang sedang menimpa rakyat dan negara ketika ini tidak mampu diselesaikan oleh kerajaan BN dan memerlukan kerajaan baru yang lebih berwibawa.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil berkata, keputusan kini di tangan rakyat apatah lagi peluang membuat pilihan untuk sebuah kerajaan baru akan datang pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini.

"Kita kena ingat tidak ada siapa yang akan selesaikan semua masalah ini melainkan kita buat perubahan.

"Rakyat kena berani bangkit buat perubahan dan perlu undi Pakatan Harapan (PH)," katanya ketika menyampaikan ceramah sempena Pentas Jelajah Gegar Anak Muda dekat sini, 11 Feb lalu.

Mengulas lanjut, anak kepada bekas presiden Pas Datuk Fadzil Noor itu

berkata, PH kini bergerak bukan lagi sebagai pembangkang tetapi sebagai sebuah 'kerajaan menanti' yang telah mempersiapkan diri untuk memerintah sebuah negara.

Ia termasuk menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri.

"Sebab itu apabila kita berjaya bentuk kerajaan selepas PRU14, kita sudah siapkan perancangan.

"Antaranya dalam tempoh 100 hari memerintah kita akan mansuhkan GST dan kita juga akan stabilkan harga minyak," katanya sambil menambah ia sebahagian daripada penyelesaian dari sudut ekonomi yang sedang menekan rakyat ketika ini.

Sementara itu, Faiz berkata rakyat yang inginkan perubahan tidak perlu membazirkan undi dengan mengundi



Faiz ketika berucap di pentas Pemuda PH.

selain daripada PH apatah lagi parti yang bersendirian.

"Dalam PRU14 ini tidak ada mana-mana parti boleh menang jika bersorangan. Ini sejarah pilihan raya sebelum ini pun begitu.

"Parti-parti politik kena bergabung untuk lawan BN. Sebab itu kita dalam PH ada empat parti iaitu AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP. Mana-mana parti yang duduk sorang-sorang, boleh pergi duduk dalam hutan," katanya.

Hutang dicipta untuk pastikan peneroka sokong Umno-BN

Oleh **ARIF ATAN**

MERSING: Bebanan hutang yang ditanggung ribuan peneroka Felda selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) sengaja dicipta sebagai cara Umno-BN hendak mengekalkan sokongan, dedah Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi PPBM Zahid Mat Arip.

Bekas pegawai khas Pengerusi Felda, Tan Sri Isa Samad mulai 2011 hingga 2016 itu berkata, ahli-ahli politik Umno yang menguasai Felda sengaja menggunakan hutang itu sebagai alat tukar ganti untuk undi.

"Jumlah keseluruhan hutang peneroka Felda kepada kerajaan

kira-kira RM6 bilion. Kita dengar ada peneroka berhutang sehingga RM120,000. Umur 72 tahun masih ada hutang.

"Hutang ini sengaja dicipta dan dilonggokkan kepada peneroka dengan harapan mereka sentiasa rasa berhutang dengan kerajaan dan terhutang budi.

"Saya pernah tanya Isa Samad, bagaimana hutang ini boleh wujud dan tidak pernah selesai? Menjelang PRU-13, kata hutang tiada, tiba-tiba selepas pilihan raya masuk tahun 2014 dan 2015, hutang ini ada semula.

"Ini 'trick' kita. Kita perlu membina satu persepsi kepada

peneroka Felda supaya terasa sentiasa berhutang dengan kerajaan dan terhutang budi kepada kerajaan," dedahnya dalam Ceramah Jelajah Selamatkan Felda di Felda Tenggaroh 2, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau menyifatkan taktik lapuk itu diikuti dengan taburan janji pelbagai insentif kepada peneroka tanah rancangan itu serta pada masa sama jaminan jentera parti Umno ketika menemui peneroka menjelang pilihan raya.

"Jentera-jentera Umno akan turun ke bawah menerangkan kepada peneroka hutang ini jangan bimbang. Selagi Umno-BN memerintah, hutang ini

tidak akan dibebankan kepada peneroka," ujarnya.

Sehubungan itu, Zahid memberitahu langkah penyelesaian hutang peneroka tersebut dalam perhatian serius Pakatan Harapan (PH).

"Dalam manifesto PH yang akan dilancarkan tidak lama lagi, kita akan santuni isu RM6 bilion ini. Isu RM6 bilion ini akan kita lupus kira.

"Najib dan Jho Low boleh berbelanja berbilion ringgit di Amerika, apalah sangat RM6 bilion kepada 112,637 keluarga peneroka.

"Insya Allah, menang PH, saya dan Mazlan Aliman (Pengerusi Persatuan Anak

Peneroka Felda Kebangsaan, Anak) akan bangkitkan terlebih dahulu isu ini sebelum pembentukan Kabinet," tegasnya lagi.

Untuk rekod, sebanyak 54 kerusi Parlimen dan 92 Dewan Undangan Negeri (Dun) mempunyai kawasan Felda. BN pada PRU-13 lalu tewas dua kerusi Parlimen Felda iaitu di Raub dan Dungun masing-masing kepada DAP dan Pas.

Lima Parlimen yang mempunyai pengundi Felda tertinggi adalah Jempol, Kuala Krau, Rompin, Kota Tinggi dan Pengerang dengan kesemuanya kecuali Rompin diperuntukkan kepada Bersatu pada PRU-14.

Jangan ulas isu agama kerana dendam

KUALA LUMPUR: Dakwaan Setiausaha Majlis Syura Ulama Pas, Nik Muhammad Zawawi Salleh bahawa pemimpin Pas tidak selamat jika melanggar bai'ah dan meninggalkan parti itu menyerlahkan sikap ulama Pas yang suka berendam.

Timbalan Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Pahrolrazi Zawawi berkata, sikap tersebut juga boleh dilihat sebagai mempergunakan Islam untuk kepentingan politik.

"Sepatutnya politik diguna-

kan untuk kepentingan agama tetapi dalam Pas, ia berlaku sebaliknya.

"Ulasan beliau (Nik Zawawi) itu lebih kepada dendam kerana sebelum ini pun sudah banyak individu yang ditarik gelaran oleh istana," lapor Sinar Harian, 13 Feb lalu.

Nik Zawawi pada 8 Feb menganggap penarikan gelaran kepada Naib Presiden AMANAH, Husam Musa dan Pengerusi AMANAH Kelantan, Wan Abd Rahim Wan Abdullah adalah balasan Allah kerana

melanggar sumpah bai'ah.

"Tak akan ada yang selamat kerana melanggar bai'ah. Sehari dua ini, kita lihat ada individu yang dilucutkan gelaran dan pangkat mereka.

"Allah telah menyusun laknat kepada mereka yang langgar bai'ah. Bukan kita yang jatuhkan hukuman kepada mereka tetapi janji Allah itu pasti," dakwa Nik Zawawi.

Untuk rekod, Husam dan Wan Abd Rahim menerima surat daripada Setiausaha

Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Mohd Faudzi Che Mat pada petang 6 Feb lalu yang memaklumkan Sultan Muhammad V menarik balik darjah kebesaran yang membawa gelaran 'Datuk'.

Pahrol seterusnya mengingatkan sebagai orang yang mendakwa ulama, adalah lebih baik untuk menyatakan setiap perkara yang berlaku mempunyai hikmah untuk diambil pengajaran.

"Oleh itu, kita sentiasa bersangka baik kepada Allah atas

segala peristiwa yang ditentukan.

"Tidak payahlah beliau buat andaian terhadap mereka yang keluar Pas kononnya berasa bersalah atas perbuatan mereka," ujarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Dun) Pengkalan Kundor berkenaan juga berkata, sebagai pemimpin yang bertanggung jawab, mereka yang keluar daripada Pas telah melakukan pertimbangan sewajarnya sebelum membuat keputusan.

Minda Pengarang

Kenaikan harga barang terus mencengkam

Ketika dunia politik tanah air sibuk dengan pelbagai persiapan untuk menghadapi PRU14 tidak lama lagi, rakyat pula sedang bergelut dengan segala beban kepayaan untuk meneruskan kehidupan disebabkan kenaikan pelbagai harga barangan keperluan.



berapa subsidi yang ditarik balik dan pelbagai lagi.

Mereka tahu kesan semuanya ini berangkai yang menyebabkan harga barangan naik. Syarikat yang menjual barangan dikenakan GST. Dengan harga minyak yang terus naik, maka syarikat yang punya lori ataupun van yang mengangkut barangan akan menaikkan

bayaran pengangkutan ke mana-mana destinasi. Maka akhirnya, harga barangan di pasar atau kedai runcit terpaksa dinaikan kerana sewa van dan lori meningkat. Ini sifir muda yang rakyat mengetahuinya.

Akhirnya, para pembeli – rakyat biasa – menjadi pengkalan terakhir menerima kenaikan harga barangan itu.

Kini PRU14 sudah hampir tiba, maka itu rakyat menunggu akan tibanya perubahan di mana mereka akan dapat meneruskan kehidupan dengan selesa. Pendapatan yang mereka bawa pulang kiranya dapat menampung makan minum keluarga, belanja anak bersekolah, belanja perubatan jika mereka sakit, ini harapan mereka.

Di sinilah rakyat menantikan perubahan jika mega pembangkang, Pakatan Harapan, memenangi PRU14, kiranya dapat memulihkan keadaan ekonomi mereka apabila pemerintah berusaha menjimatkan perbelanjaan negara yang tidak perlu, mengelakkan pembaziran, berjimat, tetapi tidak mendera rakyat, menghapuskan rasuah, mengelakkan penyelewengan dan pelbagai lagi. Pendeknya kerajaan yang benar-benar peduli rakyat.

Maka itu rakyat menaruh setinggi-tinggi harapan keadaan ekonomi akan pulih semula jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 akan datang. Ertinya kepentingan rakyatlah yang diutamakan.

Mahathir tidak layak bercakap Islam?

Dr Mahathir Mohamad tidak layak bercakap soal Islam, kata seorang orang besar Pas Kelantan. Tapi kenapa? Apa ukuran yang orang itu gunakan terhadap Mahathir untuk menentukan dia tidak layak bercakap tentang Islam? Islam adalah agama, bukan profesyen atau kerjaya.

Seorang doktor memang tidak layak bercakap soal kejuruteraan elektrik misalnya, kerana itu bukan profesyen dan bidang kerjayanya. Itu memang logik. Tapi Islam adalah agama atau pegangan hidup untuk semua. Dan, Mahathir beragama Islam, jadi apa halangan untuk dia bercakap soal Islam? Jika cakupannya salah, betulkan, bukan halang dia bercakap. Semenjak bila pula Islam tidak membenarkan orang Islam bercakap tentang agamanya sendiri?

Lagi pun Mahathir bukan bercakap dalam suatu bidang khusus mengenai Islam, tetapi dia bercakap tentang konsep umum Islam. Jadi, apa salahnya? Walaupun saya bukan doktor, tetapi beberapa konsep umum tentang perubatan dan penyakit, saya boleh bercakap. Misalnya, ambil gula dan garam berlebihan boleh meningkatkan risiko darah tinggi dan kencing manis. Takkan bercakap begitu pun saya tak layak?

Memilik-khususkan Islam untuk kelompok tertentu atau orang tertentu bukan ajaran Islam kerana Islam adalah rahmat untuk semua. Bahkan jika non Muslim sekalipun ingin bercakap sesuatu tentang Islam, mereka tidak perlu dihalang dengan ungkapan, "Jangan, kamu tak layak".

Suatu ketika dulu, Pas pernah berbangga dengan beberapa individu non Muslim yang pandai membaca beberapa patah ayat al-Quran dalam ceramah mereka. Jika mereka pernah berbangga dengan non Muslim sebegitu, mengapa Mahathir, seorang Muslim pula menjadi tidak layak? Oh, kalau Mahathir bercakap tentang Islam terserlah kejahilannya. Saya katakan, orang yang menyatakan Mahathir tidak layak bercakap soal Islam itulah yang menyerlahkan kejahilannya tentang Islam.

Kerana, Islam adalah agama yang menyanjung kebebasan dan meraikan kepelbagaian. Sebarang pandangan tentang Islam



Pencerahan Mingguan
Tanweer Usbu'ii

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengaruh Syariah AMANAH

wajar didengar dan diraikan, walaupun datang dari musuh Islam sekalipun. Jika pandangan musuh pun diambil manfaat, Muslim pula nak dihalang bercakap?

Saya fikir, dalam banyak hal, kefahaman Mahathir tentang Islam lebih baik daripada kefahaman orang yang menyatakannya tak layak bercakap tentang Islam itu. Untuk buktikannya mudah saja, letakkan Mahathir dan mana-mana pemimpin Pas se-pentas dan wacanakan Amanat Abdul Hadi.

Ketika itu rakyat Malaysia akan nampak, antara Mahathir dan pemimpin Pas, siapakah yang berkefahaman Islam secara progresif, moderat dan inklusif.

Rakyat akan nampak kefahaman Islam yang menggambarkan keindahan Islam dengan kefahaman Islam yang ekstrem dan konservatif.

Buat pemimpin Pas, berhentilah berasa Islam hanya milik anda, berasa diri anda lebih Islam daripada orang lain, berasa anda lebih faham Islam daripada orang lain, berasa orang lain tidak sempurna keislamannya dan berasa hanya anda saja mahukan Islam terpegak.

Buat Mahathir, bercakaplah tentang Islam kerana anda tidak pernah hilang kelayakan utk bercakap tentang agama anda sendiri.



Saya fikir, dalam banyak hal, kefahaman Mahathir tentang Islam lebih baik daripada kefahaman orang yang menyatakannya tak layak bercakap tentang Islam itu. Amanat Abdul Hadi.



Solidariti untuk Rafizi Ramli

Banyak yang diperkatakan tentang susuk tubuh bernama Rafizi Ramli ini. Banyak yang negatif, bertentangan dengan imej positifnya yang ditampilkan di khalayak terbuka.

Populariti Rafizi agak tinggi, dalam kalangan masyarakat yang mendahagakan politik baru. Apa tidaknya, Rafizi terkenal sebagai pembongkar skandal rasuah. Kepintarannya berjinak-jinak dengan angka begitu mengagumkan. Debat "Rafizi Ramli vs Khairy Jamaluddin" dalam isu PTPTN kekal sebagai perbincangan politik yang paling berkualiti dalam tempoh dua dekad kebelakangan, menyaksikan keupayaan yang agak setara dari kedua-dua pihak.

Sudah tentu kelebihan menguasai perangkaan memihak kepada Khairy Jamaluddin, yang sekian lama ini berada dalam sistem kerajaan. Namun Rafizi memiliki daya tarikan tersendiri dengan kepetahannya berhujah sebagai pembangkang dalam soal dasar. Di luar pentas perbincangan, keberanian Rafizi keluar masuk lokap, naik turun mahkamah – melonjakkan dirinya pada kedudukan moral yang lebih tinggi.

Rafizi mengotakan janji politiknya, mengisytiharkan harta sebagai langkah untuk membuktikan tekadnya memperjuangkan ketelusan. Langkah menterjemahkan idealisme kepada aksi politik ini membantunya untuk mengolah



Siang-Malam
Lim Hong Siang

sokongan masyarakat massa. Bakat dan potensi Rafizi begitu terserlah, dalam kalangan generasinya, malah juga generasi yang lebih tua daripadanya. Ringkasnya, Rafizi adalah bintang politik pada masa depan yang sedang bersinar sekarang.

Bagaimanapun, "penonjolan" boleh berlaku dalam dua keadaan,



sama ada bakatnya terlonjak mahupun beliau terlalu menonjolkan dirinya; atau, kedua-duanya sekali. Tiada kewajaran untuk kita menyekat penyerlahan potensi Rafizi. Mereka yang tidak senang dengan sinaran bakatnya terpaksa

bersaing dengannya, dengan keupayaan sendiri. Dari perspektif anak muda seperti Rafizi, sudah tentu beliau tidak sudi untuk memperlakukan langkah dirinya semata-mata untuk menunggu mereka yang berdolak-dalik dengan politik baru.

Apapun, perubahan tidak berlaku tanpa sokongan akar umbi. Pengaruh dan kesan politik hanya berganda apabila ia bergolek dalam momentum satu pasukan. Suka atau tidak, semangat berpasukan itu penting, lebih-lebih lagi dalam konteks politik di mana pembangkang bertembung dengan pemerintah yang mengerah segala jentera negara untuk mempertahankan kuasanya. Mustahil regim Umno-BN boleh dijatuhkan dengan kekuatan seorang individu, mahupun sekumpulan individu yang bergerak secara berasingan, apatah lagi bermusuhan sesama diri.

Dalam bab ini, beberapa langkah Rafizi boleh dipertikai, misalnya membocorkan perbincangan mesyuarat dalaman parti. Ia bukan soal disiplin semata-mata, tetapi perbincangan tertutup selalunya untuk menerokai pelbagai kemungkinan. Andainya kandungannya terdedah kepada umum, maka mereka yang terlibat dalam perbincangan akan semakin berhati-hati dan memilih jalan yang "selamat" dari kaca mata umum, atau "populis" namanya. Sudah pasti ia membataskan pilihan yang

ada.

Perbalahan dalaman PKR antara Rafizi dengan Azmin Ali sudah menjadi rahsia terbuka. Ia meletakkan ramai penyokong Reformasi dalam dilema. Dari persepsi umum, Azmin mungkin tidak sepopuler Rafizi, tetapi rakan seperjuangan dalam parti memiliki pandangan sebaliknya.

Dari strateginya, keringat kedua-dua susuk ini diperlukan, bukan sahaja PKR, tetapi juga gerakan pembangkang tanahair. Ia gandingan mantap seandainya kedua-dua mereka menumpukan seluruh tenaga untuk menyerang Umno-Barisan Nasional, daripada siku-menyiku sesama diri.

Mustahil mereka tidak sedar, bahawa perselisihan sedemikian jikalau tidak diketepikan, hanya menguntungkan musuh mereka. Umno sedang mengatur segala muslihat untuk menjatuhkan kerajaan negeri Selangor pimpinan Azmin Ali, dan tidak akan berhenti untuk menghalang kemaraan Rafizi Ramli. Rafizi akan disabit kesalahan demi kesalahan untuk membisukannya daripada pendedahan skandal rasuah Umno-BN, di samping Azmin akan diheret dengan skandal demi skandal yang dilemparkan adiknya Azwan Ali terhadap dirinya.

Dalam konteks ini, solidariti semua pimpinan pembangkang termasuk Azmin Ali penting ketika Rafizi Ramli dijatuhkan hukuman penjara 30 bulan di bawah

Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA). Apapun yang diperkatakan tentang Rafizi Ramli, beliau berada di pihak yang benar untuk mendedahkan skandal NFC (National Feedlot Corporation). Apapun akta yang digunakan untuk menyabitnya, hakikatnya pembongkaran sedemikian memberi amaran kepada pemerintah bahawa tindak-tanduk mereka sentiasa di bawah pemantauan pembangkang dan rakyat.

Kes ini menguji kematangan kita berpolitik. Tidak kurang juga pandangan yang bernada "padan muka Rafizi" kerana "undang-undang tetap undang-undang". Jikalau itulah logiknya, maka tiada skandal akan terdedah kerana Akta Rahsia Rasmi (OSA) sentiasa menjadi pelindung kepada perasuah. Seringkali "whistle-blower" dituduh memfitnah, kemudian dicabar untuk mengemukakan bukti; tetapi apabila bukti dikemukakan, kepala pembongkar rasuah dipancarkan pula dengan OSA.

Ini bukan zaman terbaik untuk kita bersikap sinikal. Sedangkan bumi mana tidak ditimpa hujan, politikus mana yang tidak melakukan kesilapan? Yang penting, solidariti harus menyebelahi pihak yang menegakkan kebenaran. Politiking partisan yang sempit, dan sindiran yang sinikal, tidak terdaya untuk menumbangkan kebatilan dan kejahatan yang tersergam untuk lebih setengah abad.

AMANAH Johor, Kedah, Perak mendahului

SETELAH selesai urusan pembahagian kerusi Dun bagi Negeri Johor – dengan AMANAH diperuntukkan 12 kerusi - AMANAH Johor kelihatan mendahului negeri lain di Semenanjung dalam membuat persiapan untuk menghadapi PRU14 akan datang. Ini diikuti oleh AMANAH Negeri Kedah dan Perak.

Di Johor, hampir setiap hari pelbagai program diatur baik di peringkat Dun, mahupun di peringkat parlimen. Program itu, antaranya, memperkenalkan calon, yang kebanyakannya dalam umur muda, juga veteran, dengan pelbagai latar belakang pendidikan, pengalaman dalam politik dan lain-lain.

AMANAH Negeri Johor mendapat peruntukan 12 kerusi Dun dan dua kerusi parlimen iaitu Pulai dan Parit Sulong. Sementara kerusi Dun pula ialah Sungai Abong, Maharani, Parit Yakni (kerusi lama), Nusa Jaya, Mahkota, Kemelah, Serom, Senggarang, Pulai Sebatang, Pasir Raja, Kukup dan Penawar.

AMANAH Johor di bawah pimpinan Aminol Huda Hasan dengan bantuan para


tokoh AMANAH Johor yang lain – Suhaizan Kayat, Mazlan Aliman dan lain-lain – sedang menggerakkan seluruh jentera pilihan rayanya.

Kita diberitahu

bahawa tenaga kerja kempen sudah diatur setiap Dun dan parlimen dan nampaknya pendukung AMANAH di negeri selatan Semenanjung itu sudah mula turun padang mengatur kerja. Para calon, sebahagiannya, sudah diperkenalkan. Bilik gerakan pilihan raya AMANAH sudah mula dikenalpasti dan sudah ada yang dibuka, bendera dan peralatan lain sudah disiapkan.

Ini menambahkan kesungguhan AMANAH Johor dengan kerjasama komponen yang lain dalam Pakatan Harapan untuk membuat perubahan di negeri Johor, iaitu negeri kelahiran Umno sendiri.

Kini keadaan sudah begitu banyak berubah, walaupun ada dalam kalangan generasi lama masih belum menampakkan perubahan sikap.



Dalam masa yang sama, semakin ketara sokongan secara terbuka warga Felda kepada Pakatan Harapan menjelang PRU14, termasuk ramai yang menghadiri siri ceramah anjuran gabungan pembangkang

itu.

Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Mazlan Aliman berkata situasi positif itu menyaksikan golongan peneroka Felda semakin sedar akan hak mereka.

Mengulas sambutan terhadap ceramah Pakatan Harapan di Felda Ulu Tebrau, Johor baru-baru ini, Mazlan yang jug Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) memberitahu, sambutan masyarakat setempat jauh lebih baik berbanding sebelum ini.

Beliau berkata, ini tentu menggambirakan perubahan apabila golongan muda juga hadir dalam siri Jelajah Selamatkan Felda itu yang turut dibarisi pemimpin PKR dan PPBM.

"Ramai generasi kedua dan ketiga Felda

Ulu Tebrau termasuk yang bekerja di luar, sanggup balik semata-mata untuk hadir mendengar ceramah malam itu.

"Dapat dirasakan mood perubahan di kalangan warga Felda, khususnya golongan muda. Tahniah atas kesedaran warga Felda ini. Sesuatu yang kita impikan selama ini," ujarnya lagi.

Di Kedah dan Perak, AMANAH dan komponen PH yang lain turut rancak mengatur program untuk rakyat.

AMANAH kawasan Parliman Parit, Perak telah mengatur pelbagai program bersama rakyat di kawasan tersebut. Ini diberitahu oleh Penyelaras Program, Tarmizi Mohd Jam yang kini bertungkus lumus mengatur gerak kerja pilihan raya di kawasan itu.

Begitu juga gerak kerja AMANAH/PH di kawasan Dun Sungai Rapat, Perak sudahpun dimulakan. Bilik gerakannya sudahpun dirasmikan oleh Pengarah Komunikasi PH, Ir. Khalid Samad baru-baru ini. Di majlis tersebut, Timbalan Pengerusi AMANAH Perak, Ir Nizar Jamaludin turut menyampaikan ceramahnya.

Tubuh RCI siasat skandal tanah Felda

Jangan sekadar reman, bebas dan lepas

PERMATANG PAUH: Pemuda AMANAH Nasional mendesak kerajaan segera menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat kehilangan tanah milik Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Ketuanya, Mohd Sany Hamzan berkata terdapat seribu satu macam keraguan apabila Tan Sri Shahrir Samad mendakwa bahawa tanah-tanah milik Felda tersebut telah dikembalikan.

Namun siasatan yang dilakukan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli mendapati kesemua tanah tersebut masih lagi dipunyai pemaju KL Vertical City, Synergy Promenade Sdn Bhd.

"Seharusnya Umno yang mendakwa menjaga kepentingan orang Melayu mengambil tindakan segera bagi memastikan tanah milik Felda ini tidak hilang.

"Malah dalam perhimpunan agung Umno yang lalu pun acapkali mereka melaung-laungkan menjadi parti yang membela hak dan kepentingan orang Melayu.

"Namun begitu walaupun sudah ada bukti mengenai penyelewengan tanah milik Felda tersebut, Umno masih gagal untuk



Sany (dua dari kiri) bersama para pemimpin Pemuda AMANAH Nasional mengedarkan risalah 'Tawaran Harapan Anak Muda' di pekan Permatang Pauh.

menjaga kepentingan orang Melayu yang sering mereka perkatakan," ujarnya lagi.

Mohd Sany ditemui ketika mengedarkan risalah 'Tawaran Harapan Anak Muda' di pekan Permatang Pauh, baru-baru ini.

Beliau menambah, episod kehilangan tanah Felda ini mempamerkan sikap tidak bertanggungjawab pemimpin Umno dalam menjaga kepentingan orang Melayu khususnya para peneroka.

"Semua mereka yang terlibat dalam isu skandal tanah tersebut adalah pemimpin Umno dan BN.

"Peneroka Felda harus melihat perkara ini dengan lebih serius kerana ia membabitkan masa depan anak cucu mereka.

"Pihak yang terlibat harus diheret ke muka pengadilan dan didakwa dan bukannya hanya setakat reman, bebas dan lepas," tegasnya lagi.

Carian yang dilakukan Rafizi menunjukkan geran hak milik kesemua 16 lot tanah Felda yang berpindah milik kepada pemaju, Synergy Promenade Sdn Bhd belum dipulangkan kepada Felda.

Salinan geran tanah yang diperolehi menunjukkan Synergy Promenade KLVC Sdn Bhd memiliki satu lot daripada tanah tersebut manakala Synergy Promenade Sdn Bhd menjadi pemilik kepada 15 lagi lot tanah yang dahulunya dimiliki Felda.

Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad mengakui tanah-tanah terbabit masih lagi dimiliki pemaju namun telah dikaveat pihak Felda.

Beliau juga yakin tanah-tanah tersebut akan dipulangkan kepada Felda.

Diplomat Israel hadir sidang KL, jumpa pegawai Malaysia

KUALA LUMPUR: Beberapa diplomat kanan dari Israel baru-baru ini turut serta dalam persidangan anjuran Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dekat sini, kali pertama masuk secara rasmi ke Malaysia, menurut akhbar Israel.

The Times of Israel memetik jurucakap Kementerian Luar Israel yang mengesahkan pasukan diplomat kanan itu diketuai bekas timbalan duta negara itu ke PBB David Roet, bagi menghadiri World Urban Forum (WUF), yang berakhir 13 Feb lalu.

Roet, yang memasuki Malaysia menggunakan pasport diplomatik Israel, turut mengadakan pertemuan dengan pegawai Malaysia, menurut laporan itu.

Dalam beberapa kiriman di Twitter, Roet menyifatkan lawatannya ke Malaysia 'pengalaman unik', dan menambah beliau 'berbangga mengetuai delegasi rasmi Israel'.

"Saya mempunyai harapan besar tentang hubungan baik kedua-dua negara di masa depan," kata Roet.

Malaysia dan Israel tidak mempunyai hubungan diploma-



David Roet sempat bergambar di ruang pameran World Urban Forum (WUF).

tik. Putrajaya juga baru-baru ini lantang mengutuk keputusan Presiden Donald Trump mengiktiraf bandar Baitulmaqdis sebagai ibukota Israel.

Roet berkata beliau mendapati 'banyak persamaan' antara kedua-dua negara, dan memuji masyarakat pelbagai kaum yang "bekerjasama untuk masa depan yang lebih baik".

Beliau turut memberi contoh aplikasi Waze yang dibangunkan sebuah syarikat Israel, yang menurutnya amat popular di

Kuala Lumpur.

WUF dihadiri wakil dari 185 buah negara, dan dianjurkan Program Penempatan Manusia PBB atau UN-Habitat.

Selaku tuan rumah, Malaysia disyaratkan meluluskan visa kepada semua perwakilan.

Pada 2015, Malaysia enggan meluluskan visa lawatan dua ahli sukan Israel yang bertanding di Kejohanan Layar Belia Dunia (YWC), mengundang kritikan badan dunia sukan itu, World Sailing.

Tutup JASA jika serius tangani berita palsu

KUALA LUMPUR: Kerajaan patut menutup Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) jika benar-benar serius untuk menangani berita palsu, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senai Wong Shu Qi.

Jika kerajaan ingin meng-haramkan penyebaran berita palsu pula, maka Ketua Pengarah JASA Datuk Mohd Puad Zarkashi adalah individu pertama yang perlu ditahan, katanya lagi.

"Tindakan Puad yang menyifatkan berita palsu sebagai 'jenayah berat' memang mengejutkan, memandangkan JASA adalah unit propaganda kerajaan dan menyebarkan maklumat yang salah.

"Jika kerajaan serius untuk menghentikan berita palsu dan maklumat salah, JASA patut dibubarkan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut laporan Oriental Daily, Puad mendakwa tindakan menyebarkan berita palsu adalah satu jenayah, sama seperti membunuh dan mencuri, kerana ia berisiko menjejaskan ketenteraman awam.

Mengulas lanjut, Wong mendakwa walaupun JASA adalah sebuah agensi kerajaan, ia terlibat dalam propaganda berpihak

dengan menyebarkan mesej-mesej anti-Pakatan Harapan (PH) menerusi Whatsapp.

Beliau membangkitkan beberapa contoh terbaru, seperti artikel bertajuk "Rafizi tidak layak untuk mendapat simpati orang ramai atas hukuman penjara 30 bulan" dan "Insentif Pakatan Harapan: Satu lagi janji bohong dan retorik".

Artikel kedua menuduh pembangkang gagal menunaikan janji pada pilihan raya umum (PRU) sebelum ini, seperti menaikkan gaji penjawat awam.

"Ia tidak dilaksanakan kerana kami tidak menang PRU dan masih sebagai pembangkang. Ia di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

"Tetapi JASA memanipulasi-kannya untuk menyerang PH," katanya dilapor Malaysiakini.


Awal bulan ini, kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji undang-undang baru untuk membendung berita palsu.

Pembangkang menyatakan kerisauan mereka bahawa langkah itu adalah usaha kerajaan untuk menutup maklumat dan suara yang tidak berpihak kepada mereka.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)



UMRAH MUSIM BIASA

HARGA DARI RM4,900 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,190 (11h/09m)

www.alfajrtraveltours.com

PAKEJ CUTI SEKOLAH 2018

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-23
(BULAN MAC)
KAWASAN SELANGOR
*TARIKH & TEMPAT AKAN DI BERITAHU KEMUDIAN



SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نَسْمَا لِطَيَّرَان

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)
PEAK SEASON RM3,250 (KUL/JED/JED/KUL)



MAC (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,190
03 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,190
13 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,390
22 MAC	KUL/JED/JED/KUL	5,090
APRIL (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
10 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
28 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
MEI (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
07 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,090
16 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,690
OKTOBER (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
29 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,990

NOVEMBER (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
06 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,190
10 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
11 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
12 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
14 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
18 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,190
19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
20 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
24 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890
26 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
28 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890

DISEMBER (12H/09M)(11H/09M)		
TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
03 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
05 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
06 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
08 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
10 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
11 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
12 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
15 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
17 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
20 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
22 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
24 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190
26 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190
27 DIS	KUL/JED/JED/KUL	4,990
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190

KEDAH	MELAKA	PERAK	PAHANG	NEGERI SEMBILAN	SABAH
UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	EN FAIZUL 012-568 1150	HJ YUSOF 016-987 5115	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ AWANG ADI 013-559 8889
011-4066 0800 / 013-741 0321	SELANGOR HJ NORSHAM 011-3231 4248	KELANTAN CIKGU NASIR 013-906 5903	PPINANG UST LATIF 019-510 0255	JOHOR HJ KAMAR 019-776 3300	SERAWAK HJ IBRAHIM 013-823 5841

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795
EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

SELANGOR	Wakil Daerah	SABAH	Wakil Daerah	KELANTAN	Wakil Daerah	SIMPANG LIMA/SEMERAH	Wakil Daerah
BATU CAVES HJ NOORDIN AMPANG MOHD ROZAIRIZAL AMPANG HJH CONNIE AMPANG HJH ROSNANI GOMBAK USTAZ ZULFEKAR KLANG HAJAH FADILAH GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE BATANG KALI USTAZ ANAS SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT KLANG HJ MUSTAFAR BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA BANGI HJ MOHD JAJOLI SHAH ALAM HJ HASSAN HULU KELANG HJ ROZALI SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL BANGI HJH NORIBAH HULU SELANGOR NORAI SHAH SERENDAH RADZIAH MD ISA	012-640 3144 013-364 8452 017-681 2727 019-266 0478 013-807 7722 011-3550 0615 019-277 7070 019-225 0189 019-332 6002 012-350 5437 012-235 8640 019-359 6423 010-221 2362 019-250 1210 019-214 0246 019-234 1922 012-222 8958 019-567 2254	BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE WIP LABUAN EN ZULKIFLI KINABATANGAN MOHD JEFRI KUNAK ENCIK KASMAN TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN SANDAKAN ENCIK SAHAR KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH ZAN BELURAN AWANG DAMIT TUARAN & KB MIASIN BIN MION BALONG HJH ROSNAH	019-589 3194 019-883 4852 013-556 9894 014-504 1963 011-5166 5530 014-865 5663 017-647 1594 019-803 0104 013-893 6806 019-823 1419 013-286 8839 010-510 7871 019-808 3885	BAHAU UST ZUBIR NILAI YAHYA OTHMAN GEMAS RIZAL KEMIS TELOK KEMANG ABD RAHMAN RASAH AZMAL SEREMBAN UBAIDAH JELEBU HJ MAZIN	011-1096 6342 019-604 6315 019-989 9028 017-237 2387 012-951 8172 019-915 5656	EN. MASUD KHAIROL FAUZI TMN. BROLEH PN. HAMIMAH RENGIT HJH JUNINAH TKG. PECAH HJH. ARFAH JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN SRI GADING HJH. ZAHARAH SKUDAI EN. ABD. JALIL NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT SENAI EN. ZAINUDIN INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH KOTA TINGGI HJ. SAHRONI PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM PARIT RAJA EN. MAIROP KULAI/TIRAM PN. ROPINAH SIMPANG RENGAM AZREEN KLUANG HJ. SHAMSUDIN BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF MUAR HJ. WAGIMAN KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM SIMPANG RENGAM ABD.WAHAB MAH ULU TIRAM HJ. MARJONI MAJIDEH HJH SUKARTINI PLENTONG MUHAMMAD ALI BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTIHAH SETIA INDAH HASNIZAN PASIR RAJA EN. SULAIMAN TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD PARIT RAJA MOHD ZAINOL PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI TAMAN PUTERI USTAZ NORAMAHAINI KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS	012-739 8477 012-722 8004 013-956 2524 017-752 2803 017-268 9029 019-700 0440 013-777 7044 019-779 9767 019-661 3068 012-798 4778 018-577 8898 019-776 3345 013-749 4432 019-797 2464 013-750 1889 017-712 3556 013-770 2810 019-777 0075 019-715 1764 019-792 6047 013-700 0454 019-720 0536 016-717 9098 013-754 6044 013-716 4114 019-709 1148 019-313 2274 016-707 2307 011-1273 7991 016-751 6565 013-722 4568 019-778 4487 019-728 2233 019-728 3783 019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWATD @ SETARAF (+ 600-800m)
HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850+ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Pendirian AMANAH berhubung kes Indira Ghandi

Oleh MOHAMAD SABU

Panel lima hakim yang diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Zulkefli Ahmad Maknudin telah membuat keputusan sebulat suara bahawa penukaran agama tiga anak guru tadika, M Indira Gandhi hampir 10 tahun lalu adalah terbatal dan tidak sah di sisi undang-undang. Keputusan ini adalah berbeza dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang sebelumnya menyatakan bahawa penukaran agama adalah sah walaupun ianya dilakukan secara ex-parte atau secara bersendirian tanpa persetujuan kedua-dua ibu bapa.

Keputusan penghakiman terbaharu ini, yang ditulis sepanjang 99 muka surat itu merumuskan bahawa penukaran agama kanak-kanak kepada Islam tidak mematuhi Seksyen 96 (1) dan 106 (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 dan sijil penukaran agama dikeluarkan tanpa persetujuan Indira (ibu) dengan demikian melanggar perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Penjagaan Kanak-Kanak 1961.

Oleh kerana ianya persoalan penafsiran perlembagaan, maka keputusan sesebuah Mahkamah, walaupun Mahkamah Persekutuan, tidak mengikat mahkamah lain untuk mengemukakan penafsiran berbeza. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan punca permasalahan belum lagi diselesaikan dan ada kemungkinan kontroversi ini akan turut dihadapi pada masa akan datang sehingga penafsiran yang muktamad tercapai. Begitu juga persoalan pertindihan dengan kuasa Mahkamah Syariah yang perlu juga diselaraskan.

Namun demikian, AMANAH berpendapat bahawa semua pihak harus menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan setelah 10 tahun isu ini berlarutan dengan penuh kontroversi. Kami memahami tahap sensitiviti isu ini tetapi kami yakin bahawa ruang semaksimanya telah diberi kepada semua pihak untuk menuntut keadilan demi anak-anaknya.

Bagi pihak yang tidak berpuas hati, sama ada dengan keputusan yang terhasil atau pendekatan yang telah diguna pakai, semua cadangan untuk memperbaikinya, dalam kes sebegini, hendaklah diusahakan melalui proses seperti mana yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ianya semestinya melalui proses demokratik dan menjauhi provokasi sentimen agama dan kaum bagi memelihara keamanan dan perpaduan nasional yang perlu diutamakan.

Semua pihak hendaklah memahami bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah asas pembinaan negara dan ia merupakan perjanjian bersama atau kontrak sosial yang perlu dipatuhi oleh semua demi menjamin keamanan dan kestabilan. Bagi umat Islam, persoalan mematuhi perjanjian adalah satu persoalan besar seperti mana telah dibuktikan Rasulullah (SAW) dalam peristiwa perjanjian Hudaibiah.

Pendirian AMANAH berhubung agama anak apabila salah seorang ibu bapa memeluk Islam

AMANAH berpandangan bahawa persoalan agama anak-anak apabila salah seorang ibu bapa memeluk Islam adalah satu persoalan ijthad



Bagi AMANAH, Selain keadilan, masalah kebajikan anak adalah paling utama.

yang tidak ada *ijma* (konsensus) mengenainya. Ini berdasarkan hakikat bahawa wujud perbezaan pandangan Ulama mengenainya yang perlu diiktiraf dan diambil kira.

Mazhab Syafie, Hanafi dan Hambali menetapkan status anak mestilah berpandukan kelslaman mana-mana pasangan.

Pandangan Maliki berbeza dengan menyatakan status agama anak berpandukan *nasab* (jalur keturunan) maka ia mengikut agama bapa. Jika ibunya memeluk Islam, anak kekal agama bapa yang bukan Islam. Ini berpaksikan adat dan budaya di mana anak 'dibinkan' ayahnya.

Imam Suffian Al Thawri (716-778 AD) berpendapat status agama adalah atas pilihan anak itu sendiri setelah capai umur akil baligh. Pendapat Al-Thawri bersandarkan sebuah Hadith di mana Rasulullah (SAW) meminta seorang anak memilih sendiri antara ibunya yang memeluk Islam dan ayahnya yang kekal dengan agama asalnya.

Walaupun pandangan Imam Al Thawri bukan pandangan majoriti namun kami berpendapat pandangan ini lebih hampir dalam mencapai maksud utama Syariah Islam dan dengan melihat realiti kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia. Dengan kata lain keputusan Mahkamah tidak semestinya bercanggah dengan pandangan Islam dalam hal ini.

Dari sudut perundangan, perlu juga disebut bahawa Muzakarah Penyelarasan Syariah dan Sivil tahun 2009, menetapkan bahawa status agama anak hendaklah Islam, mengikut mana-mana pasangan yang memeluk Islam. Begitu juga dengan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 25 Jun 2009 memutuskan status anak adalah di atas agama Islam mengikut mana-mana pasangan yang memeluk Islam.

Kami yakin ini adalah keputusan yang bertujuan mengikut pandangan Mazhab Syafie tanpa ada apa-apa keinginan untuk menilai kesesuaiannya dalam menghadapi keadaan, zaman dan tempat yang telah jauh berbeza.

Pendirian AMANAH berhubung persoalan yang bersifat ijthadiah

AMANAH berpendirian bahawa dalam persoalan '*ijtihadiah*' maka sesuatu masalah perlu ditangani dari sudut Maqasid Syariah yang turut mengambil kira Proses Perundangan dan Kebajikan anak-anak. Jika ianya tidak ditangani melalui perkara-perkara teras ini, kemungkinan kes lain yang serupa melibatkan penukaran agama kanak-kanak di bawah umur secara unilateral akan terus berlaku dan berpotensi menggugat keharmonian hubungan antara agama di negara ini.

Dari sudut Maqasid Syariah, isu ini perlu dihadapi dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap perkara yang lebih besar dari sentimen dan perasaan iaitu nilai-nilai Kerahmatan, Keadilan dan *Karamatul Insan* (Kemuliaan Insan). Semua pihak sama ada suami yang telah memeluk Islam atau isteri yang kekal agama asal, atau sebaliknya, perlu memastikan nilai-nilai di atas menjadi kepentingan bersama dalam melalui proses keadilan dan demi kebajikan anak-anak. Amat malang jika semua nilai teras Kerahmatan dan Kemuliaan Insan dicerobohi dalam memenuhi tuntutan masing-masing. Lebih malang sekiranya ianya dicerobohi atas kononnya 'kepentingan Islam'.

Dalam memenuhi tuntutan keadilan yang terkandung dalam Maqasid Syariah, AMANAH berpendapat Mahkamah Syariah hendaklah membuka pintu dan memberikan hak kepada pasangan bukan Islam untuk didengar di dalam perbicaraan di mana mereka dinamakan sebagai pihak-pihak di dalam perbicaraan atau tuntutan. Tidak seperti mana sekarang di mana walaupun mereka dinamakan tetapi hak mereka untuk didengar, dinafikan kerana halangan undang-undang. Hakim-hakim perlu sanggup memberi peluang kepada orang bukan Islam didengar di Mahkamah Syariah sebagai bukti bahawa Islam adalah adil dan mampu memberikan keadilan kepada semua pihak termasuk yang bukan Islam. Reformasi Institusi Mahkamah Syariah dalam menetapkan prinsip Keadilan rentas kaum dan agama wajar diberi perhatian serius. Mahkamah Syariah wajib mengusahakan keadilan dan bukan memenangkan orang Islam ke atas bukan Islam seperti mana yang difahami sebahagian masyarakat, Islam dan bukan Islam.

Selain keadilan, masalah kebajikan anak adalah

paling utama. Keadaan di mana anak-anak membesar dalam suasana konflik mahkamah yang tidak berkesudahan selama 10 tahun perlu dielak dari berulang kembali. Kasih sayang dan belaian perlu diutamakan dan Islam tidak ingin melihat kasih sayang dan belaian keluarga diabaikan.

Syor AMANAH berhubung cara menangani permasalahan ini

Kerajaan pernah mengusulkan pindaan pada Seksyen 88 (A) dalam akta pembaharuan undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (1976) pada tahun 2017. Namun deraf asal dipinda pada saat akhir dengan membuang klausa yang menyatakan bahawa status agama anak bawah umur kekal seperti asal jika tidak mendapat persetujuan salah seorang ibu bapa. AMANAH berpendapat tujuan asal pindaan untuk menangani masalah status agama anak tidak tercapai dan sepatutnya kerajaan meneruskan hasrat pindaan 88 (A) dengan membentangkannya untuk dibahas. Melalui perbahasan ini akan dapat dirumuskan penyelesaian terbaik dan adil terhadap masalah intepretasi Artikel 12 (4). Ini akan menjamin tidak berlakunya penafsiran yang berubah-ubah dari satu mahkamah ke satu mahkamah yang lain. Ini akan memberi keadilan kepada anak dan menyelamatkan mereka dari menjadi 'rebutan status agama'. Akhirnya mereka akan dibenarkan memilih agama mereka sendiri bila mencapai status baligh/dewasa.

AMANAH turut menyarankan agar umat Islam kembali memahami tujuan utama syariat Islam dihasilkan, iaitu untuk mempertahankan nilai-nilai Kemuliaan Manusia dan Keadilan Sejagat. Dalam kerangka kefahaman sebegini maka reformasi Mahkamah Syariah perlu disegerakan untuk penyelesaian tuntas di masa-masa hadapan.

Dalam keadaan akan ada ibu bapa yang kekal dengan agama asal yang tidak setuju untuk dihakimi di Mahkamah Syariah, walaupun setelah reformasi berjaya dilakukan, AMANAH berpandangan perlu ada Mahkamah Khas antara Sivil dan Syariah untuk menangani keadaan ini.

Kes Uighur: Umno gadai maruah Islam demi kepentingan ekonomi

TINDAKAN kerajaan menyerahkan pelarian Islam Uighur menunjukkan Umno dan BN tunduk kepada tekanan negara China demi kepentingan ekonomi untuk menjaga hubungan dengan negara Komunis itu.

Tindakan ini dibuat walaupun kerajaan menyedari umat Islam Uighur hampir pasti akan menerima nasib yang buruk ditangan rejim Komunis China itu, kata Datuk Raja Kamarul Bahrin, Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH.

Katanya, walaupun negara China meminta secara rasmi kaum Uighur di extradisi ke China, Malaysia boleh menolak permohonan tersebut atas sebab sebab tertentu.

"Mengikut amalan antarabangsa jika mereka yang di extradisi di percayai akan dikenakan hukuman berat yang tidak adil atau tidak akan mendapat percabaran yang adil,

mereka hendaklah di lindungi dari menerima nasib sedemikian. Ini adalah atas pertimbangan hak keadilan universal serta perikemanusiaan," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah kejam jika kerajaan Malaysia menghantar mereka pulang kerana mereka yang pernah dipulangkan ke China terdahulu telah hilang tanpa dapat dikesan sehingga hari ini.

"Kenapakah kerajaan Malaysia bersikap kejam dalam isu kaum Uighur ini?"

"Adakah kerana jalinan 'mesra' dengan kerajaan China Komunis dan ikatan ekonomi mempengaruhi tindakan ini? Adakah andaian mengadai ekonomi negara kepada negara China kini menjadi pengadaiaan nyawa kaum Muslim Uighur yang tertindas pula?" kata beliau dalam satu kenyataannya.

Bagi beliau, penjajahan moden hari ini bukan lagi melalui kuasa ketenter-

aan tetapi penjajahan hari ini ia adalah melalui kuasa ekonomi seperti yang di miliki oleh Negara China hari ini.

"Adakah ini petanda 'penjajahan' telah bermula di Malaysia?" soal beliau.

Kata beliau, kalau kerajaan tidak mudah mengalah dalam isu Zakir Naik yang di minta oleh kerajaan India, mengapa Malaysia begitu mudah mengalah pula kepada permintaan negara China dengan layanan istimewa ini?

Tegas Raja Kamarul Bahrin lagi, bukan hanya tanah dan ekonomi Malaysia mudah digadai ke negara China, adakah maruah semangat persaudaraan kaum Islam Uighur yang di tindas juga di gadai kerana tunduk atas kehendak kuasa ekonomi negara China.

Beliau menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak memberi penjelasan dalam isu ini.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen

Kuala Terengganu itu mendesak kerajaan menimbang semua menghantar pulang pelarian Islam Uighur yang ditahan di negara ini kembali ke China.

Beliau berkata, tindakan kerajaan itu amat menyedihkan dan mengejutkan umat Islam di negara ini dan dunia Islam.

"Rekod buruk Negara China Komunis ke atas kaum minoriti Islam Uighur didalam negara mereka amat dahsyat dan terkenal di kalangan pihak pejuang hak asasi manusia dan juga Pertubuhan Bangsa bangsa Bersatu (PBB).

"Kalau Kerajaan Malaysia boleh menanggung permintaan kerajaan India untuk menyerahkan Zakir Naik, yang mungkin boleh mendapat perlindungan di Negara Islam lain kerana beliau seorang yang terkenal, kenapakah kita begitu senang hendak menyerahkan pelarian Uighur ini terus ke negara China?" soalnya dalam

kenyataan hari ini.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi pada September lalu, dipetik berkata Malaysia menahan 29 'militan Uighur' yang terlibat dengan IS.

Zahid berkata China memuji Malaysia atas penangkapan itu dan menjalinkan kerjasama 2 hala dalam keselamatan sejak hubungan diperkuatkan.

Etnik Uighur adalah kumpulan majoriti di wilayah Xinjiang, China yang mempunyai penduduk majoriti Islam.

China dituduh melakukan pelanggaran hak asasi manusia di Xinjiang dengan menyeksa tahanan Uighur dan melaksanakan kawalan ketat terhadap agama dan budaya mereka. Bagaimanapun, negara itu menafikan sebarang tuduhan.

Penubuhan Mahkamah Khas tangani isu macam Indira Ghandi

Oleh KANUN

Presiden Parti AMANAH Negara, Tuan Haji Mohamad Sabu dalam satu kenyataan media pada 8 Februari 2018 berhubung dengan keputusan kes Indira Ghandi telah menyatakan bahawa AMANAH berpandangan perlu ada Mahkamah Khas yang gabungkan Sivil dan Syariah untuk menangani kes yang mana melibatkan ibu bapa yang kekal dengan agama asal yang tidak bersetuju untuk dihakimi di Mahkamah Syariah.

Isu dalam kes Indira Ghandi adalah berkaitan konflik agama apabila seorang pasangan menganut agama Islam manakala seorang lagi kekal dalam agama asalnya. Jadi apakah status agama anak-anak kepada pasangan tersebut.

Dalam kes Indira Ghandi, bekas suaminya Pathmanathan A/L Khrisnan (Mohd Ridzuan Abdullah) telah mendapatkan sijil pemelukan agama Islam bagi ketiga-tiga anaknya iaitu Tevi Darsiny (12 tahun), Karan Dinish (11 tahun) dan Prasana Diksa (11 bulan) pada 2 April 2009.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa sijil pemelukan agama Islam itu adalah tidak sah dan tidak berkuatkuasa. Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa kedua-dua ibu dan bapa daripada perkahwinan sivil mesti memberikan kebenaran sebelum surat perakuan menganut agama Islam dikeluarkan kepada anak tersebut.

Sememangnya kes seumpama ini akan berulang jika tiada suatu peny-



elelesaian yang tuntas oleh kerajaan. Maka, cadangan AMANAH ini wajar untuk dibincangkan dengan lebih lanjut untuk mencari mekanisme terbaik bagi menyelesaikan masalah ini.

Dalam struktur perundangan yang ada, orang bukan Islam tidak berhak dihakimi di Mahkamah Syariah kerana ada kekangan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Sivil bukan sahaja boleh menghakimi orang bukan Islam tetapi juga wujud kekangan peruntukan undang-undang berkaitan sekatan seperti ini maka jelaslah forum terbaik untuk menyelesaikan pertikaian ini adalah di Mahkamah Sivil. Ini kerana Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa terhadap seseorang itu tanpa mengira sama ada beliau beragama Islam atau tidak.

Soalnya, adakah Mahkamah Sivil mempunyai kemampuan untuk memutuskan hal seperti ini terutamanya jika berbangkit perkara-perkara yang berkaitan Hukum Syarak. Walaupun Hukum Syarak bukanlah sumber utama untuk seseorang Hakim Mahkamah Sivil memutuskan sesuatu kes tetapi kerana ianya ada kaitan dengan kes berkenaan maka hakim itu hendaklah juga merujuk kepada Hukum Syarak dalam hal tertentu bagi membolehkan sesuatu kes itu diadili dengan sempurna.

Prosiding kehakiman di Mahkamah Tinggi Sivil adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah Kehakiman

1964 (Akta 91). Seksyen 18(1) Akta 91 menyatakan bahawa apa-apa prosiding di Mahkamah Tinggi hendaklah dibicarakan dan diputuskan oleh seorang Hakim sahaja kecuali jika sesuatu undang-undang lain menyatakan sebaliknya.

Prosiding kehakiman di Mahkamah Sesyen Sivil pula adalah tertakluk kepada Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92). Seksyen 59(3) Akta 92 menyatakan bahawa hanya seorang hakim yang akan memutuskan kes di Mahkamah Sesyen.

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) pula mendefinisikan Mahkamah itu sebagai Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen yang diberikan bidangkuasa. Ini bermakna sesuatu kes yang melibatkan perkahwinan atau perceraian orang bukan Islam akan diadili di Mahkamah Tinggi atau di Mahkamah Sesyen yang diberikan kuasa.

Oleh itu secara umumnya, prosiding perceraian yang melibatkan pasangan bukan Islam akan dibicarakan di hadapan seorang Hakim sahaja selaras dengan peruntukan Seksyen 18(1) Akta 91 atau Seksyen 59(3) Akta 92.

Seperti yang dinyatakan di atas, dalam sesuatu hal keadaan pasti akan berbangkit berkaitan

Hukum Syarak jika melibatkan seorang yang menganut agama Islam. Ini akan menjadi kesulitan kepada Hakim yang tidak mempunyai asas dalam agama Islam.

Satu cara bagi menyelesaikan isu ini adalah dengan melantik seorang yang berkelayakan dalam agama Islam untuk turut menjadi penasihat kepada hakim tersebut. Perkara ini ada dibuat dalam kes yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Ini dinyatakan secara khusus dalam seksyen 11 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) menyatakan bahawa prosiding yang melibatkan kanak-kanak di dalam Mahkamah Kanak-Kanak hendaklah didengar oleh seorang majistret dengan dibantu oleh dua orang penasihat yang dilantik oleh Menteri.

Justeru, bagi membolehkan suatu

Mahkamah Khas ini ditubuhkan suatu pindaan undang-undang wajar dibuat kepada Akta 164 untuk penubuhan Mahkamah Khas yang berupaya untuk memutuskan isu-isu yang melibatkan seorang pasangan yang telah menganut agama Islam khususnya isu berkaitan pemelukan anak tersebut ke dalam agama Islam.

Pindaan kecil juga perlu dibuat di dalam Akta 91 dan Akta 92 untuk menjelaskan hal ini. Dengan pindaan ini akan membolehkan seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen yang diberikan kuasa untuk mendengar kes tersebut dan mendapat nasihat yang sewajarnya daripada seorang yang kompeten berkaitan Hukum Syarak. Justeru, semua pihak akan mendapat keadilan yang sewajarnya apabila sesuatu kes itu didengar.

DR. OLIVE BODY CARE

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSCRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Selepas China kuasai Proton

Wakil jualan Bumiputera dibimbangi 'bungkus'

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Wakil jualan dan vendor Bumiputera bagi Proton yang diterajui Dr Li Chunrong sejak Nov lalu dibimbangi terus terbeban dan 'gulung tikar' akibat pelaksanaan polisi di bawah pengurusan baru jenama kereta nasional itu.

Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema) mendedahkan pengurusan baru Proton tidak lagi menghiraukan kepentingan agenda Bumiputera apabila melaksanakan banyak dasar baru yang menekan wakil-wakil jualan.

Presidennya, Datuk Zainuddin Abdul Rahman berkata, Geely yang menguasai Proton mengambil alih kesemua pengurusan tertinggi sehingga menjejaskan nasib kira-kira 85 peratus wakil jualan Bumiputera yang masih bertaraf 1S (Jualan).

"Sekarang pun mereka sukar untuk bersaing dengan pengedar bukan Bumiputera apatah lagi dengan dasar kuku besi, bagaimana mereka dapat bertahan?" luahnya dipetik daripada wawancara sebuah akhbar mingguan, 11 Feb lalu.

Bahkan dedahnya, ramai wakil jualan Bumiputera telah bertukar tangan dan menutup operasi sejak November lalu akibat kerugian teruk yang berlarutan sekitar 40 hingga 50 peratus setiap bulan berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Menurutnya, wakil jualan hanya diberi tempoh kurang setahun untuk wajib menaik taraf status daripada 1S kepada 3S (Jualan, Servis dan Alat Ganti) bagi membolehkan model baharu Geely-Proton,

Boyue dijual.

Walau bagaimanapun, kos naik taraf itu, jelasnya menyebabkan pengedar perlu melabur antara RM3 juta hingga RM5 juta ketika jualan kereta Proton pada masa ini secara purata hanya sekitar 20 hingga 30 unit sebulan.

Beliau berkata, syarat ketat pinjaman bank dan wujudnya kecenderungan pilih kasih pihak bank terhadap Proton berbanding jenama kereta lain antara penyebab kereta tidak boleh dijual.

Dakwanya, pengurusan baru Proton akan menukar wakil jualan lain yang berkemungkinan besar majoritinya bukan Bumiputera jika tidak mematuhi syarat penukaran status pusat servis kepada 3S itu.

"Di Lembah Kelang ini terutamanya, mana nak dapat tanah untuk bina bangunan sendiri atas tanah seluas 0.61 hektar (1.5 ekar) seperti ditetapkan pengurusan baru Proton ini. Jelas tidak logik.

"Wakil jualan Bumiputera tidak mampu untuk menyewa atau membeli tanah 0.61 hektar tersebut. Akhirnya di Lembah Kelang, saya percaya akan dimonopoli oleh wakil jualan bukan Bumiputera," ujarnya sambil memberitahu hanya ada dua sahaja wakil jualan Bumiputera di Lembah Kelang yang bertaraf 3S.

Sehubungan itu, Zainuddin menjangkakan perniagaan golongan vendor Bumiputera turut terjejas teruk sehingga memaksa gulung tikar menjelang pertengahan



Zainuddin Abdul Rahman

han tahun ini.

"Saya rasa semuanya akan bungkus, mati. Tidak mustahil dalam lima hingga enam bulan ini, vendor-vendor Bumiputera pula akan 'mati', bisnes tutup tak boleh berniaga.

"Margin sedia ada pun tidak mampu menampung kos operasi

inikan pula saya difahamkan mereka nak kurangkan lagi 30 peratus," tegasnya.

Mengulas jualan Boyue mulai tahun ini, beliau memberitahu pihak Proton dengan insentif istimewa kerajaan akan membawa masuk sejumlah besar CBU Boyue bagi menggalakkan jualan Proton di pasaran dengan difahamkan akan diberi kepada wakil jualan Proton 3S sahaja.

"Ini satu lagi diskriminasi secara halus kepada wakil jualan Bumiputera 1S yang tidak diberi hak untuk menjual CBU Boyue," tegas Zainuddin.

Antara dasar baru Proton yang juga membebaskan membebaskan wakil jualan Bumiputera, katanya, adalah sasaran jualan yang sukar dicapai dalam keadaan pasaran pada masa ini serta caj dan faedah jika kereta tidak dijual dalam tempoh 14 hari.

Turut memberi tekanan adalah diskaun khas 10 peratus kepada Persatuan Hokkien, kakitangan Petronas, DRB-Hicom dan institusi kewangan yang menyaksikan pembeli hanya boleh membeli daripada pengedar Proton sendiri bukan daripada wakil jualan.

Tindak tanduk Shafee sendiri undang usul Badan Peguam

KUALA LUMPUR: Mahkamah Rayuan diberitahu usul Tommy Thomas terhadap Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah di mesyuarat agung tahunan (AGM) Badan Peguam Malaysia pada 2015 dibuat ekoran tindak tanduk Shafee sendiri.

Peguam Tommy, Datuk Ambiga Sreenevasan dalam penghujahannya 13 Feb lalu berkata Shafee adalah pendakwa ad hoc dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ambiga berhujah demikian pada rayuan Shafee dalam saman fitnah terhadap Tommy, bekas hakim Mahkamah Rayuan VC George, Badan Peguam Malaysia dan presidennya ketika itu Christopher Leong kerana membentangkan usul itu dalam AGM, lapor Malaysiakini.

Ambiga berkata, selepas Shafee berjaya dalam sabitan dakwaan liwat terhadap Anwar di Mahkamah Persekutuan, dia memberikan wawancara kepada akhbar cetak dan atas talian dan terlibat dalam siri jelajah membincangkan kes itu.

Siri pertama berlangsung di Kelana Jaya dan dianjurkan oleh Umno, kata Ambiga.

"Bolehkah pendakwa ad hoc memihak kepada sesebuah parti politik dalam hal ini?" katanya di hadapan tiga panel hakim diketuai oleh Datuk Wong Dak Wah.

Hakim-hakim lain termasuk Datuk Umi Kalthum Abdul Majid dan Datuk Ahmadi Asnawi.

Sebelum itu, kata Ambiga, Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin 'mengiklankan' kepada pengkritik dan mencabar mereka bertanya soalan berkaitan kes itu.

"Dua ratus orang hadir mendengar ucapan itu dan siaran langsung dibuat, yang Shafee



Safee Abdullah

bukan hanya bincangkan kes itu tetapi juga prosiding in camera (prosiding secara tertutup).

"Tindak tanduk plaintif sendiri yang mencetuskan notis usul itu dibuat kerana beliau telah mencemarkan profesyen undang-undang.

"Shafee beritahu penonton dia sedia berdebat dengan sesiapa sahaja, termasuk Majlis Peguam Malaysia berkaitan sabitan itu, tetapi dia tidak bersedia pula untuk hadir ke mesyuarat Majlis Peguam Malaysia untuk mempertahankan diri," katanya.

Dalam samannya, Shafee mengadu defendan-defendan bertindak dengan 'mala fide' (berniat jahat) dan 'ultra vires' (melampaui kuasa) terhadap haknya dengan mahu membentangkan usul itu di AGM walaupun dia sebelum ini mendapat perintah injunksi.

Shafee kalah saman itu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Mei 2016.

Dalam rayuannya, Shafee yang mewakili dirinya sendiri berkata usul dibentangkan itu mencabul haknya bawah Perkar 5 (kebebasan diri) dan Perkar 8 (kesamarataan) Perlembagaan Persekutuan.

Di parlimen senyap, di facebook riuh berceloteh

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Sepang Hanipa Maidin mengkritik keras Ahli Jawatankuasa Pas Pusat Nik Abdul Nik Abdul Aziz yang menurutnya senyap di Dewan Rakyat tetapi riuh di media sosial (facebook).

Dalam status di laman facebook, Hanipa berkata bidasan Nik Abdul yang ditujukan kepada beberapa pemimpin politik menggambarkan imej keseluruhan parti berkenaan yang menganggap orang lain "tidak cerdas".

Kata Hanipa apa yang ditulis Nik Abdul

yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas tidak lebih sekadar lakonannya untuk mengelirukan orang lain.

Tindakan Nik Abdul mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, kata Hanipa, sengaja dibuat supaya Pas dilihat tidak terkecuali mengancam presiden Umno yang dikaitkan dengan saman Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) berhubung skandal 1MDB.

"Mamat ni memang semua tahu, dalam

parlimen kewujudannya seperti tak wujud. Tapi dalam facebook, dia agak rajin berceles, komennya berhubung bidasan Nik Abdul.

Baru-baru ini, bekas ketua pemuda Pas itu mengancam secara pukal Najib, Lim Kit Siang (anggota parlimen Gelang Patah), Tun Dr Mahathir Mohamad (pengerusi Pakatan Harapan) serta Husam Musa (naib presiden AMANAH) dalam kemas kini di laman facebooknya.

Antara lain Nik Abdul mengulas kenyataan Najib berhubung pergantungan Kelantan kepada kerajaan pusat bagi membayar gaji kakitangannya.

Tindakan Nik Abdul membidas Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang pula jelas Hanipa, secara tidak langsung mengesahkan bahawa Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang memang bercita-cita mahu mengangkat Tengku Razaleigh Hamzah menjadi perdana menteri.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Sri Mulyani julang nama Indonesia di pentas dunia

KETIKA ini masyarakat di Indonesia sedang berbangga dengan sosok wanita yang namanya Sri Mulyani Indrawati. Sri Mulyani merupakan anak ke-7 daripada 10 orang bersaudara. Bapanya Profesor Dr. Satmoko dan ibunya bernama Profesor Dr. Retno Sringsih Satmoko merupakan pendidik di Universiti Negeri Semarang, Indonesia.

Sri Mulyani lahir pada tanggal 26 ogos 1962 di Lampung. Namanya di Indonesia bukanlah sesuatu asing dan bukan juga sesuatu "kejutan" apabila beliau dinobatkan selaku Menteri Kewangan Terbaik Dunia bagi tahun 2018, Sri Mulyani sebenarnya sudah lama bertapak diruang perbincangan keilmuan dan pengamalan dalam bidang ekonomi baik di Indonesia dan antarabangsa.

Masa menuntut

Beliau menjalankan pengajian Master dan Ph.D di sebuah universiti di Amerika Syarikat yang dikenali sebagai University Of Illinois Urbana-Champaign. Pengalaman Sri Mulyani dan pasangannya, Tonny Sumartono ketika dalam pengajian hingga terpaksa menjual kereta kerana mahu membayar yuran kuliahnya.

Cuma ketika menjalani Ph.Dnya Sri Mulyani melakukan kerja sambilan dikampusnya. Begitu ketegaran beliau dan suami berkelana dengan satu tujuan selain mahu berjaya untuk peribadinya, nafsu untuk menaikkan martabat Indonesia itu keatas menjadi pendorong mereka untuk berkorban.

Begitu juga jika kita menyelak kisah sejarah hidup seorang lagi tokoh Indonesia yang bernama Bacharuddin Jusuf Habibie yang dikenali dunia dengan nama B.J Habibie. Beliau bukanlah calang-calang orang, seorang insinyur(jurutera) pesawat yang menempuh pelbagai kesusahan sebelum menemupa kejayaan.

Sri Mulyani dan B.J Habibie antara tokoh yang penulis hormati. Mereka dari awal lagi mempunyai pengkhususan bidang. B.J Habibie dari kecil minatnya kearah

Pada era kepimpinan Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono, Sri Mulyani sebenarnya sudah pun menjawat jawatan Menteri Kewangan Indonesia. 2004 beliau



Sri Mulyani menerima anugerah menteri terbaik dunia daripada Emir Dubai.

dipanggil pulang ke Indonesia oleh Presiden SBY bagi menjadi menteri dalam kabinetnya. Sri Mulyani mula menjawat jawatan Menteri Kewangan hanya bermula pada tahun 2005 hinggalah ke 2009.

Namun sudah tentu dalam bidang politik dan kerajaan akan hadir pasang surutnya. Pada 2008 Sri Mulyani didakwa terlibat dalam skandal dalam menyelamatkan sebuah bank gabungan yang dikenal sebagai PT Bank Mutiara. Namun selepas siasatan dilakukan oleh badan penyiasatan anti rasuah membuktikan Sri Mulyani bersih dari tuduhan menerima rasuah atau sebarang ganjaran.

Beliau diangkat sebagai tokoh reformis ekonomi di Indonesia. Malah kecekapan dan kepakaran beliau turut mampu menyasarkan serta menarik pelabur untuk melabur dinegara yang penduduknya hampir mencecah 262 juta orang pada tahun 2018. Tetapi beliau mengambil keputusan untuk menulis surat perletakan jawatannya pada 2009 kerana skandal rasuah yang terdakwa pada dirinya sebelum itu.

Letak jawatan

Begitulah berprinsipnya Sri Mulyani walau beliau telah pun dibuktikan tidak bersalah melakukan pecah amanah dan rasuah.

Tidak seperti pimpinan dalam negara kita, undang-undang rasuah itu tidak lut pada dirinya dan kroni. Disaat bukti wujud, pihak berwajib berdolak-dalih menafikan kebenaran menggunakan kebatilan.

Bekas Menteri Kewangan di zaman Presiden SBY itu tidak dibiarkan begitu saja oleh mereka yang melihat kemampuan dan potensinya dalam membawa Indonesia melalui fasa peningkatan ekonominya, beliau disambar oleh Dana Kewangan Antarabangsa(IMF) sejurus meletakkan jawatannya.

Dengan punya pengalaman selaku anggota lembaga pengarah IMF Sri Mulyani di lihat sosok paling cocok menduduki kerusi tersebut setelah mengemudi Indonesia keluar dari kemelesetan ekonomi global ditambah penghormatan oleh seluruh rakan sejawatnya diseantero dunia.

Menteri kewangan kali ke-2

Pada tahun 2014, nama Sri Mulyani sekali lagi menjadi kontroversi. Kata sesetengah desas-desus, beliau mungkin akan bertanding kerusi Presiden Indonesia tahun tersebut. Namun khabar itu berlalu begitu saja.

Namun pada tahun tanggal 27 Julai 2016, Sri Mulyani secara rasminya dilantik menjawat jawatan Menteri Kewangan Indonesia



PENDAPAT
SYAFIQ AZMI

dibawah pimpinan Presiden Joko Widodo yang lebih dikenali sebagai Jokowi. Dengan pengalaman yang ada beliau terus berusaha membantu Indonesia naik dan meningkat ekonomi mereka. Hanya dengan karisma dan merit yang dimiliki, Sri Mulyani mampu menarik pelabur untuk melabur di negara pancasila itu.

Sehinggalah beliau ditabalkan sebagai Menteri Kewangan 2018 terbaik dunia.

Pengajaran

Di Malaysia Menteri Kewangan kita adalah insan yang sama menjawat jawatan Perdana Menteri. Pada tahun 2016, portal Finance-Asia telah mengumumkan Najib Razak sebagai Menteri Kewangan paling teruk di Asia. Bukan sekadar itu saja, mengikut apa yang dilaporkan oleh badan transperansi rasuah dunia, skor mata Malaysia turun 1 mata pada tahun yang sama.

Menurut portal tersebut kasus korupsi 1MDB dengan sejumlah US\$700 juta berada didalam akaun peribadi Perdana Menteri juga mempengaruhi indeks meletakkan Malaysia ditangga ke 55 dari 176 buah negara.

Maka Malaysia juga harus mencontohi negara jiran yang meletakkan seseorang yang berprinsip sebagai nakhodanya. Jika rakyat Indonesia yang menjadi buruh di Malaysia hari ini mampu mendongak kebanggan kerana ada namanya Sri Mulyani Indrawati sebagai pemimpin, apakah rakyat Malaysia yang sering melancong ke Indonesia nanti hanya mampu menyembam wajah ke tanah kerana dipimpin oleh individu yang terpalit dengan dakwaan merompak dan mencuri hak milik kita dan tanah air tercinta ini.

■ **Muhammad Syafiq Azmi ialah Ketua Pemuda Amanah Melaka.**

Semoga Tun M segera sembuh, lawan kleptokrasi

PRESIDEN Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohamad Sabu meluang masa menziarahi Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur sejak 9 Februari lalu.

Pada kunjungan 12 Feb itu, Mohamad yang menulis di akaun facebook beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia mendoakan kesihatan calon Perdana Menteri Pakatan Harapan itu kembali pulih.

"Melawat Tun Dr. Mahathir Mohamad, bakal Perdana Menteri Malaysia selepas PRU14, di Insitut Jantung Negara sebentar tadi. Tun Siti sentiasa di sisi menemani beliau.

"Semangatnya kental. Jiwanya teguh melawan kleptokrasi. Moga Tun segera sihat dan kembali bersama memimpin gerakan rakyat untuk membina masa depan yang lebih cemerlang," tulisnya sambil berkongsi beberapa keping gambar sebelum pertemuan.

Sementara itu, Unit Komunikasi Korporat IJN dalam satu kenyataan sebelum ini berkata Tun Mahathir mengalami jangkitan di dada susulan batuk dan perlu dirawat beberapa hari untuk pemantauan.

Doktor juga menasihatkan tokoh negarawan itu terus berehat dan hanya membenarkan lawatan keluarga terdekat pada masa ini.



Mohamad menandatangani buku pelawat sebelum menziarahi Tun Mahathir.

Haram boikot atau rosakkan undi, kata mufti WP

KUALA LUMPUR: Haram untuk pengundi menyokong kempen memboikot atau sengaja merosakkan undi pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14), tegas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri.

"Kami cenderung menyatakan haram merosakkan undi. Begitu juga haram hukumnya daripada sudut syarak tidak mengundi dan mendaftarkan diri sebagai pengundi," tulisnya di Facebook, 12 Feb lalu.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua warganegara Malaysia yang layak mengundi agar mendaftarkan diri dengan segera untuk mengundi sempena PRU14 dan melaksanakan tanggung jawab dan amanah dengan mengundi calon yang diyakini menjaga lima perkara yang terkandung dalam maqasid syariah (tujuan syariah diturunkan) iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Media sebelum ini melaporkan gerakan memboikot atau sengaja merosakkan undi pada PRU14 tersebar di laman



Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri juga berkata, haram untuk rakyat tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi.

media sosial dengan hashtag #UndiRosak, #SpoiltVote dan #ProtesPRU.

Kempen itu yang menjadi subjek perdebatan hangat di media sosial

baru-baru ini, dikritik pemimpin daripada parti pemerintah dan pembangkang, termasuk Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad yang menuduh pemimpin Umno di sebalik kempen itu.

Kempen itu muncul sebagai tanda protes terhadap BN dan PH, selepas Dr Mahathir dinamakan sebagai calon perdana menteri gabungan empat parti pembangkang itu pada 7 Januari lalu.

Pada 26 Januari lalu, aktivis, Maryam Lee dilaporkan berkata, kempen #UndiRosak semakin mendapat tempat di kalangan orang muda, dengan sokongan paling banyak di Kuala Lumpur kerana orang muda 'letih' dengan permainan politik kedua-dua pihak.

Ketua Pemuda PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, PH perlu meyakinkan penyokong #UndiRosak bagi menyokong gabungan pembangkang itu kerana setiap orang ada hak mencorakkan masa depan negara.

Menteri kewangan Indonesia menteri terbaik di dunia

DUBAI: Menteri Kewangan Indonesia Sri Mulyani Indrawati menerima Anugerah Menteri Terbaik Dunia dalam Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia di sini, 12 Feb lalu.

Anugerah itu disampaikan sebagai mengiktiraf sumbangan tokoh wanita 55 tahun itu dalam melaksanakan pembaharuan di republik itu.

Anugerah yang dinilai secara bebas oleh firma perunding antarabangsa Ernst & Young itu disampaikan oleh Emir Dubai Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum yang juga naib presiden dan perdana menteri Emeriah Arab Bersatu (UAE).

Berkongsi kejayaan itu di Facebook, Sri

Mulyani berkata beliau mendedikasikan anugerah itu kepada pemerintah bawah pimpinan Presiden Joko Widodo dan 257 juta rakyat Indonesia serta 78,164 kakitangan Kementerian Kewangan.

Katanya, mereka telah bekerja keras mentadbir kewangan Indonesia dengan penuh amanah dan iltizam tinggi.

"Berbagai upaya reformasi dasar telah dicanangkan di Kementerian Kewangan, bertujuan untuk mendorong dasar fiskal menuju pembangunan terangkum dan berterusan.

"Reformasi birokrasi di Kementerian Kewangan juga sudah membuahkan banyak hasil," katanya.



Sri Mulyani menerima anugerah daripada Emir Dubai Sheikh Mohammed Rashid Al Maktoum di Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia.

Aliran keluar tenaga kerja profesional kerana gaji rendah

KUALA LUMPUR: Masalah gaji rendah menyebabkan sejumlah besar tenaga kerja negara berhijrah ke negara asing seperti Singapura, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah, kata Ahli Parlimen Batu Gajah, V Sivakumar.

Menurut Sivakumar, gaji yang rendah menjadi faktor penolak untuk golongan cendekiawan dan terlatih daripada bekerja di negara ini dan golongan tersebut memilih negara yang sanggup menawarkan gaji tinggi berdasarkan tahap pendidikan dan kemampuan bekerja mereka.

"Sampai bilakah negara kita akan kehilangan tenaga kerja? Mampukah

negara kita menarik kembali tenaga kerja anak watan di perantauan?"

"Jawapannya adalah mudah. Jika kita boleh menawarkan peluang pekerjaan dengan gaji yang tinggi serta kemudahan-kemudahan yang lain, sudah pasti pekerja-pekerja kita di luar akan kembali ke pangkuan Malaysia.

"Kita juga boleh menghalang 'brain drain' yang mendadak," kata Ketua Setiausaha Pakatan Harapan (PH) Perak itu.

Beliau kesal kerana tiada usaha yang serius dan konkrit untuk menangani masalah ini ditambah dengan kadar gaji di Malaysia yang rendah.

"Hampir 50% pekerja Malaysia men-

dapat gaji kurang daripada RM2000 sebulan.

"Dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat, golongan ini terpaksa hidup dalam keperitan ekonomi. Akibatnya, suami isteri terpaksa bekerja untuk menampung kos hidup yang melambung.

"Ramai juga yang terpaksa bekerja lebih masa atau membuat dua kerja untuk mencari pendapatan yang cukup," katanya.

Keadaan ini, katanya menyebabkan kualiti hidup rakyat 'rosak', melahirkan generasi materialistik dan akhirnya budaya kerja yang tidak sihat akan mengganggu keseluruhan institusi sosial negara.

"Saya tidak yakin masalah ini boleh diselesaikan oleh kerajaan BN yang menjadi punca ketidakseimbangan ini.

"Kita perlu berani untuk berubah. Kerajaan baru yang mampu menyelesaikan masalah rakyat perlu diberi peluang untuk mentadbir negara ini.

"Kerajaan baru yang boleh mengurangkan kos sara hidup dan menambatkan pendapatan seisi rumah perlu diangkat dalam PRU14 nanti," sambungnya.

Justeru kata Sivakumar, PH perlu menjadi pilihan seluruh rakyat khususnya golongan B40 dan M40 yang benar-benar memerlukan keprihatinan kerajaan.

Shahrir dianggap bersandiwara

Tanah Felda Jalan Semarak belum dipulang

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Kenyataan Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad 15 Jan lalu bahawa tanah milik Felda di Jalan Semarak telah dikembalikan kepada institusi itu kini menjadi tanda tanya memandangkan siasatan dilakukan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli mendapati geran-geran tanah itu masih menjadi hak pemaju.

Dalam sidang media yang disiarkan secara langsung di laman facebook 8 Feb lalu, Rafizi yang juga Naib Presiden Keadilan mengaku telah membuat pelbagai siasatan dan berjaya mendapatkan geran hak milik untuk kesemua 16 lot tanah Felda yang dipindahkan kepada pemaju, Synergy Promenade Sdn Bhd.

"Semua geran ini diperolehi dengan menjejaki nombor-nombor geran hak milik, yang seterusnya membolehkan saya membeli setiap geran yang bernilai RM30 setiap satu," jelas beliau.

Daripada penelitian yang dibuat, jelas Rafizi tiada satu pun dari tanah-tanah itu yang telah dipindah milik kembali kepada Felda.

Menurut beliau, setakat 31



Tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur masih dimiliki pemaju.

Jan lalu ketika geran-geran itu diperolehi, kesemua 16 lot tanah tersebut masih lagi dimiliki Synergy Promenade KLVC Sdn Bhd (Lot 390) dan Synergy Promenade Sdn Bhd (15 lot yang lain).

"Apabila Tan Sri Shahrir mengumumkan pada 15 Jan lalu kononnya Felda telah memiliki kembali hak milik, apakah maksud beliau sedangkan geran-geran hak milik secara jelas menunjukkan ia masih lagi hak milik pemaju?" soal Rafizi.

Beliau turut menuntut penjelasan Shahrir berhubung kenyataan pengerusi Felda itu bahawa

semua surat pemilikan tanah telah didaftarkan kembali atas nama Felda.

"Surat apa yang dimaksudkan beliau? Satu-satunya instrumen undang-undang yang digunakan adalah geran hak milik yang menunjukkan tidak ada satu pun geran hak milik didaftarkan atas nama Felda," soal Rafizi.

Beliau juga mengingatkan Shahrir bahawa syarat nyata yang dimasukkan bagi geran hak milik tanah-tanah lot 4573, 4574, 9096, 14120 dan 22524 adalah bagi tujuan pejabat Felda sahaja.

Sehubungan itu, tambah beliau

“Saya tahu bahawa tujuan sandiwara ini dimainkan adalah untuk menunjukkan bahawa pengurusan Felda di bawah kepimpinan Tan Sri Shahrir Samad tidak terlibat di dalam pelbagai urusan yang merugikan peneroka Felda dan sedang berusaha menyelamatkan Felda...”

apabila pemaju Synergy Promenade Sdn Bhd membangunkan menara-menara perniagaan dan kediaman mewah untuk dijual kepada orang ramai, ia telah melanggar syarat-syarat nyata berhubung 5 lot tanah yang diambil dari Felda.

"Saya tahu bahawa tujuan sandiwara ini dimainkan adalah untuk menunjukkan bahawa pengurusan Felda di bawah kepimpinan Tan Sri Shahrir Samad tidak terlibat di dalam pelbagai urusan yang merugikan peneroka Felda dan sedang berusaha menyelamatkan Felda.

"Ini bertujuan meyakinkan peneroka Felda dan orang Melayu kononnya pelbagai isu yang dibawakan oleh saya dan pimpinan Pakatan Harapan yang lain adalah tidak benar.

"Hakikatnya tidak ada satu pun lagi tanah-tanah itu yang diumumkan

kan 'telah kembali' kepada Felda yang hak miliknya didaftarkan kembali atas nama Felda," tegas Rafizi.

Beliau menunggu jawapan Shahrir berhubung perkembangan terbaru ini dan sedia berdebat melalui media sehingga tanah-tanah itu kembali sepenuhnya kepada Felda dan tidak dijadikan bahan sandiwara.

Pada pertengahan Disember lalu, Shahrir ketika ditanya pemberita berhubung kehilangan milik tanah Felda di Jalan Semarak mendakwa Felda tidak mahu projek pembangunan yang melibatkan pemaju dan hanya mahu tanah-tanah itu kembali kepada Felda.

Pada 15 Jan lalu dalam satu sidang media di Menara Felda, Shahrir mengumumkan bahawa tanah-tanah itu kononnya telah kembali kepada Felda.

Shahrir akui tanah Felda di jalan Semarak masih milik pemaju

KUALA LUMPUR: Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad mengakui tanah-tanah Felda di Jalan Semarak masih lagi dimiliki pihak pemaju.

Shahrir diminta mengulas pendedahan Ahli Parlimen Pandan yang juga Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli bahawa salinan geran tanah di Jalan Semarak itu menunjukkan kesemua 16 lot tanah masih lagi dimiliki Synergy Promenade KLVC Sdn Bhd (Lot 390) dan Synergy Promenade Sdn Bhd (15 lot

yang lain).

Shahrir menjelaskan kesemua tanah berkenaan masih di bawah kaveat pendaftar.

"Tanah itu tidak boleh dilakukan sebarang urusan termasuk didaftarkan kembali kepada Felda selagi adanya kaveat pendaftar. Kaveat pendaftar itu ialah cara untuk melindungi kepentingan Felda.

"Apabila Felda membuat laporan polis pada 26 Dis, (tanah itu) diletakkan ka-

veat pendaftar. Jadi selagi tidak diangkat kaveat pendaftar itu atau dibatalkan kaveat pendaftar itu, sebarang urusan tidak boleh dilakukan ke atas tanah berkenaan termasuklah pendaftaran milik balik kepada Felda," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Felda di sini, 8 Feb lalu, lapor Bernama.

Bagaimanapun, beliau berkata, Felda yakin akan mendapat kembali tanah itu.

"Dalam mana-mana proses pindah milik, ia perlu dilakukan melalui resolusi lembaga pengarah (pemaju). Jadi sebagai syarikat, nama tanah itu dalam nama syarikat.

"Untuk syarikat itu pindah milik balik (tanah) kepada Felda, syarikat kena buat resolusi lembaga pengarah dan tandatangan. Kedua, kena ditandatangani dan juga diletakkan cop mohor kepada borang 14A. Jadi dua dokumen itu berada dengan Felda," katanya.

Hadir program Anak, ketua Penerokawati didesak letak jawatan

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) kesal dengan tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Serting, Datuk Shamsulkahar Mohd Deli, mendesak Ketua Penerokawati Felda Serting Hilir 3, Nora Abd Rahman meletakkan jawatan serta merta hanya kerana menghadiri program Anak.

Presidennya, Mazlan Aliman menyifatkan tindakan Shamsulkahar itu sebagai keterlaluan dan biadap

serta tidak menghormati hak Nora sebagai rakyat dalam sebuah negara demokrasi.

Menurut Mazlan, Nora, 52, yang berkunjung ke Pejabat Adun berkenaan bagi memajukan permohonan bantuan berkaitan program Gerakan Persatuan Wanita (GPW) sebaliknya dipaksa menulis surat perletakan jawatan.

"Puan Nora dipilih secara demokratik, tempohnya hanya akan berakhir pada bulan Jun ini.

"GPW adalah badan NGO di Felda yang mewakili wanita Felda, tanpa mengira latarbelakang politik.

"Alasan Datuk Shamsulkahar, hanya kerana puan Nora dilihat hadir dalam majlis Anak dan ceramah Pakatan Harapan sukar diterima," ujarnya dalam satu kenyataan.

Dalam perkembangan berkaitan, Nora menjelaskan kehadiran dalam program Anak hanya untuk mendapatkan info mengenai Felda dan isu semasa.

Nora yakin tindakannya itu bukan suatu kesalahan dalam perlembagaan negara malah beliau masih menganggotai Umno dan tidak berhajat menyertai mana-mana parti politik pembangkang.

Mazlan menaruh keyakinan bahawa Nora tidak akan tunduk pada desakan Adun Serting itu, sebaliknya akan berperanan seperti biasa selaku Ketua GPW demi kepentingan masyarakat, khususnya kaum wanita Felda.



Nora Abd Rahman

Lindungi pemberi maklumat, bukan biar perasuah berleluasa

Oleh **HUSIN MAHAT**
Foto **WAN ZAHARI SALLEH**

KUALA LUMPUR: Hukuman penjara 30 bulan yang dikenakan ke atas Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli dan bekas kerani bank Johari Mohamad mengukuhkan persepsi umum bahawa pemberi maklumat (whistle blower) di negara ini tidak dilindungi meskipun peranan mereka mustahak dalam pendedahan skandal jenayah termasuk rasuah. Sehubungan itu, Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar yakin hukuman yang dikenakan ke atas Rafizi dan Johari akan kembali menjadi pencetus kebangkitan rakyat terhadap pemerintah BN. Dalam satu kenyataan media, beliau kesal apabila siasatan dan hukuman lebih tertumpu ke-

pada mereka yang mendedahkan maklumat, berbanding usaha untuk menggerakkan penyiasatan menyeluruh terhadap kes yang didedahkan.

"Jelas, ini adalah langkah simplistik bagi mengekang lebih banyak kes kebocoran dana awam di atas nama undang-undang," ujarnya.

Beliau memberi contoh bagaimana pertuduhan dan serangan dilemparkan terhadap Rafizi dan Johari yang didakwa dan dihukum kerana melanggar Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Bafia) berhubung pendedahan akaun National Feedlot

Corporation Sdn Bhd (NFC).

"Pada saya, hukuman yang dijatuhkan adalah hasil usaha untuk membabitkan saudara Rafizi atas tuduhan fitnah, sedangkan sejarah NFC sendiri dipenuhi pelbagai kontroversi," katanya.

Nurul Izzah turut menyorot pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 15 Januari 2012 bahawa aset NFC telah dibekukan bagi memberi ruang kepada penyiasatan lengkap.

Bagaimanapun tambah beliau, setelah 5 tahun skandal NFC dilaporkan di media, RM250 juta yang dipinjamkan kerajaan

kepada syarikat tersebut belum 'diselamatkan' sepenuhnya.

"Datuk Seri Shahrizat (isteri pengarah urusan NFC) pula telah kembali ke persada politik dan mencanang idea untuk bertanding, sedangkan saudara Rafizi dan saudara Johari dijatuhkan hukuman penjara lebih 2 tahun.

"Saya berpandangan bahawa ini adalah gambaran sebenar situasi perundangan negara; seorang ahli Dewan Rakyat yang membongkar skandal berkait dana awam dipenjarakan, manakala seorang pemimpin negara yang terpalit skandal rasuah global masih bebas berleluasa.

"Di mana keseriusan kerajaan dalam menjalankan siasatan yang telus, tatkala isu yang terdahulu pun masih di takuk pensabitan mereka yang mendedahkan?"

kesal beliau.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu turut menyatakan komitmen Pakatan Harapan (PH) untuk memastikan seluruh institusi kerajaan (termasuk institusi perundangan) beroperasi secara telus tanpa campur tangan 'kuasa luar' jika diberi peluang menerajui Putrajaya.

Kerajaan PH, katanya akan mereformasi undang-undang sedia ada termasuk Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

"Saya yakin, hukuman yang dikenakan ke atas YB Rafizi dan saudara Johari akan kembali menjadi pencetus kebangkitan rakyat Malaysia terhadap puak pemerintah sedia ada. Ingatlah wahai Umno-BN, titik perjuangan rakyat telah tiba, dan permainan sama sekali belum berakhir," tegas beliau.



Nurul Izzah Anwar

Rakyat jadi mangsa kerana sebar berita benar

KUALA LUMPUR: Usaha kerajaan BN untuk menggubal undang-undang mengekang berita palsu adalah baik namun realitinya rakyat menjadi mangsa kerana menyebarkan berita benar dan tepat, kata Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

Hanipa berkata, keputusan Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman 30 bulan penjara ke atas Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli membuktikan penyebaran berita benar untuk kepentingan awam di negara ini tidak dilindungi undang-undang.

"Hairanlah (apabila) demokrat palsu nak bendung berita palsu. Mengekang berita palsu memang bagus. Tapi realitinya di dalam negara ni rakyat jadi mangsa sebab sebar berita benar dan tepat.

"Contoh yang klasik kes rakan baik saya, YB Pandan. Dihukum penjara 30 bulan sebab dedah berita benar dan tepat.

"Yang terpalit dengan berita benar itu bebas di luar dan khabarnya (isteri beliau) sibuk nak jadi calon PRU," ujarnya dalam kenyataan di facebook.

Dakwanya lagi, di negara ini banyak undang-undang yang digubal untuk menghukum kebebasan suara rakyat walaupun ia terbukti benar.



Mohamed Hanipa Maidin

"Di negara ini banyak sudah undang-undang yang masih hukum rakyat sebab bercakap dan sebar berita benar.

"Contohnya Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) diguna (baca salah guna) sebab rakyat cakap benda benar. Benar bukan satu pembelaan dalam akta-akta tu (truth is not a defence in the said Acts).

"Dalam Parlimen bercakap benda benar seperti isu 1MDB pun tidak boleh. Dalam organisasi yang suci bercakap benda benar pun digeruni sebab diancam dengan 'firewall' wala' (kesetiaan)," katanya merujuk kepada Pas.

Beliau turut menyaoal sama ada berita palsu atau berita benar yang jadi musuh negara.

Hanipa bagaimanapun berkata,

dengan mandat rakyat Pakatan Harapan (PH) akan terus bersuara lantang melawan 'budaya buli' BN di Dewan Rakyat.

"Kami tak akan rela orang kata jadi 'MP pasu bunga' sahaj di sana," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Azalina Othman Said telah mengumumkan pembentukan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji undang-undang baharu bagi membendung berita palsu yang boleh "mengugat kestabilan politik dan mengancam ketenteraman awam serta keselamatan negara".

Mesyuarat kali pertama telah dilangsungkan minggu lalu dan dihadiri wakil polis, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Bahagian Hal Ehwal Undang-undang JPM.

Jawatankuasa khas tersebut akan mengadakan mesyuarat teknikal kedua bagi melihat cara draf undang-undang baharu berkenaan dibaca bersama akta-akta berkaitan sedia ada seperti Kanun Keseksan, Akta Jenayah Komputer 1997, Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Hukuman Rafizi hantar mesej salah, kata Wan Azizah

KUALA LUMPUR: Sabitan bersalah dan hukuman penjara 30 bulan terhadap ahli parlimen Pandan Rafizi Ramli dan bekas kerani bank Johari Mohamad 7 Feb lalu disifatkan Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai 'mesej salah' kepada rakyat dan dunia khususnya berhubung pemberi maklumat.

Beliau berkata, Rafizi beberapa tahun lalu telah menggemparkan negara dengan maklumat salah laku dan penyelewengan wang rakyat melalui projek National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC).

Namun hingga kini, belum ada sebarang sabitan atau hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang terlibat dengan skandal besar itu.

"Ini adalah satu hipokrisi, di mana mereka yang berjuang demi rakyat dan keadilan dizalimi. Manakala mereka yang menghabiskan wang rakyat terus bebas dan langsung tidak dikenakan apa-apa tindakan.

"Rakyat sedang memerhati dan menilai tindak-tanduk pemerintah. Keputusan terhadap Rafizi dan Johari ini adalah satu kezaliman yang nyata.

"Kita perlukan lebih ramai rakyat Malaysia untuk berani bangkit bersama dalam perjuangan melawan kezaliman dan menegakkan keadilan buat Rafizi, Johari dan semua yang dizalimi di bumi tercinta ini," ujarnya dalam satu kenyataan media.

Rafizi pada 7 Feb lalu dijatuhi hukuman penjara 30 bulan selepas didapati bersalah mendedahkan maklumat perbankan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA) enam tahun lalu.

Beliau bagaimanapun masih kekal sebagai ahli parlimen sehingga proses rayuan selesai.

Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam, Zamri Bakar turut menjatuhkan hukuman sama terhadap bekas kerani bank, Johari Mohamad selepas didapati bersalah bersubahat dengan Mohd Rafizi.

Rafizi, 41, didakwa mengikut Seksyen 97(1) BAFIA yang boleh dihukum mengikut Seksyen 103(1)(a) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda maksimum RM3 juta atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Memupuk semangat sempena Tahun



Asmuni dan Timbalan Pengerusi AMANAH Perak Datuk Seri Ir Mohamad Niza Jamaluddin menyampaikan kad ucapan Tahun Baru kepada seorang petgas media.



Dr Mujahid menghadihkan limau mandarin kepada kumpulan pengamal senaman di pekan Parit Buntar.

Foto WAN ZAHARI SALEH & FB

BAGI MEMUPUK perasaan muhibah sempena sambutan Tahun Baru Cina, para pemimpin AMANAH di seluruh negara menganjurkan program mengagihkan buah limau mandarin kepada kaum Tionghoa.

Di **HULU LANGAT**, aktivis AMANAH kawasan berkunjung ke Pasar Sungai Chua pada awal pagi untuk mengagihkan limau mandarin dan ke pekan Semenyih pada sebelah petang untuk menyerahkan angpau kepada 50 keluarga di Kampung Baru Broga.

Sebelum daripada itu, aktivis AMANAH kawasan dengan diketuai Penyelaras Parlimen Hulu Langat Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus menghadihkan limau mandarin kepada kaum Tionghoa di Dusun Tua dan Pasar Kampung Baru Semenyih.

Naib Presiden AMANAH itu juga mendekati masyarakat Tionghoa di Batu 9 Cheras, Sungai Makau dan Kampung Baru Semenyih.

Di **SUNGAI BULOH**, Naib Pengerusi Amanah Selangor, Ustazah Mariam Abdul Rashid mengetuai aktiviti mengedarkan limau mandarin di Paya Jaras.

Aktivis AMANAH turut beramah mesra dengan masyarakat Tionghoa sambil mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru.

Di **IPOH**, para pemimpin AMANAH berkunjung ke pejabat akhbar bersemita bagi menghadihkan limau mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Diketuai Pengerusi AMANAH negeri, Datuk Awi, para pemimpin AMANAH turut menghadihkan kad ucapan Tahun Baru Cina kepada petugas media.

Di **PARIT BUNTAR**, Naib Pengerusi AMANAH yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusof bersemita menghadihkan limau mandarin dan kad ucapan kepada kaum Tionghoa di sekitar bandar. Hadir sama Adun Kuala Kurau Awi, Ketua PPBM Parit Buntar, Datuk Ismail dan Ketua Pemuda PH Perak, Datuk Zulkarnain.

Aktiviti mengedarkan buah limau ini merupakan program tahunan Pusat Khidmat Masyarakat Parit Buntar dan Pusat Khidmat Dun Kuala Kurau sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Di **KOTA BHARU**, Pengerusi AMANAH Kelantan, Husam Musa bersama para pemimpin PH negeri menziarahi penduduk Tionghoa di beberapa lokasi di bandar ini.

Bermula di pasar Pohon Pinang dan berakhir di rumah-rumah, Husam mengetuai rombongan yang menghadihkan limau mandarin dan kad ucapan Selamat Tahun Baru.

Turut serta Timbalan Pengerusi AMANAH Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Di **KOTA KINABALU**, para pemimpin PH Sabah mengadakan program mengedarkan limau mandarin di sekitar bandar ini sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Dengan diketuai Pengerusi PH Sabah, Tina Liew, para pemimpin PH negeri bersemita beramah mesra dan mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina.



Aktivis Awan Hulu Langat menghadihkan limau mandarin kepada orang ramai.



Ustazah Mariam dan aktivis AMANAH mengedarkan limau mandarin kepada pengunjung gerai.



Keluarga Tionghoa ini gembira menerima hadiah limau mandarin daripada aktivis AMANAH.

Hulu Langkat muhibah Tahun Baru Cina



Pemimpin PH Sabah bergambar ramai sebelum aktiviti 'walk about' menjelang sambutan Tahun Baru Cina.

AMANAH negeri
berbahasa Cina
larin sem-

egeri Asmuni
mengedar-
kepada para

Presiden
Parit
bersama para
mengedar-
selamat
bandar ini.
Abdul Yunus
Abdul Razak
k Hasnul

ni menjadi
Parlimen Parit
ala Kurau
ina.
usi PH

ara pemimpin
ngghoa di

li pusat ban-
menziarahi
ngghoa bagi
lan mengucap-

PH Kelantan,
ara pemimpin
'walk about'
ngan sambu-

negeri Chris-
eri bertemu
ambil beramah
t menyambut



Husam menghadihkan limau mandarin kepada penduduk Tiongghoa di Kota Bahrui.



Para petugas AMANAH Hulu Langkat bersiap sebelum mengedarkan buah mandarin di pasar Sungai Chua.



Ustaz Hasanuddin menjelaskan sesuatu kepada seorang warga Tiongghoa.



Warga emas ini begitu teruja bertemu Ustaz Hasanuddin.

Stabilkan harga minyak, kawal kos barangan

Kelolaan ARIF ATAN

Sebaik mendapat mandat menjadi kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), Pakatan Harapan akan mengambil langkah mengembalikan subsidi minyak bagi mengelak rantaian kenaikan kos harga barangan di luar kawalan.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil mengulangi semula pendirian tersebut yang akan dilakukan oleh gabungan parti pengganti rejim Umno-BN itu yang akan dilakukan sejurus berkuasa di Putrajaya.

"Pakatan Harapan bersedia menjadi kerajaan selepas ini. Kalau kita dapat ke Putrajaya kita akan menyelesaikan lebih banyak masalah rakyat.

"Kita akan menstabilkan semula harga minyak supaya tidak terus menjadi semakin mahal. Hari ini, minyak diesel lebih mahal daripada petrol.

"Akibatnya, harga barangan makin naik. Harga minyak mahal sebab



Faiz Fadzil

rajaan potong subsidi. Dulu sebelum Najib perintah, ada subsidi minyak," tegasnya di Pentas Jelajah Gegar Anak Muda Pulau Pinang, 11 Februari lalu.

Menurutnya, rakyat dibebani dengan harga petrol dan diesel yang mahal ketika pentadbiran Najib Razak mengutip cukai barang dan perkhidmatan (GST) mencecah berbilion

ringgit setahun.

"Najib kutip GST daripada kita. Dianggarkan setahun RM7,000 satu keluarga bayar GST tetapi subsidi minyak tidak diberi. Kerajaan apa ini?"

"Kalau kita tidak bangkit lakukan perubahan, rompak negara akan berterusan. Indonesia bakal menjadi negara lebih baik ekonominya pada masa depan sebab rakyat mereka berani lakukan perubahan.

"Kita tidak perlukan sejuta rakyat turun ke jalan raya tetapi cukup rakyat bersatu hati tolak Umno-BN, undi Pakatan Harapan," serunya dalam program bersama pimpinan Pemuda Pakatan Harapan itu.

Peguam tersebut menyifatkan perjuangan menentang korupsi, kezaliman dan penyelewengan pemerintah adalah perjuangan yang diwarisi daripada kepimpinan Rasulullah.

"Kita mahu meneruskan perjuangan

Rasulullah. Umat Islam harus

sensitif menolak salah guna kuasa dan rasuah. Segala penyelewengan Najib perlu dihentikan.

"Kuasa rakyat yang menentukan. PRU-14 kita jadi polis kepada rakyat," tegas koordinator gerakan Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) berkenaan.

Sehubungan itu, Faiz memberitahu, beliau bersama sekumpulan Pemuda Pakatan Harapan sedang dalam proses mengenakan tindakan saman ke atas Najib ekoran skandal mega 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Dia (Najib) takut nak jawab. Nak pergi mahkamah takut, minta tangguh. Kita tidak boleh biarkan perompak jaga negara kita.

"Kita tidak boleh biarkan negara kita terus dirompak Najib dan Rosmah. Kalau nak selesaikan segala masalah negara, langkah pertama adalah tangkap Najib," tegasnya.

Dalam masa sama, Faiz membidas

mana-mana parti yang mahu bertanding secara bersendirian menentang Umno-BN.

"Pakatan Harapan dalam satu pasukan. Kita kena berada dalam gabungan. Sejarah pilihan raya sudah memberikan kita bukti. Umno hari ini memerintah pun atas tiket gabungan di bawah BN.

"Begitu jugalah Pakatan Harapan yang berdiri di atas gabungan empat parti (AMANAH, Bersatu, DAP, PKR). Mana parti yang mahu duduk seorang diri, duduklah dalam hutan.

"Tiada siapa mahu beri undi pada kamu. Ini sudahlah mahu jadi penasihat, umum pula mahu bentuk dua Kabinet.

"Ingat, mahu buat kabinet dapur? Ini Kabinet kerajaan yang menjaga rakyat tidak kira Islam mahupun bukan Islam," bidasnya lagi merujuk pada sikap Pas ketika PRU-14 semakin hampir.

'Presiden Pas pun panggil Pan'

KETUA Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan (**gambar**) menegaskan sikap Pas yang memanggil AMANAH sebagai Pan meliputi keseluruhan organisasi parti diterajui Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu.

Berbeza dengan AMANAH, jelasnya, panggilan PIGS yang merujuk kepada Pas - lkatan - Gagasan Sejahtera hanya melibatkan dua pemimpin di peringkat nasional dan negeri sahaja.

"Hanya dua individu (walaupun berjawatan besar dalam AMANAH), bukan keseluruhan parti.

"Pendirian rasmi parti jelas seperti yang ditegaskan Anuar Tahir (Setiausaha Agung AMANAH) dan Ustaz Ahmad Awang (Penasihat Umum AMANAH).

"Pas pula seluruhnya dari Presiden ke ahli bawah, semuanya mem-Pan-kan AMANAH, hampir tanpa sebarang



bantahan dan ketidakepakatan dari dalam parti," jelasnya.

Untuk rekod, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak pernah memanggil nama AMANAH sebaliknya menyebut Pan sehingga diterjemahkan ulama dunia itu sebagai kualiti.

Nik Abdul Razak memberi reaksi terhadap artikel penganalisis politik pro Pas, Dr Kamarul Zaman Yusoff pada 13 Februari lalu yang menganggap AMANAH celaru hala tuju ekoran panggilan PIGS oleh dua pimpinan AMANAH itu.

Dr Kamarul turut memetik reaksi beliau di Facebook sebelum ini

yang menyelar kedua-dua pimpinan berkeajaan.

Mengulas lanjut, Nik Abdul Razak mengakui beberapa pemimpin AMANAH gagal mematuhi slogan *Rahmatan Lil 'Alameen* tetapi Pas secara keseluruhannya 'busuk'.

"Ini adalah bukti bahawa kami di AMANAH adalah matang dan demokratik untuk membenarkan perselisihan di kalangan pemimpin.

"Tidak seperti parti tertentu yang membungkam pemimpin mereka sendiri di bawah panji walak," sindirnya kepada Pas.



EDAR LIMAU... Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan mengedarkan buah limau sempena sambutan Tahun Baru Cina di Sungai Makau Hulu Langat bersama aktivis Pakatan Harapan pada 14 Februari lalu.

Hub industri petroleum untuk Kelantan

KETUA Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan (**gambar**) memberitahu tawaran penubuhan hub industri petroleum akan dapat menyelesaikan masalah peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri itu.

Katanya, cadangan beliau itu yang disampaikan kepada Cikgu Wan Rahim dan Ismail Ghani dalam satu program di Padang Tembak, Panchor bulan lalu turut dipersetujui Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan, Husam Musa.

"Alhamdulillah, YB Haji Husam Musa akan menjadikan pembangunan hub petroleum tawaran utama Pakatan Harapan kepada rakyat Kelantan.

"Tawaran ini sekali gus menyelesaikan permasalahan khususnya kepada golongan



muda selain merencanakan ekonomi negeri Kelantan.

"Adakah anda bersetuju atau tidak dengan cadangan ini? Atau anda juga berjiwa paranoid bahawa pembangunan Kelantan perlu diperlahankan.

"Saya bersama Pemuda AMANAH Kelantan akan terus

mempromosi tawaran ini agar menjadi agenda utama kepada anak muda dan perantau sebagai sebab utama untuk buat perubahan," jelasnya.

Sehubungan itu, Hazmi mengalu-alukan sebarang cadangan atau kritikan tentang penubuhan hub petroleum itu

Telaah hujah ahli falsafah

Oleh DR MOHAMMAD ALINOR
ABDUL KADIR

Kepada manusia yang berminat dengan falsafah, malah yang mahu mendekatinya dengan serius, sama ada yang sudah mendapat latihan di universiti atau pun belum, caranya yang paling berkesan adalah dengan mentelaah auto/bio-grafi intelektual seseorang ahli falsafah, seperti Konfusius, Aristotle, Dharmakirti, Ibn Sina, Leibniz, Wittgenstein, Popper, Heidegger, dan lain-lain.

Seseorang ahli falsafah dalam auto-biografinya akan menjelaskan dengan baik tetapi ringkas/padat tentang apakah persoalan-persoalan falsafah yang menjadi minatnya menyelidik dan menulis. Namun, mungkin akan menyelidangkan kelemahannya dalam hal-hal tertentu. Inilah tugas yang boleh ditampung oleh seorang perakam biografi intelektual, iaitu meneliti semua maklumat tentang seseorang ahli falsafah, kekuatan dan kelemahannya.

Malah, seseorang ahli falsafah akan menjelaskan kenapa persoalan terse-



but menjadi minatnya, apakah peristiwa yang mencetuskan minatnya, dan bagaimanakah beliau berusaha memahami persoalan tersebut.

Namun, saya mahu memberikan nasihat bahawa jika seseorang mahu masuk dalam bidang falsafah, makanya sebaiknya dia masuk menerusi bidang ilmu yang beliau agak mahir. Contohnya, seseorang yang mengkhusus dalam bidang ekonomi, eloklah baginya meneliti auto/bio-grafi seorang ahli falsafah ekonomi seperti Ibn Khaldun, Marx, Keynes, Adam Smith, Weber, dan lain-lain.

Kalau seseorang itu mengkhusus dalam matematik, eloklah baginya mula meneliti auto/bio-grafi ahli-ahli falsafah matematik seperti Leibniz, Frege, Wittgenstein, Russell dan lain-lain.

Jika seseorang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan, eloklah beliau ini mentelaah auto/bio-grafi seorang ahli falsafah teknologi, seperti Heidegger, Spengler, dan lain-lain. Begitu jugalah bidang-bidang yang lainnya.

Linguistik, telaahlah Chomsky, Austin, Derrida, dan lain-lain. Kenapakah eloknya sebegini? Dalam pengalaman saya sehari-hari kekadang menjawab persoalan-persoalan



kefalsafahan, atau persoalan-persoalan awal kefalsafahan, saya kerap ditanyakan soalan-soalan sebegini.

Contohnya saya ditanyakan, "jika saya minat bidang falsafah, apakah buku yang patut mulanya saya baca?". Saya akan menjawab soalan ini dengan menanyakan kembali apakah bidang yang sipenanya ini mengkhusus.

Selalunya jawapan yang saya terima adalah merisaukan. Kerap kali saya akan mendapat jawapan bahawa seseorang yang minat bidang falsafah, terutamanya dalam kalangan yang masih menuntut di universiti, mahu masuk ke bidang falsafah ini bersebabkan beliau sudah tidak minat dengan bidang pengajian beliau.

Lalunya, cara yang saya tunjukkan ini akan bermasalah, sebab beliau ini sudah mahu berpindah bidang. Walau bagaimanapun saya nasihatkan, kelihatannya minat falsafah itu seperti dijadikan sebagai alasan untuk bertukar bidang.

Saya bukanlah mengatakan bahawa hal ini tidak boleh, namun saya mengatakan bahawa seseorang yang mahu mempelajari falsafah, fikirannya terhadap bidangnya mestilah jelas dahulu, kemudian barulah beliau boleh meneliti falsafah bidangnya.

Kalau fikirannya berkecamuk seperti itu, berkecamuk sebab mahu bertukar bidang, takkanlah dia mampu menggarap falsafah tatkala itu. Saya selalunya akan menasihatkan agar kekal dalam bidang asal ataupun usahakan bertukar bidang secepat mungkin, kemudian barulah mula mentelaah auto/bio-grafi ahli-ahli falsafah bidangnya.

Kenapakah penting sangat duduk dalam satu-satu bidang khusus dan mula mentelaah auto/bio-grafi ahli-ahli falsafah dalam bidang ini? Berbanding terjun mentelaah auto/bio-grafi ahli-ahli falsafah bidang yang lain?

Sebabnya adalah, jika kita mentelaah auto/bio-grafi seseorang ahli falsafah yang satu bidang dengan kita, ahli falsafah ini sebenarnya pernah duduk dalam bidang kita, dan ini akan memandu kita untuk

berfikir sepertinya berfikir untuk masuk ke falsafah bidang berkenaan.

Apa yang diceritakannya adalah sebenarnya sesuatu yang kita alami, dan rasional kenapa sesuatu itu dipertanyakannya secara falsafah, adalah rasional yang sedang kita perhatikan di hadapan kita.

Pengalaman saya sekitar 1990-1994 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah tatkala mentelaah biografi Wittgenstein dan Brouwer, dan autobiografi Russell, yang segalanya yang saya telaah daripada mereka adalah hal-hal yang saya perhatikan dalam pengajian saya.

Tatkala saya Tahun 3 dan 4, 1990-1991 mengkhusus dalam bidang matematik di UKM, saya mentelaah biografi Wittgenstein, dan beliau mengatakan bahawa matematik tulen sebenarnya adalah manipulasi mantik/logik.

Sekali imbas, saya soroti semula apa yang saya pelajari sepanjang pengajian di UKM, 1988-1990, saya mendapati memanglah matematik adalah manipulasi mantik/logik.

Namun, saya tidak puas hati sebab Prof Shahrir yang memberikan kuliah Sejarah dan Falsafah Sains, dan kuliah Falsafah Sains Matematik, mengatakan bahawa wujud sebanyak-banyaknya tujuh aliran dalam falsafah matematik.

Saya dah jumpa satu dengan mata kepala sendiri, iaitu aliran Mantikisme/Logikisme yang berawal dari Frege-Russell. Pembacaan saya seterusnya mengarahkan saya kepada dua aliran yang lain, iaitu Intuisisme Brouwer-Heyting (yang merupakan inspirasi kepada Wittgenstein untuk mengkritik Frege-Russell) dan aliran Formalisme Hilbert.

Inilah yang saya maksudkan betapa pentingnya mentelaah auto/bio-grafi ahli-ahli falsafah yang berada dalam bidang yang sama dengan kita. Ringkasnya, apa yang ahli falsafah ini perhatikan adalah juga apa yang kita perhatikan kemudiannya.

Penulis merupakan Penyelidik di Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI). Untuk mendapatkan kertas kerja penuh berkenaan perbincangan di atas boleh hubungi alinorkadir@gmail.com.

PENCARIAN DUTA PMIUM
Sesi 2017/2018
Fakulti :
Bahasa dan Linguistik
Undang-undang
Pergigian
Alam bina
Kejuruteraan
Sukan
Hubungi : Alinorkadir 0136608329
Siti 0178852899

Adakah pensyarah seberani mahasiswa?

PENSYARAH Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Maszlee Malik menimbulkan persoalan sejauh mana ahli akademik berani seperti golongan mahasiswa untuk menghadiri majlis melibatkan pihak pembangkang.

Menurutnya, agar sukar untuk rata-rata pensyarah memberi sambutan menggalakkan seperti mahasiswa bagi program yang berkaitan dengan musuh kerajaan.

"Depan saya mahasiswa berani datang walaupun yang hadir adalah Tun Mahathir sebagai Pengerusi Pakatan Harapan.

"Saya tidak pasti kalau kita adakan dialog yang sama untuk para pensyarah universiti dan ahli akademik, bolehkah dapat bilangan yang sama (ramai) juga?" soalnya.

Bagaimanapun, Dr Maszlee yang bertindak sebagai moderator dalam Bicara Pimpinan



Dr Maszlee Malik

Anak Muda Bersama Tun Mahathir baru-baru ini berpendapat sikap ahli akademik terbabit tidak harus sepenuhnya diper-salahkan.

"Ya. Kita tidak boleh salahkan mereka kerana sistem yang ada menjadikan tidak ramai ahli akademik, para pensyarah kita untuk berani menyedari tugas sebenar mereka.

"Apatah lagi, untuk memoderator calon Perdana Menteri daripada pihak pembangkang," selorohnya dalam majlis

berlangsung di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya itu.

Turut hadir sebagai ahli panel adalah wakil Pertubuhan Kebajikan Wanita Ehsan Selangor, Anfaal Saari merangkap Pengerusi Biro Komunikasi AWAN Nasional serta wakil NGO Demi Malaysia, Young Syefura Othman yang juga Penolong Setiausaha Wanita DAP Kebangsaan.

JUSTICE FOR ZAINAB
BERSATUAN MAHASISWA ISLAM
MERUKAPKAN PERSEKUTUAN MAHASISWA
Zainab Ansari
Merupakan seorang kanak-kanak yang baru berusia 7 tahun dilaporkan telah hilang selama 4 hari dan kemudiannya ditemui mati dalam keadaan yang amat menyedihkan.
#BersamaMembangunUmmah

Keris Mas sasterawan dan pemikir

SEMPENA siri bulanan Mengimarah Sasterawan Negara anjuran PAKSI dan IDE (Institut Darul Ehsan) pada bulan Februari ini memilih Keris Mas, saya ingin menulis sesuatu mengenai Keris Mas yang sempat saya kenal.

Tak banyak sebenarnya kenangan saya berkaitan Keris Mas, tetapi kenangan yang ada sedikit ini pun cukup bermakna dan mempengaruhi saya, khususnya dalam memahami dan bersikap mengenai seni dan sastera. Ia sangat kuat melekat dalam minda saya.

Saya mengenali Keris Mas sewaktu bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka mulai Julai 1974. Dia ketua Bahagian Sastera DBP pada waktu itu. Saya di unit kajian yang diketuai oleh Baha Zain. Usman

Awang mengetuai unit majalah. Boss keseluruhan Bahagian Sastera ialah Keris Mas. Jadi dialah boss saya.

Tak banyak yang saya ingat Keris Mas selama saya bekerja di situ lima tahun enam bulan, sebelum saya berhenti awal Januari 1980. Tapi satu imej yang kuat tergambar dalam minda saya mengenai Keris Mas sebagai boss sastera DBP pada masa itu ialah gaya dia duduk di kerusi dalam pejabatnya ketika saya menjengok hendak masuk berjumpa dia – dia sangat rileks duduk dengan kaki diletak di atas meja sambil membaca. Dan di atas mejanya bersih tiada longgokan fail atau apa-apa.

Dan satu imej lagi ialah gaya dia berjalan di ruang jalan dalam pejabat itu,

dengan lenggang yang bersahaja dan seperti tiada masalah. Itulah imej seorang boss di jabatan sastera. Dia mentadbir dan menguruskan perjalanan sebuah jabatan yang terdiri kira-kira 30 orang kakitangan itu dengan gaya yang rileks dan bersahaja.

Saya suka dengan cara dan gaya dia mentadbir. Bukan tidak ada masalah. Saya pun pernah membawa masalah kepada dia, dan dia menasihati saya bagaimana menyelesaikan masalah itu. Gaya dia sangat mesra, dan saya yang baru tamat pengajian di universiti dan langsung bekerja di bawahnya, waktu itu merasa bahawa dia seperti seorang ayah yang mengasuh kami anak-anak buahnya, dengan kasih sayang seorang



ayah.

Itulah imej Keris Mas yang terus ada dan sangat kuat hadir dalam minda saya, sehingga kini. Dan seingat saya sepanjang dia mengetuai jabatan itu, yakni sepanjang dia menjadi boss di situ, tidak ada masalah di situ. (Saya tak ingat bila dia bersara; sebelum saya berhenti).

BERSAMBUNG KE MUKA 21

Dr Mahathir batuk, Pakatan Harapan demam

Oleh ZIN MAHMUD

BERMULA dengan Naib Presiden PKR Rafizi Ramli dijatuhi hukuman penjara, diikuti penarikan darjah kebesaran Naib Presiden AMANAH, Husam Musa dan Pengerusi AMANAH Kelantan Wan Rahim Wan Abdullah.

Begitu juga, penarikan darjah kebesaran terhadap Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri hinggalah kepada berita beliau dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) untuk pemantauan kerana demam.

Dalam pada itu, PPBM diasak sekumpulan bekas ahlinya yang membuat aduan terhadap Pendaftar Pertubuhan (ROS) bahawa parti itu melanggar perlembagaannya.

Sementara PH Selangor pula belum lagi dapat menyelesaikan soal pembahagian kerusi yang mana PKR mahu mengekalkan semua kawasan Parlimen dan negeri yang ditandingi dalam pilihan raya lalu. DAP pula mahukan penambahan kerusi untuk calon Melayunya.

Selain itu, ada bekas Adun DAP yang disingkirkan oleh parti mereka telah menyertai Parti Rakyat Malaysia (PRM), yang menjadi wadah baharu bagi bekas ahli DAP dan ia boleh menghasilkan pertandingan banyak penjur.

Pihak yang berhasrat untuk merosakkan undi juga dengan jelas menolak Barisan Nasional (BN) dan PH. Tetapi tindakan mereka untuk merosakkan undi akan merugikan PH, kerana mereka adalah asasnya dari kalangan pihak pembangkang, antaranya merupakan golongan kiri yang meragui kejujuran proses pilihan raya dan sistem demokrasi di negara ini.

Jadi apabila mereka memilih untuk merosakkan undi kerana tidak puas hati terhadap penerimaan PH terhadap Dr Mahathir, maka BN yang meraih keuntungan.

Namun, Dr Mahathir sebagai pemimpin utama pihak pembangkang sudah umumnya dapat diterima oleh penentang BN walaupun ada kalangan pendokong Reformasi berada kedudukan mereka menjadi pelik. Mereka menyertai Reformasi dan PKR untuk menentang Dr Mahathir tetapi buat masa ini mereka diketuai pula oleh bekas perdana menteri itu.

Begitu juga dengan Pas yang dalam usahanya menentang PH telah menjadikan Dr Mahathir sebagai sasaran mereka. Tetapi Pas dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak dapat diterima sebagai ketua pembangkang.

Ini kerana fahaman politik Pas tidak dapat diyakini oleh banyak orang Malaysia yang selesa dengan fahaman sistem demokrasi dan separa-sekular sedia ada. Lebih-lebih lagi apabila Pas menunjukkannya mesra dengan BN, maka kedudukannya sebagai anggota pembangkang adalah diragui.

Dalam kalangan pendokong DAP juga ada yang tidak dapat menerima kepimpinan Dr Mahathir. Dasar beliau terhadap hubungan kaum sepanjang hayatnya banyak tidak disenangi oleh penyokong DAP. Tetapi umumnya mereka dapat diyakinkan oleh Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang bahawa menyokong Dr Mahathir adalah perlu buat masa ini kerana beliau kini menentang BN.

Bagi pendokong AMANAH, menyokong Dr Mahathir tidak menjadi masalah kerana mereka mendokong kesepakatan parti pembangkang. Ketika bersama Pas dahulu, iaitu semasa berada di bawah kepimpinan Datuk Fadzil Noor dan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mereka boleh bersama dengan PRM, Semangat 46, DAP dan PKR. Maka tidak ada masalah untuk mereka bersama dengan PPBM dan Dr Mahathir.

Apa yang nyata, Dr Mahathir telah memberikan dimensi, strategi, sokongan dan semangat baharu kepada pihak pembangkang. Bayangkan kalau beliau mengambil keputusan untuk bersara sepenuh masa dalam politik, besar kemungkinan PPBM tidak dapat ditubuhkan dan PH tidak ada pemimpin utamanya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim masih dalam penjara sementara pemimpin utama PH seperti Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Datuk Seri Azmin Ali, Mohamad

Sabu, Salahuddin Ayub, Lim Kit Siang dan Lim Guan Eng tentu tidak dapat memperolehi keyakinan besar rakyat.

Dr Mahathir pula bukan saja menjadi pemimpin PH yang menguruskan masyarakat Majlis Presiden mereka, tetapi turut aktif memberi ceramah di merata-rata tempat di seluruh negara.

Jumaat lalu, beliau dijadualkan memberi ceramah di 3 tempat di Bentong, Pahang. Tetapi majlis itu dibatalkan kerana beliau didapati batuk-batuk serta demam dan dibawa masuk ke IJN.

Pusat rawatan itu mengeluarkan kenyataan bahawa beliau terkena infeksi iaitu jangkitan kuman dan perlu berehat.

Pemimpin politik jatuh sakit dan dimasukkan hospital adalah perkara biasa. Tetapi Dr Mahathir berusia 92 tahun dan seseorang yang sebayanya selalunya hanya berehat di rumah. Bukan saja mereka tidak mempunyai kekuatan untuk berceramah, malah untuk pergi luar daripada kediaman mereka adalah juga tidak mampu.

Tetapi Dr Mahathir adalah seorang yang aktif dari segi kesihatan dan kekuatan fizikalnya. Beliau bukan saja sihat dan larat tetapi percakapan dan pemikirannya adalah masih jelas dan meyakinkan. Malah hujahnya lebih berisi berbanding dulu kerana pengalaman hidupnya yang begitu lama.

Dr Mahathir juga berkata, kalaulah PH menang dan beliau menjadi perdana menteri, beliau berkemungkinan hanya memerintah 2 tahun saja, iaitu ketika sampai usia 95 tahun. Tidak sepenggal pun.

Adalah sukar untuk memikirkan beliau akan memerintah negara sampai berusia 100 tahun. Maknanya beliau mungkin sempat menyediakan laluan bagi Anwar menjadi Perdana Menteri.

Jika perkara itu berlaku, tentunya periklanan politik negara mengalami perubahan besar. Ada kemungkinannya BN dan Umno sendirinya mengalami pecahan. Kedudukan Pas juga boleh berbeza.

Jika PH kalah, sukar juga untuk membayangkan apa yang akan dilakukan

oleh Dr Mahathir dalam keadaan Datuk Seri Najib Razak terus menjadi perdana menteri. Tetapi politik tetap bergolak.

Buat masa ini, para pendokong PH Pasti berdoa agar Dr Mahathir kembali sihat dan aktif. Walaupun mungkin Dr Mahathir tidak boleh aktif berceramah di sana sini tetapi harapan mereka ialah beliau terus dapat memimpin PH.

Setelah memperoleh Dr Mahathir dan PPBM, PH memerlukan kepimpinan beliau. Adalah sukar bagi PH tanpa kepimpinan Dr Mahathir.

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Dr Wan Azizah, Mat Sabu dan Guan Eng tidak dapat menggantikan kepimpinan Dr Mahathir.

Sementara itu apabila dilihat tumpuan kempen BN pula, adalah ketara Umno lebih fokus pada usaha untuk melemahkan PPBM berbanding dengan PKR dan AMANAH. Tumpuan MCA dan Gerakan adalah sememangnya pada DAP.

Maka dapat difahamkan pelbagai cara akan digunakan untuk melemahkan PPBM. Kemudian barulah perhatian mereka kepada PKR.

Kerja untuk melemahkan AMANAH dilihat hanya diserahkan kepada Pas. Maka AMANAH pun sibuk melayan asakan daripada Pas sedang lawan utama adalah BN.

Adalah mudah bagi Umno melawan PPBM kerana mereka sama-sama pernah berada dalam satu parti. Sebab itu kerjasama antara PPBM dan PKR perlu ditingkatkan untuk melawan Umno kerana sebahagian besar ahli kedua-dua parti itu juga orang Umno.

Namun melihat perkembangan setahun ini, parti yang memberi ruang, malah kerjasama dengan PPBM ialah AMANAH. Kelihatan Mat Sabu mempunyai hubungan mesra dengan Dr Mahathir hinggalah dalam rundingan pembahagian kerusi, AMANAH turut dipuji kerana berperanan untuk menjayakannya.

-Tulisan ini dipetik dari laman Free Malaysia Today-

Tekad seorang Najib yang terdesak

MUNGKIN ramai yang sudah tidak ak sabar untuk berhadapan pilihan raya. Bekerja di lapangan, saya sendiri saban hari menyaksikan gerak kerja yang sudah dimulakan di banyak kawasan untuk mempersiapkan diri berhadapan pemilihan besar nanti. Ada yang sibuk menyiapkan rancangan kempen, ada yang sedang menyiapkan strategi menaikkan nama calon, ada juga yang baru ingin membincangkan siapa yang bakal dicalonkan. Dalam tahap mana sekalipun, yang pasti setiap orang sedang berangan untuk menang.

Berangan tak salah. Apa lagi kalau kita pun tahu dari angan-anganlah munculnya cita-cita. Dari cita-cita pula akan muncul usaha. Dari usahalah akan timbul kejayaan. Sayangnya, ini hanya ayat klise apabila kita membincangkan perkara yang zahirnya sukar dan kadang kala mustahil. Perkara yang sukar dan kadang kala mustahil itu termasuklah memenangkan Pakatan Harapan dalam PRU14 nanti.

Bukan niat untuk mematahkan semangat, jauh sekali menidahkan peluang yang ada untuk Pakatan mengungguli pilihan raya nanti. Namun realiti akan selalu kejam.

Realiti akan terasa lebih kejam kalau kita sendiri tidak pernah bersedia menghadapinya. Ingatlah bahawa satu perkara yang sudah berulang kali diungkapkan Najib Razak adalah bahawa beliau sudah memasang tekad untuk mengembalikan kekuatan dua pertiga Barisan Nasional di Parlimen kelak melalui PRU14.

Tekad seorang Najib Razak yang sedang terdesak tidak wajar dipandang ringan. Tekad seorang Najib Razak yang terdesak adalah tekad yang akan memungkinkan beliau melakukan apa sahaja untuk menang dan kekal berkuasa. Kekal berkuasa adalah satu-satunya jalan keluar bagi beliau yang kini sedang dihantui hukuman luar dan dalam negara andai tersungkur.

Sebab itulah sekuat mana pun angan-angan dan cita-cita kita, kuat lagi angan-angan dan cita-cita Najib Razak. Jikalau dahulu pun, sudah dipasang begitu banyak jerat dan pukuk dalam pilihan raya, apatah lagi sekarang. Seperti pilihan raya yang lampau, yakinlah bahawa Najib Razak yang terdesak ini akan sekali lagi memasang jerat dan pukuk untuk kekal menang. Manipulasi pilihan raya sudah

lama bermula. Penipuan yang pernah kita saksikan dahulu pasti akan berulang lagi dengan lebih dahsyat.

Lupakan pengundi hantu dan black out; yang kita hadapi nanti lebih menakutkan dari pengundi hantu dan black out. Pengundi hantu boleh ditangkap, black out boleh disuluh. Yang lebih sukar untuk kita hadapi nanti adalah senarai undi yang tempang, garis sempadan pilihan raya yang herot, undi pos dan undi awal yang curang, belah bahagi yang merepek – ini semua akan berulang dengan lebih besar lagi. Mana mungkin Najib Razak yang terdesak ini mahu berdiam diri dan tidak menggunakan setiap ruang dan uncang yang ada.

Baru sahaja saya bertemu dengan penganalisis pilihan raya, Dr Wong Chin Huat yang kebetulan pejabatnya bersebelahan dengan ruang kerja saya. Beliau optimis, sama seperti orang lain namun sentiasa ada kegusaran. Apa yang disebutkan di atas diyakini oleh beliau sejak dahulu lagi.

Bukan hanya bersandarkan tuduhan yang tiada asas; beliau sejak 2013 lagi sudah pun mengeluarkan data yang menyokong

fakta bahawa pilihan raya kita sentiasa adalah medan penipuan kerajaan.

Kita tidak akan kalah kerana tiga penjur. Kita tidak akan kalah kerana undi Melayu. Kita malah tidak akan pun kalah kerana undi rosak.

Kita akan kalah hanya dengan menyertai pilihan raya tersebut sendiri. Pilihan raya yang sentiasa memenangkan penganjur di padang mereka sendiri.

Menarik sekali, beliau dengan nada sinis turut mengajak semua untuk mulai memikirkkan PRU15 berbanding PRU14. Saya tidak keberatan untuk ikut setuju.

Tinggal lagi bukan PRU15 yang saya ingin fikirkan. Yang ingin saya fikirkan sekarang; apa yang boleh kita buat andai kalah lagi dalam PRU14 nanti?

Berangan tidak salah, bercita-cita tidak salah; namun harus sentiasa berwaspada.



Keris Mas sasterawan dan pemikir

DARI MUKA 20

HANYA itu sahaja sosok Keris Mas yang ada dalam memori saya; selain daripada pesan/amanat yang pernah diberi atau dinyatakannya kepada kami anak buahnya dalam suatu mesyuarat yang terpahat kuat di minda saya, katanya: sastera atau karya yang baik itu seharusnya menjernihkan jiwa masyarakatnya.

Selama saya berkhidmat di DBP di bawah asuhan seorang pengarang sasterawan besar bernama Keris Mas (sebelum dia menghasilkan novel *Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur dan Rimba Harapan*), itulah satu pesan/amanat yang terus melekat kuat dalam minda saya hingga sekarang.

Pesannya itulah yang menggerakkan saya jadi berani bertanya pelbagai soalan yang pernah saya lontarkan kepada khalayak seni-budaya di negara ini, mengenai fungsi dan peranan sasterawan-seniman-budayawan dalam masyarakat yang sedang bergolak dengan pelbagai masalah sejak dekad 90-an hingga kini.

Saya selalu teringatkan pesan Keris Mas bahawa sasterawan seharusnya berusaha menjernihkan jiwa masyarakatnya melalui karya-karya sastera. Dalam satu interviu majalah 'Dewan Budaya' dengannya, tahun 1988, dia bercakap hal masyarakat kita yang

sedang bergolak dan 'kucar-kacir', dan berkata: "Itulah sebabnya sekarang pemikir atau intelektual mesti berjuang..."

Kita semua pun tentu tahu betapa perjuangan Keris Mas bersama kawan-kawannya Usman Awang dan lain-lain di dekad 50-an yang kumpulan mereka dikenali sebagai 'Asas 50' itu, dengan tema dan prinsip perjuangan "Seni Untuk Masyarakat" yang terkenal itu.

Barangkali pesan Keris Mas bahawa "sastera harus menjernihkan jiwa masyarakatnya" itulah juga yang turut menggerakkan saya dan kawan-kawan dalam PAKSI sejak kira-kira sepuluh tahun lalu memperjuangkan agar seniman-budayawan-intelektual kita bangun menghidupkan semula peranan mereka masing-masing, melalui gerakan yang dinamakan Tekad Budaya itu.

Selain itu pemikiran Keris Mas yang disuarakannya melalui interviu 'Dewan Budaya' 1988 itu juga, bagi saya adalah sangat penting, untuk kita mengenali ketokohan dan kewibawaan Keris Mas bukan sahaja sebagai penulis/sasterawan tetapi juga sebagai pemikir yang berilmu dan yakin dengan ilmu dan pemikirannya.

Membaca semula interviu tersebut saya dapati Keris Mas adalah seorang tokoh sastera kita yang agak berbeza daripada sasterawan lain, yang konsisten dengan perwatakannya yang saya

kenal sewaktu di Dewan Bahasa itu, iaitu seorang pemikir dengan gaya falsafah, yang tidak mudah ditemui pada mana-mana penulis dan sasterawan kita.

Perhatikan saja bagaimana dia menjawab soalan awal: "Secara umum, apa komen Pak Keris terhadap kehidupan masyarakat hari ini?" Jawapannya ringkas dan padat, seperti berikut:

"Kehidupan umum masyarakat sekarang dipengaruhi oleh pemikiran orang sekarang. Orang-orang biasa nak cari makan. Sebenarnya sekarang cari makan tak susah. Semua orang tak susah nak cari makan. Tapi makan yang macam mana yang dia hendak, itu yang jadi soal. Dan kehidupan sekarang diharu oleh pergeseran politik, di samping diharu oleh pancingan-pancingan kebendaan yang terlalu banyak.

"Itulah saya kata, kehidupan macam mana yang orang mahukan? Kalau sekadar nak hidup, tak ada masalah. Cuba kita tengok di Kuala Lumpur, dalam bulan puasa baru ini sampai tak dapat nak berjalan, macam semut ramainya manusia. Semua orang itu bawa duit. Susahkah mereka? Mereka tak susah? Dalam ertikata perbandingan dengan kesusahan pada masa-masa yang lampau, dan perbandingan dengan setengah-setengah negeri yang lain.

"Kehidupan umum sekarang okey. Cuma sikap kita terhadap hidup. Mahu



hidup yang macam mana? Sekarang ini tafsiran kekayaan dan kemiskinan sudah lain. Kekayaan sekarang ini orang nak punyai semua yang ada dalam dunia. Bagi saya, selagi kita berkehendakkan sesuatu, tak dapat, kita miskin. Apabila kita dapat semua yang kita perlukan, kita kaya."

Insyallah saya akan bincang selanjutnya mengenai pemikiran-pemikiran Keris Mas yang saya fikir selaras dengan pesannya bahawa sastera itu seharusnya menjernihkan jiwa masyarakatnya. Insyallah.

Anugerah Brandlaureate jadi 'mimpi ngeri' Zambry

SUDAH genap lima bulan usaha untuk mencegah kemungkaran demi menghapuskan unsur salah guna kuasa berkaitan isu penganugerahan BrandLaureate sehinggakan Pengerusi AMANAH Negeri Perak, Haji Asmuni Awi sanggup naik ke Mahkamah jika tuduhannya tidak benar.

Pada 30 Nov 2017 lalu, saya juga telah membuat ulasan dan penjelasan susur galur isu BrandLaureate berdasarkan kepada sidang media Haji Asmuni dan Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta kenyataan media daripada The BrandLaureate sendiri.

Yang jelasnya, surat yang dikirimkan oleh The BrandLaureate kepada Haji Asmuni pada 30 Okt 2017 telah dijawab pada 16 Nov 2017 melalui peguamnya namun sehingga kini tiada jawapan balas ataupun tindakan mengheretnya ke Mahkamah seperti mana yang diharapkan Datuk Seri Zambry.

Video perutusan Tahun Baru Datuk Seri Zambry awal tahun baru-baru ini menunjukkan beliau begitu 'sayang' dengan anugerah yang diterimanya sepanjang setahun lalu termasuklah Anugerah BrandLaureate sebagai pencapaian terbaiknya tahun itu.



PENDAPAT
SALMAN SALEH

Untuk rekod, disebabkan anugerah ini juga, kami pada 1 Nov 2017 bertekad dan mengambil tanggung jawab serta amanah menyerahkan bukti kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) namun sehingga kini tidak tahu akan nasib laporan tersebut sama ada tindakan susulan atau hanya 'disimpan' sahaja?

Umum mengetahui, jika seorang pemimpin politik kerajaan itu masih berkuasa, mana mungkin pihak berkuasa akan telus menjalankan siasatan dan tegas bertindak jika terbukti dengan fakta serta dokumen untuk mengheretnya ke Mahkamah.

Mungkin laporan yang kami buat tempohari kepada SPRM langsung tidak disiasat atau mungkin telah disiasat tetapi tiada tindakan susulan. Ini semua tidak mustahil kerana laporan tersebut membabitkan skandal seorang pemimpin politik yang juga penjawat utama negeri ini.

Jika semua pendedahan itu fitnah, palsu, bohong dan tipu, kenapa Datuk Seri Zambry tidak menggunakan haknya atau Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Negeri Perak atau The BrandLaureate membawa perkara ini ke Mahkamah dan 'membersihkan' segala tuduhan tersebut?

“ Jika semua pendedahan itu fitnah, palsu, bohong dan tipu, kenapa Datuk Seri Zambry tidak menggunakan haknya atau Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) Negeri Perak atau The BrandLaureate membawa perkara ini ke Mahkamah dan 'membersihkan' segala tuduhan tersebut?

Semasa Sidang Perbentangan Bajet Tahun 2018 di Dewan Undangan Negeri (Dun) Perak yang berlangsung pada 21 hingga 27 Nov 2017, Datuk Seri Zambry berpeluang membuktikan semua dakwaan tersebut salah tetapi malangnya beliau hanya berdiam diri.

Isu skandal Anugerah BrandLaureate ini sama seperti pendedahan isu skandal pembayaran bonus RM115,000 dan pembelian kereta mewah jenis Audi Q7 bernilai RM620,996 oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang jelas membabitkan Datuk Seri Zambry.

Dalam kedua-dua isu skandal PKNP tersebut, difahamkan telah ada yang 'dikambinghitamkan' bagi menutup isu skandal tersebut dan apakah nasibnya sama seperti isu skandal Anugerah BrandLaureate ini? Adakah rakyat hanya mampu melihatnya sahaja tanpa bertindak sama?

Pihak berkuasa memang boleh menutup isu skandal-skandal yang jelas berlaku ini

namun skandal Anugerah BrandLaureate ini masih belum lenyap kerana surat Haji Asmuni kepada The BrandLaureate masih tidak berjawab sehingga kini dan sanggupkah The BrandLaureate dicemuh akibat skandal ini?

Jika The BrandLaureate terus diam sudah tentu penerima serta yang bakal menerima anugerahnya akan menanggung malu kerana pendedahan Haji Asmuni itu jelas mengaitkan satu atau lebih bayaran dibuat oleh MB Inc semasa majlis anugerah yang diterima Datuk Seri Zambry.

Kepada Datuk Seri Zambry, berlaku jujur kepada rakyat serta beramanahlah dengan kedudukan yang ada sekarang ini. Rakyat pula berhak menurunkan beliau dengan kuasa undi pada pilihan raya umum ke-14 (PRU 14) ini.

Jom ubah, selamatkan Perak!

Penulis ialah Setiausaha AMANAH Negeri Perak.

Hantar pulang Etnik Uighur canggahi hak asasi manusia

SAYA memandang serius masalah etnik Uighur yang ditahan di Malaysia yang berkemungkinan besar akan dihantar pulang ke China secara paksa.

Laporan Human Rights Watch (HRW) menyebut tentang kemungkinan kumpulan etnik ini akan berhadapan penganiayaan, ancaman penjara dan penyiksaan yang jelas bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Saya turut memahami dilema Kuala Lumpur untuk menolak permintaan Beijing ini kerana hubungan diplomatik yang erat serta kepentingan pelaburan dan perdagangan lumayan yang diperoleh ketika ini.

Walau bagaimanapun, saya menyeru supaya Kuala Lumpur menggunakan saluran diplomatik yang pelbagai termasuk cuba mendapatkan kerjasama daripada negara-negara berpengaruh termasuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menangani

masalah ini.

Disamping itu, saya ingin mengulangi juga gesaan HRW supaya kerajaan membenarkan kumpulan etnik ini mendapatkan akses yang adil untuk menentukan status pelarian mereka dan bukannya dihantar pulang ke China.

Langkah ini sesuai dengan undang-undang antarabangsa yang tidak membenarkan tahanan dihantar secara paksa ke mana-mana tempat yang berpotensi untuk dikenakan sebarang penindasan yang bercanggah dengan hak asasi manusia.

Saya percaya rekod Beijing terhadap persoalan hak asasi manusia yang tidak begitu memuaskan perlu dijadikan garis sempadan yang penting oleh Kuala Lumpur untuk membuat keputusan penting ini.

Banyak laporan yang diterbitkan menunjukkan bagaimana umat Islam di China ditindas oleh kerajaan termasuk dihalang melakukan ibadah puasa, berjanggut dan menyimpan objek yang



PENDAPAT
DR SITI MARIAH MAHMUD



Sebahagian etnik Uighur yang ditahan pihak berkuasa dalam operasi di ibu kota Kuala Lumpur pada 2014.

berunsurkan Islam.

Saya kluatir jika tuduhan bahawa kumpulan etnik Uighur itu terbabit dengan kumpulan pengganas Daesh hanyalah alasan semata-mata yang tidak dibuktikan kebenarannya.

Saya berharap Perdana Menteri boleh bertindak melangkaui kepentingan

ekonomi dua hala dan menggunakan hubungan baik dengan kerajaan China untuk mendapatkan jaminan keselamatan ke atas golongan etnik Uighur itu.

Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen Kota Raja dan Ketua Awan Nasional.

Ceramah PH diganggu, BN tergugat

KUALA LUMPUR: Sikap tidak bertanggung jawab Ketua Umno Bahagian Johor Bahru Tan Sri Shahrir Samad ketika mengulas insiden kekecohan pada program ceramah Pakatan Harapan (PH) di Johor Bahru, 10 Feb lalu jelas menunjukkan kedudukan beliau semakin tergugat kata Naib Pengerusi DAP Kebangsaan, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji.

Tengku Zulpuri mengulas kenyataan Shahrir yang dilapor berkata "masuk kampung perlu ada adabnya" ketika ditanya tentang kekecohan dan tindak-tanduk ala-samseng sekumpulan penduduk dipercayai penyokong BN yang menggesa ceramah PH dibatalkan.

"Nampaknya Shahrir tergugat dengan

kebangkitan PH yang masih baru walhal beliau telah mewakili kawasan parlimen tersebut selama enam penggal.

"Mungkin ini pilihan raya terakhir beliau dalam politik Johor," kata Tengku Zulpuri di-lapor *Roketkini*.

Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang itu berkata, kekecohan ala-samseng itu amat mengecewakan dan jelas menggugat hak kebebasan bersuara rakyat Malaysia.

"Kalau sebelum ini perkara semacam ini jarang kita dengar, sekarang ni nampaknya semakin menjadi-jadi. Umno nampaknya makin tak senang duduk.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kata pilihan raya umum (PRU) di Malaysia telus, tak perlu pemantau luar dan sebagai-

nya, sekarang sebelum pilihan raya pun pembangkang sudah diugut.

"Apapun sebarang tindakan perlulah berlandaskan undang-undang. Jadi kita mohon pihak polis menyasiat insiden tersebut supaya tiada lagi sebarang provokasi atau ugutan kepada hak rakyat untuk bersuara," katanya lagi.

Pada insiden itu, kekecohan berlaku sehingga ceramah PH di Kampung Bakar Batu terpaksa dibatalkan.

Kumpulan yang melakukan kekecohan mendakwa penduduk sekitar tidak mahu orang luar datang ke kawasan mereka semata-mata bagi 'menghentam' kerajaan.

Penasihat DAP Lim Kit Siang dan Adun Stulang Andew Chen Kah Eng yang hadir pada majlis itu yakin gangguan itu berpunca dari-

pada penyokong Umno-BN.

Mengulas isu yang sama Shahrir yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru berkata, tidak adil bagi PH khususnya DAP menyalahkan Umno-BN atas insiden Kit Siang dihalau sekumpulan penduduk Kampung Bakar Batu.

Selepas melihat video yang dimuat Chen ke Facebooknya, Shahrir menegaskan tidak nampak penyokong Umno-BN berada di tempat kejadian seperti didakwa pemimpin PH.

Shahrir mengakui tidak tahu siapa atau punca kumpulan penduduk kampung yang datang dari sebuah surau mempunyai reaksi sedemikian.

Turut hadir semasa insiden berlaku Setiausaha PH Johor Osman Sopian dan Ketua Penerangan Keadilan Johor Akmal Nasir.

Ceramah PH diganggu samseng Umno



Suasana majlis ceramah Pakatan Harapan di Kampung Pasir, Pulau.

Oleh AMNI JAGAT

PULAI: Ceramah 'Gelombang Harapan yang berlangsung di Kampung Pasir, Pulau malam 8 Feb lalu diganggu samseng Umno namun tindakan pantas pihak polis berjaya mengelak kejadian tidak diinginkan.

Dalam kejadian itu, sekumpulan 30 pemuda yang berpakaian biru memaparkan lambang Barisan Nasional (BN) hadir ke ceramah yang berlangsung dengan membuat kecoh, mengejek serta melakukan provokasi.

Namun kehadiran pihak polis pada malam itu berjaya mengelak kumpulan tersebut daripada terus melakukan kecauan sekaligus membolehkan program berjalan lancar.

Pengarah pilihan raya Pakatan Harapan (PH) Johor yang juga Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub menganggap insiden itu sebagai tindakan terdesak Umno-BN memperalatkan anak muda untuk melakukan provokasi.

"Perkara yang utama adalah soal kerosakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri yang dipimpin Umno-BN contohnya seperti rasuah hartanah Bumiputera yang masih belum dijawab Menteri Besar," katanya.

Sehubungan itu, Salahuddin menasihati Ketua Umno Bahagian Pulau Datuk Nur Jazlan Mohamed agar tidak bersembunyi

di belakang penyokongnya yang cuba membuat kacau dan bertanggung jawab dengan keadaan Kampung Pasir yang bakal dijadikan tempat loji kumbahan najis.

Mengulas isu yang sama, Setiausaha PH Negeri Johor yang juga bekas Adun Kempas, Datuk Osman Sopian menyifatkan tindakan membuat kekecohan itu bertujuan mengalihkan isu sebenar dihadapi penduduk.

"Ini adalah wayang yang dimainkan oleh Umno-BN bagi mengalihkan perkara atau isu sebenar yang berlaku di negeri Johor ini. Saya masuk PPBM adalah kerana mahu membawa suara rakyat yang semakin banyak ditindas dengan pemerintahan sekarang.

"PH hanya mahu membantu rakyat yang semuanya terbeban dengan apa yang berlaku hari ini termasuklah mereka yang berada di belakang sana yang hadir ke sini mahu mengganggu program ini," tegas Osman ketika berucap.

Dalam pada itu, tindakan Adun Pengkalan Rinting Cheo Yee How yang memberi salam sebelum berucap tidak disenangi samseng Umno yang berkumpul di luar kawasan ceramah.

Kumpulan samseng itu berbuat bising dan cuba menimbulkan kekecohan namun keadaan terkawal apabila pihak polis bertindak meredakan keadaan.

Anggota polis kemudian mengarahkan kumpulan samseng itu berhenti melakukan provokasi dan majlis ceramah berjalan dengan aman.



Kumpulan samseng yang melakukan kekecohan dinasihati pihak polis.



SIAP SEDIA... Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional Khalid Samad melancarkan Pentas Komunikasi AMANAH Perak pada satu majlis ringkas di Bilik Gerakan Pakatan Harapan Dun Sungai Rapat, Ipoh, 10 Feb lalu. Hadir sama Timbalan Pengerusi AMANAH Perak Datuk Seri Ir Mohamad Nizar Jamaluddin dan Ketua Komunikasi AMANAH negeri Abdul Rahim Nordin @ Cheng. Sempena lawatan seharinya itu, Khalid turut menjadi tetamu program Sembang Santai Dun Ayer Kuning dan merasmikan Bilik Gerakan PH Dun Sungai Rapat.

Bekalan limau habis sebelum program berakhir

PARIT BUNTAR: Sambutan orang ramai yang menggalakkan sepanjang program edaran limau mandarin Pakatan Harapan (PH) sempena Tahun Baru Cina di pekan ini mengakibatkan bekalan limau habis sebelum program berakhir.

Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa, Adun Kuala Kurau Abdul Yunus Jamhari, Ketua PPBM Parit Buntar Abdul Razak Ismail dan Ketua Pemuda PH Perak Hasnul Zulkarnain juga disambut mesra penduduk khususnya masyarakat Tionghoa.

Program mengedar buah limau anjuran bersama PH Parit Buntar, Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan Pusat Khidmat Dun Kuala Kurau diadakan pada setiap tahun sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Sambutan cukup menggalakkan diterima daripada orang Cina sama seperti tahun 2013 yang menyebabkan pihak kami kehabisan limau sebelum menamatkan kunjungan ke seluruh Pekan Tanjung Piandang.

"Ini menandakan sambutan yang amat baik kerana mereka datang menemui rombongan kami sebelum kami sempat berjalan-jalan," kata Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH.

Dr Mujahid berkata, edaran limau mandarin itu meliputi Kuala Kurau, Kuala Bagan Tiang, Pekan Parit Buntar, Pekan Batu Lima dan Pekan Titi Serong.

Program bertemu rakyat ini diadakan sepanjang minggu sebelum Tahun Baru Cina.

"Sebanyak 2000 kotak limau telah diagih-agihkan kepada orang ramai. Pihak kami terpaksa membuat tambahan limau. Kali ini sambutan luar biasa, mereka teruja dengan kedatangan rombongan kami," katanya.

Menurut beliau, selain edaran limau, turut diadakan majlis sumbangan kepada 200 warga emas dan penduduk miskin masyarakat Tionghoa.

"Majlis sumbangan ini diadakan di empat kawasan komuniti orang Cina di Pekan Parit Buntar, Tanjung Piandang, Kuala Kurau dan Kuala Bagan Tiang.

"Wakil AMANAH, DAP dan Keadilan membantu mengenal pasti orang Cina yang layak menerima sumbangan Tahun Baru Cina berkenaan," katanya.

Beliau menambah, program edaran limau itu turut melibatkan petugas AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP Parit Buntar termasuk sayap pemuda dan wanita masing-

masing.

"Kami turut menemui ahli senaman Tai Chi di Pinggiran Sungai Kerian yang majoritinya orang Cina untuk mengedarkan limau," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa AMANAH Parit Buntar Teoh Bak Chua ketika ditemui berpuas hati dengan sambutan di-

tunjukkan orang ramai.

"Sokongan orang ramai terhadap Pakatan Harapan begitu ketara ditunjukkan di semua kawasan komuniti orang Cina.

"Mereka gembira dengan kehadiran pimpinan PH Parit Buntar yang sanggup datang menemui masyarakat Cina sempena perayaan Tahun Baru Cina," katanya.



Dr Mujahid dihadiahkan ikan ketika mengunjungi jeti nelayan.



Menghadiahkan limau kepada seorang penjaja.



Disambut mesra pengunjung gerai makanan.

Undang-undang kekang berita palsu boleh dimanipulasi BN

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan khawatir cadangan undang-undang untuk mengekang berita palsu dijadikan alat oleh kerajaan BN untuk menyekat pengaruh PH di media sosial.

Naib Pengerusi PH Wilayah Persekutuan Tarmizi Mohd Jam berkata, banyak berita palsu yang disebarkan 'tentera siber' BN di media sosial namun tiada tindakan diambil oleh pihak berwajib.

"Tindakan tergesa-gesa yang dibuat oleh BN ini boleh dianggap sebagai langkah

'berjaga-jaga' untuk menyaingi massa setelah mereka tidak mampu berlumba dengan PH dalam mempengaruhi rakyat menyokong mereka, lebih-lebih menjelang PRU14 ini.

"Penularan berita palsu perlu diambil tindakan supaya orang ramai lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan, menyebarkan dan berkongsi berita tidak sah serta memastikan keselamatan negara terus dipelihara tanpa mengira bulu, adil, tidak bias dan tidak hanya menjadi undang

-undang labah-labah.

"Sekiranya tujuan undang-undang ini diperkenalkan untuk menapis segala bentuk berita dan melabel berita yang datang daripada pihak pembangkang sebagai berita-berita palsu, ini adalah suatu pangsuan, ini adalah suatu penganiayaan dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang mesti ditentang," ujarnya dalam satu kenyataan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said baru-baru

ini mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas untuk mengkaji undang-undang baharu bagi membendung berita palsu yang boleh mengugat kestabilan politik dan mengancam ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Tarmizi yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan berharap undang-undang baharu itu mempunyai definisi yang jelas kerana berita palsu tidak semestinya melibatkan individu malah membabitkan institusi dan organisasi.

MCA nafi serah kerusi kepada Umno di Bandar Tun Razak

KUALA LUMPUR: MCA menafikan yang ia telah menyerahkan kerusi Parlimen Bandar Tun Razak kepada Umno.

"Tidak benar. Saya tidak akan membincangkan isu pertukaran kerusi menerusi media, kata Presidennya Datuk Seri Liow Tiong Lai baru-baru ini.

Beliau yang ditemui pemberita selepas pelancaran 'MCA Belt and Road 2.0' diminta mengulas mengenai desas-desus berhubung perkara tersebut.

Kerusi di kawasan bandar yang majoriti pengundinya adalah Melayu itu diperuntukkan sebagai kerusi tradisi MCA sejak

lima pilihan raya lalu atas dasar semangat BN namun kerusi tersebut turut didambakan oleh Umno dalam PRU14 kali ini.

Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri Tan Sri Tan Chai Ho menyandang kerusi itu selama tiga penggal sebelum tewas di tangan bekas Menteri Besar Selangor Tan

Sri Khalid Ibrahim yang bertanding atas tiket Keadilan pada pilihan raya umum 2008.

Khalid mempertahankan kerusi itu pada pilihan raya umum 2013 dalam pertembungan empat penjuror juga atas tiket Keadilan dengan majoriti 11,832 undi. Beliau kini mengisytiharkan diri sebagai wakil Bebas.

Rakaman audio dedah konspirasi undi pos

PETALING JAYA: Keadilan mendedahkan rakaman audio dipercayai membabitkan pemimpin Umno Bahagian Permatang Pauh berhubung pemindahan sejumlah 800 pengundi pos di kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Naib Ketua AMK yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dr Afif Bahardin mengakui menerima rakaman audio berdurasi 1 minit 7 saat itu daripada individu yang dikenali.

Rakaman audio itu dipercayai berlaku ketika program Pemukiman Jentera Pilihan Raya Umno Cawangan di Parlimen Permatang Pauh yang diadakan pada 28 Januari lalu di Politeknik Seberang Perai.

"Dalam rakaman audio ini terdapat satu perkara yang telah menimbulkan kekusaran kami serta mengesahkan dakwaan kami bahawa berlaku manipulasi undi terutama melibatkan undi pos dan undi awal," ujarnya dalam sidang media diadakan di Ibu Pejabat Keadilan, dekat sini, 8 Feb lalu.

Bagaimanapun tambah Dr Afif, pihaknya tidak bercadang membuat sebarang laporan polis mengenai penerimaan

rakaman audio tersebut sebaliknya mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan polis mengambil maklum tersebarnya maklumat berkaitan rakaman audio tersebut.

"Kami mendesak SPR dan polis memberi penjelasan segera mengenai dakwaan terdapat 800 pengundi pos/awal ini untuk bertindak mengambil tindakan undang-undang di bawah mana-mana akta bagi menghalang penipuan itu dilakukan oleh Umno dan BN dalam pilihan raya umum akan datang," ujarnya.

Rakaman audio itu, menurut Dr Afif mengandungi ucapan selama 20 minit oleh pemimpin Umno bahagian terbabit, namun hanya kenyataan yang dibuat berdurasi 1.07 saat itu didedahkan kepada pihak media.

Transkrip rakaman audio yang turut diedarkan dalam sidang media hari ini menyebut:

"Semua gerak kerja- gerak kerja sulit ini tuan-tuan yang dibuat di peringkat-peringkat tertinggi, yang ramai ketua bahagian pun tak tahu, ramai ketua pun tak tahu.

"Saya pun tak tahu tuan-tuan. Saya bagi tahu. Tuan-tuan ini rahsia ini, yang kita mendapat pengundi-pengundi bonus, kita jangan cerita kat siapapun. Kita mendapat pengundi bonus 800 lebih pengundi polis daripada sebelah Tanjung yang sebelah dekat



Dr Afif bercakap dalam sidang media di Petaling Jaya.

Datuk Keramat itu, yang sebelah Penang Road itu yang dipindahkan secara sulit ke Permatang Pauh.

"Mereka bertugas di IPD, mereka bertugas di IPK, mereka akan mengundi di Permatang Pauh. Kita strategi benda-benda yang diatur oleh benda-benda teknikal ni kadang-kadang kita tak boleh cerita ke semua orang.

"Tuan-tuan sebagai ketua cawangan, ketua pemuda, ketua wanita, setiausaha cawangan

yang terpilih ini. Saya bagi tahu ini saya mahu menanam keyakinan dalam diri."

Ditanya media kemungkinan beliau mengenali suara yang dirakamkan dalam audio tersebut, Dr Afif mengakui mengenali pemimpin Umno itu tetapi enggan mendedahkannya sebaliknya mahu pihak media melakukan siasatan.

Turut hadir dalam sidang media itu Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar.

Rakyat teruk dibebani kos sara hidup jika BN kekal berkuasa

Oleh **ARIF ATAN**

GOMBAK: Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad bimbang rakyat akan menanggung lebih banyak beban kos sara hidup jika membiarkan Umno-BN berkuasa selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, tiada sebab lagi untuk pengundi memberi kemenangan kepada rejim kleptokrasi itu pada pilihan raya nanti dengan rekod lambakan hutang yang mencecah RM800 bilion pada masa ini.

"Kalau dia (BN) menang pilihan raya, tidak mustahil bila duit sudah tidak ada, hutang semakin banyak, bayaran hutang semakin besar.

"RM800 bilion (hutang negara) iaitu RM800 ribu juta sekarang ini," tegasnya

dalam Forum Muafakat Rakyat dekat sini, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau menjangkakan hutang negara boleh mencecah RM1 trilion sekali gus akan menjejaskan kualiti hidup rakyat akibat pelbagai tindakan termasuk penarikan lebih banyak subsidi barangan keperluan.

"GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) dan hutang akan naik. Semakin banyak (subsidi) akan ditarik balik. Segala bantuan, biasiswa akan ditarik balik.

"Kalau RM1 trilion iaitu satu juta juta, nak bayar, bagaimana? Kalau kita tidak hentikan dia, jadi lagi teruk dalam keadaan dia mendakwa GST bagus.

"Walaupun semua kata (GST) tidak baik, dia masih kata GST enam peratus itu bagus. Kalau bagus, 10 peratus lagi bagus," sindirnya.

Mengulas dakwaan kerajaan sebelum ini

bahawa pinjaman akan diteruskan selagi mampu dibayar, Khalid berkata, hal tersebut memang boleh dilakukan tetapi akibatnya tetap memangsakan rakyat.

"Kerajaan kata kita akan terus meminjam selagi kita boleh bayar. Ini sikap dia. Rating masih bagus, A-, hutang kita bayar. Selagi mana kita boleh bayar kita akan terus meminjam.

"Sepatutnya kerajaan kata kita boleh bayar tanpa menjejaskan kos hidup rakyat. Ini selagi mana boleh bayar, habis tergedai negara," bidasnya.

Ahli Parlimen Shah Alam berkenaan juga menyifatkan dakwaan kerajaan bahawa pertumbuhan ekonomi negara berada pada tahap baik sepatutnya dapat mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan rakyat.

"Sepatutnya pertumbuhan ekonomi yang

lestari menghasilkan peluang pekerjaan tapi pertumbuhan itu kerana buat pinjaman dari China, bina bangunan, buat landasan kereta api.

"Kalau kita tidak hentikan sekarang, dia tidak akan berhenti. Ini masalahnya kerana dia tak mengaku apa yang dibuat itu salah," ujarnya.

Justeru, Khalid mengingatkan perubahan boleh dicapai jika rakyat mengundi Pakatan Harapan (PH) pada PRU-14 bahkan sejarah tamadun Islam juga menyaksikan perubahan kerajaan.

"Dalam sejarah Islam banyak tukar kerajaan. Tiada pun masalah. Nak bawa perubahan kita kena tamatkan cengkaman Umno ke atas pengundi Melayu. Mereka guna macam-macam cara kaum dan agama," tambahnya lagi.

Motif PM anggap 'projek terowong' membazir dipersoal

GEORGETOWN: Kenyataan Perdana Datuk Seri Najib Razak bahawa Pulau Pinang tidak memerlukan terowong dasar laut kerana ia hanya membazirkan wang rakyat dipersoal kerana beliau hadir bersama Perdana Menteri Republik Rakyat China pada April 2011 bagi menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman projek tersebut.

Ketua Menteri Lim Guan Eng mem-

persoalkan mengapa secara tiba-tiba Najib membangkitkan soal pembaziran sedangkan projek itu dilaksanakan bagi manfaat rakyat.

"Saya tidak cakap (cadangan) projek ini dibuat sekarang, tapi pada tahun 2027 terowong bawah dasar laut ini akan siap untuk menangani lambakan trafik sesak pada tahap maksimum waktu itu," jelas beliau dalam sidang media baru-baru ini.

Justeru itu, Guan Eng tidak menolak kemungkinan kenyataan berbau politik itu dibuat

Najib dengan mengambil kira musim pilihan raya umum (PRU14) yang semakin hampir.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan turut menyatakan hasrat untuk bertemu Najib dan memberi penjelasan secara bersemuka mengenai projek bernilai RM6.3 bilion tersebut.

"Saya memang ingin memberi peluang kepadanya (kerana) beliau mungkin sibuk.

"Saya bersedia berjumpa dengannya untuk

menjelaskan projek itu," ujarnya yang juga Setiausaha Agung DAP.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng sekali lagi menegaskan bahawa pemilihan tender projek terowong itu dilaksanakan secara tender terbuka.

Menurutnya, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Farizan Darus mepengerusikan Jawatankuasa Lembaga Perolehan Negeri.

PH Kelantan pupuk mesra kaum



Bergambar bersama anggota rombongan pelbagai parti sebelum aktiviti ziarah.

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

KOTA BHARU: Pakatan Harapan (PH) Kelantan menjadikan sambutan Tahun Baru Cina sebagai jambatan mengeratkan hubungan mesra antara kaum.

Sehubungan itu, Pengerusi PH Kelantan Husam Musa bersama pemimpin dan

ahli parti anggota PH mengambil peluang menziarahi penduduk Tionghoa di beberapa lokasi terutama di bandar ini.

Bermula di pasar Pohon Pinang di pusat bandar, Husam mengetuai rombongan menziarahi penempatan kaum Tionghoa dari pintu ke pintu bagi mengucapkan Selamat Tahun Baru.

Turut serta Timbalan Pengerusi PH Kela-



Tan Ah Wang (dua dari kiri) dan Wan Abdul Rahim (tiga dari kanan) bersama Husam meraikan kaum Tionghoa.

ntan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah dan Timbalan Ketua Bahagian PPBM Kota Bharu Datuk Wan Rusdi.

Pemimpin wanita PH dari semua parti turut mengambil bahagian.

Rombongan kemudian berpecah kepada tiga kumpulan untuk ke lokasi-lokasi berlainan.

Menurut Pengarah Hubungan Antara

Kaum PH Kelantan Tan Ah Wang, program itu bukan sahaja diadakan di Kota Bharu malah di jajahan (daerah) lain seluruh Kelantan.

"Pemimpin dan anggota PH akan sekali lagi turun untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina di pasar malam Jalan Kebun Sultan 13 Febuari ini," katanya.

AMANAHA Sabah sedia bertanding 2 kerusi Parlimen, 3 Dun

KOTA KINABALU: AMANAHA Negeri Sabah telah melakukan persediaan untuk bertanding di 2 kerusi Parlimen dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dengan kerjasama parti-parti gabungan Pakatan Harapan (PH) negeri.

Setiasaha AMANAHA negeri, Abdilllah Matlin berkata, sejak penubuhannya AMANAHA Sabah telah melakukan gerak kerja pilihan raya di kawasan-kawasan yang bakal ditandingi itu.

"Kerusi-kerusi yang akan ditandingi AMANAHA Sabah adalah Parlimen Batu Sapi, Parlimen Kalabakan, Dun Merotai dan Dun Bugaya.

"Keempat-empat kerusi tersebut telah dipersetujui dalam mesyuarat rundingan kerusi Pakatan Harapan Sabah untuk AMANAHA Sabah meletakkan calonnya.

"Selain itu, AMANAHA sedang mempertimbangkan satu lagi kerusi Dun iaitu Dun Sekong untuk ditandingi," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun tambah beliau, perkara ini akan dibawa ke meja rundingan dengan Keadilan Sabah bagi memberi laluan kepada AMANAHA negeri menghadapi BN.

Menurut beliau, berdasarkan keputusan pilihan raya umum (PRU) lalu, calon Parli-

men Batu Sapi Hamzah Abdullah telah dikenali, diterima baik dan disokong pengundi Parlimen Batu Sapi.

Hamzah ialah pengerusi AMANAHA Sabah dan bertanding di Batu Sapi pada PRU lalu atas tiket Pas.

Menyentuh tindakan bekas Timbalan Pengerusi AMANAHA negeri, Alias Sani menyertai Parti Warisan Sabah (Warisan), Abdilllah berkata AMANAHA Sabah menghormati pilihan beliau.

"Sejurus selepas Alias keluar daripada AMANAHA Sabah dan menyertai Warisan, AMANAHA Sabah telah melantik Arbaani Akum sebagai timbalan pengerusi," jelas

beliau.

Arbaani Akum ialah Ketua AMANAHA Kalabakan dan mempunyai pengalaman luas dalam politik Sabah.

"Beliau pernah ditawarkan jawatan-jawatan penting dalam kerajaan namun menolak kesemua tawaran tersebut kerana yakin PH khususnya AMANAHA Sabah adalah parti yang benar-benar mengangkat suara rakyat Sabah.

"Dalam pada itu, beliau juga pernah memperjuangkan isu gajah yang diburu secara haram di hutan simpan membabitkan Yayasan Sabah dan Jabatan Hidupan Liar," ujar Abdilllah.

PH cadang hab industri petroleum di Bachok

BACHOK: Kerajaan baru Pakatan Harapan (PH) di Kelantan akan membangunkan semula pusat industri petroleum di pantai Senok, Bachok jika mengambil alih pentadbiran negeri selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa berkata perkara itu telah dimasukkan dalam tawaran utama PH kepada rakyat Kelantan khususnya di kawasan Bachok.

"Ini tawaran untuk penduduk di sini khususnya golongan muda," katanya ketika berucap melancarkan Jentera Pilihanraya PH Parlimen Bachok, 9 Feb lalu.

Menurut Husam, beliau telah ber-

bingcang dengan calon perdana menteri PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkenaan hal tersebut.

"Beliau telah bersetuju untuk membayar royalti petroleum. Tapi dia kata kena menang dulu, bila dah menang apa kehe-ndak kita boleh kita buat," katanya.

Menurut Husam, penghalang sebenar rancangan pendaratan gas di Bachok bukan Tun Mahathir.

"Beliau sendiri sebenarnya yang memulakan inisiatif memajukan kawasan pendaratan ini.

"Beliau hadir bersama Almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk men-yaksikan majlis tandatangan usahasama Keloil dan KUB.

"Namun usaha ini gagal kerana diten-tang oleh Umno Kelantan yang di ketua Datuk Anuar Musa," katanya.

Beliau turut menyangkal dakwaan kon-onnya Tun Mahathir yang menghalang pemberian royalti kepada negeri Kelantan.

"Tun Mahathir berhenti jadi PM tahun 2002 minyak kita keluar 2004, macam mana beliau nak sekat, minyak pun tak keluar lagi.

"Itu sudah fitnah, jelas mereka yang membuat dakwaan itu tidak membuat semakan," katanya.

Bila pusat pendaratan gas ini menjadi kenyataan, ujar beliau manfaatnya bakal diperolehi rakyat.

"Golongan nelayan yang terpaksa menghadapi musim tengkujuh tanpa pendapatan akan dapat kita bantu.

"Begitu juga petani di sekitar ini yang menghadapi kesusahan sejak terhenti-nya penanaman tembakau kita akan buat kajian untuk membantu mereka secara jangka panjang," katanya.

Majlis yang diadakan di Pejabat AMA-NAHA Bachok itu dihadiri ribuan pen-duduk tempatan.

Turut hadir Timbalan Pengerusi PH Kelantan Datuk Kamaruddin Mohd Nor, Pengarah Pilihan Raya PH Kelantan Datuk Sazmi Miah dan para pemimpin kanan PH negeri dan kawasan Bachok.

Menyongsong tibanya Tahun Baru Cina

“ Kita perlu menghayati makna persaudaraan manusia. Kita perlu bertekad untuk tidak berfikiran sempit dan berminda perkauman. Sampai bila rakyat yang sudah berdekad-dekad merdeka dan membentuk negara berbilang kaum ini perlu ditakutkan dengan api perkauman. Sampai bila pula kita harus menyemarakkan kebencian tanpa noktah dengan secara mudah-mudah 'mengkafirharbikan' sesama warga negara...”

BARU-BARU ini saya kembali membaca buku 'The Sweet Rebel: Remembering Fon Yew Teng'. Sebuah buku yang memuat tulisan-tulisan menghormati seorang pejuang sosial yang diedit oleh dua orang puteri kembarnya Pauline Fan dan Lilianne Fan.

Oleh kerana persahabatan yang akrab dengan mendiang Fan Yew Teng, saya telah diminta menulis tentang dirinya di buku tersebut. Tulisan saya di buku itu bertajuk 'Fan Yew Teng: A True Comrade And Compatriot' mencatat betapa persahabatan yang benar-benar manusiawi antara saya dengan seorang sahabat keturunan Tionghoa yang pemergiannya dari dunia ini amat terasa hingga kini.

Saudara Fan banyak mengajar saya tentang perjuangan kemanusiaan. Bersama beliau, Almarhumah Dr Alijah Gordon dan SM Mohamed Idris saya menubuhkan Malaysian Action Front di penghujung tahun 80-an, menggabungkan 50 organisasi yang memperjuangkan keadilan dan hak asasi manusia.

Bersama Fan, Ahmad Azam Abdul Rahman juga Ahmad Kamal Ali, saya menubuhkan Cenpeace yang membawa saya menemui Collin Archer, Setiausaha Agung International Peace Bureau di Geneva, Switzerland yang diperkenalkan oleh Fan yang punya rakan di seluruh dunia itu.

Fan juga memperkenalkan kami kepada Helen Clarke, Ketua Pembangkang Parlimen New Zealand yang berkunjung ke Malaysia bagi menyampaikan wacana anjuran Cenpeace. Puan Helen Clarke kemudiannya terpilih menjadi Perdana Menteri wanita pertama New Zealand.

Saudara Fan ikut aktif menyokong perjuangan Palestin, Bosnia Herzegovina, Timur Laste dan berbagai isu kemanusiaan termasuk isu penindasan ke atas orang Islam di serata dunia.

Perjuangan kemanusiaan

Beliau memang seorang sahabat yang banyak mengajar saya dalam perjuangan kemanusiaan. Sesungguhnya persahabatan dengan seorang Fan Yew Teng membuat saya dapat memaknai apa yang dimaksudkan oleh takrif hubungan mukmin dengan bukan Islam oleh Saidina Ali akhukum fil insan (Saudaramu dalam kemanusiaan).

Saudara Fan, saya dan rakan-rakan memprotes Perancis yang menghalang murid-murid perempuan muslim berhijab di sekolah.



Beliau mempengaruhi kami menganjurkan pemulauan produk Perancis sebagai bantahan terhadap dasar negara Perancis yang merampas hak asasi masyarakat muslim di negara Eiffel Tower itu.

Selepas kami mengisytiharkan boikot barangan Perancis itu, saya memberitahu Fan saya adalah peminat kereta Citroen dan sudah lama bercadang untuk memilikinya. Fan begitu marah kepada saya dan menyatakan jika saya meneruskan cadangan itu, boikot produk Perancis jadi momokan dan beliau mengugut untuk meletakkan jawatan. Saya betul-betul malu dibuatnya dan segera membatalkan hasrat saya itu. Lama sesudah kempen itu berlalu kira-kira sepuluh tahun barulah saya berani membeli sebuah model Citroen idaman saya itu.

Tentu saja saya tidak dapat melupakan sewaktu belajar di ITM (1971-1974) di mana para pensyarahnya 90% adalah kaum Cina dan India. Tan Sri Arshad Ayub, pengarah ITM mengambil para pensyarah bukan Melayu yang komited untuk mendidik kami di bidang iktis. **Limau mandarin**

Mr. Patrick Koay seorang pensyarah penggiat teater telah melatih saya untuk mampu berbahasa Inggeris dan berlakon sebuah teater Perancis yang dialih bahasa ke Inggeris. Beliau begitu komited dan mengasahi kami para pelajarinya.

Ketika menyambut kedatangan Tahun

Baru Cina tidak cukup untuk kita merayakan teman-teman keturunan Tionghoa dengan sekadar pakaian berwarna merah, mengucapkan 'Gong Xi Fa Chai' atau menyatakan ucap hormat 'Xin Nin Koa Le' semata-mata dan mengedar limau Mandarin kepada mereka.

Kita perlu menghayati makna persaudaraan manusia. Kita perlu bertekad untuk tidak berfikiran sempit dan berminda perkauman. Sampai bila rakyat yang sudah berdekad-dekad merdeka dan membentuk negara berbilang kaum ini perlu ditakutkan dengan api perkauman. Sampai bila pula kita harus menyemarakkan kebencian tanpa noktah dengan secara mudah-mudah 'mengkafirharbikan' sesama warga negara.

Di mana pula penghayatan kita bahawa Islam itu rahmat untuk sekalian alam. Bahawa Islam rahmat untuk semua itu boleh menjadi faktor penyatu kepada kemajmukan etnik di negara bertuah ini. Apakah Islam tidak dapat menghapuskan parut peristiwa hitam 13 Mei?

Idea perkauman

Kenapa tidak secara serius kita lempar jauh-jauh idea-idea perkauman dan mewujudkan kehidupan bersama dan suasana jamak budaya dan agama seperti zaman pemerintahan Islam di Andalusia, di mana konsep 'La Conviviencia' telah mewarnai tamadun zaman tersebut dengan semangat Sahifah Madinah. (Dr.Mazlee Malik 2014)



Menghunus keris di perjumpaan-perjumpaan politik walaupun atas nama Islam tidak akan dapat memantap dan memurnikan agama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang ini.

Biarlah saya tutup makalah ini dengan memperturunkan puisi Sasterawan Negara Usman Awang yang ditulis empat tahun sesudah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

*Pemuda Dan Gadis Tionghua
(Kong Hee Fat Choy but Lim, Goh dan Linda)*

*Hari depan yang manis dalam usia tanahair
Mengisi wajah para pemuda dan gadis Tionghua
Sederap tumbuh bersama pohon-pohon bumi subur
Pucuk getah dan ladang petani disinari matari timur.*

*Pada tangis pertama kelahiranmu di bumi ini
Sampai saat terakhir nafas dalam melangkah kaki
Teguh-teguhlah menyanyikan lagu tanahair tercinta
Bersama kita atas kesegaran kepedihan bumi merdeka.*

*Bukankah kecurigaan telah terbunuh ketika kita bersapa
Hidup ini sudah terbenam pada persamaan nasib semata
Kaum pekerja dan petani dalam satu sumber mengalir
Sama-sama menyanyikan lagu terbagus untuk tanahair.*

*Pemuda dan gadis Tionghua, di sini bumi dan udara kita
Yang menghidupkan dan bagi kematian, o tanahair
Dengan kepastian tidak seorang pun akan mungkir
Kerana kejujuran tertambat pada kesetiaan mengalir.*

*Lihatlah makam nenek moyang sebagai sejarah terpahat
Darahnya dalam darahmu segar di kulit kuning langsung
Esok, ketika tahun baru, akan kukirimkan sebuah angpau
Dalamnya, sebuah cinta dari jantung tanah dan pulau!*

*Usman Awang
1961*

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

The failure of Putrajaya's moderates movement

I first heard about GMMF back in 2010 when I attended a conference aptly called the International Conference on the Global Movement of Moderates.

It was promoted by the government as the first, inaugural event of the Global Movement of the Moderates, bringing together the officials of the highest level, namely Prime Minister Najib Razak, Foreign Minister Anifah Aman, former prime minister Dr Mahathir Mohamad as well as some other distinguished guests representing the political elite of Malaysia, Asia-Pacific countries and Muslim clergy.

A foundation was subsequently launched in 2012 with Razali Ismail as the chairman, giving a glimmer of hope as the former had been a distinguished practitioner of diplomacy, whether we agree with him or not.

Here we are in 2018, a full six years later, to see if anything has changed.

Looking at the name of the organisation, the Global Movement of Moderates Foundation, I wonder which part of it is global. I've been following it closely since the inaugural ICGMM as I feel that moderation needs to be promoted and encouraged, yet I fail to see the global element let alone its effectiveness in fostering any sort of moderation. There has been a deafening silence on the pockets of extremism that are popping up everywhere in Malaysia. What is the solution? Surely GMM should be seen as the prime mover in such an endeavour to create a moderate society.

If governance and rule of law is a priority, which I saw was part of the seven initiatives, there does not appear to be any board members. If I recall correctly, there used to be a board during the inception back in 2012, consisting of some distinguished people. It's now 2018, which makes it almost three years since Nasharudin (Mat Isa) helmed the organisation. They have also created a new website which was recently launched by the PM himself where there is even less information on its structure.

Where are the checks and balances? Any credible organisation would have information on their key people. The foundation itself doesn't appear to produce any content. A quick browse on their website confirms this, and the size of the organisation is unknown. There have been no annual reports since its inception.

What I can gather from the website, though, is that there appears to be a lot of overseas trips which seem to be one-offs, just a collection of photo opportunities for Nasharudin. For an organisation which is a 'think tank', this shows, at best, a lack

of substance creating no meaningful difference at all.

I'm curious to know what transpired as a result of all these travels and here I am scratching my head trying to find any research papers by this Global Movement of Moderates, or even position papers, basically anything other than press statements.

Perhaps the solution is to literally fly to every country possible to introduce this "Global Movement of Moderates" with the same script. I'm not really sure as I'm not an expert and neither am I paid to do so. If you don't believe me, have a look at their website – it would be better named the Global Movement of Nasharudin.

Surely if Nasharudin can travel on first-class flights with his entourage halfway across the world, there should be some tangible results of these so-called engagements, and surely a programme would not cost more than his flight ticket alone to Europe or the Americas.

Certainly I have not seen any programmes initiated by GMM, only events where they are present or attending. New York, Paris and London are firm favourites, but that must be just a coincidence as it would be blasphemous for a Pas leader to hold such 'kafir' nations in high regard. What exactly is an "engagement session" when nothing happens after a photo is taken?

It is worth mentioning that prior to Nasharudin in 2015, there was an East Asia Summit Declaration on the Global Movement of Moderates. Fast forward to today, and there is no mention of it in the declaration. What could possibly have happened between 2015 and 2017 whereby this "Global Movement of Moderates" was conveniently dropped? Could it be due to Nasharudin himself? In fact, the newly launched website confirms this as it shows that post-2015, there have been no milestones. The last milestone was the East Asia Summit.

Ironically, the references to GMM have since been dropped from the East Asia Summit for 2017, which comes as no surprise because there hasn't been even a single activity worth mentioning in the past year alone where GMM took the lead. It is just a vehicle for Nasharudin to make trips abroad, shake hands and make empty claims.

To add to that, if one were to look into the UN General Assembly vote on Dec 8, an overwhelming majority of nations voted in favour of a resolution on moderation (not to be confused with a resolution on "Global Movement of Moderates" which I suspect is the actual aim). However, the US decision to vote against it was, in the



words of the US representative, due to the inability of the GMMF to conduct programmes, as seen in this reference – <https://usun.state.gov/remarks/8218>.

Now, wow, is it possible that GMM is unable to conduct programmes? With all the resources and staff that they have at their disposal, surely this can't be the case (now if only they could list down who exactly are these people working in GMM, like who does the research). In fact, they moved to a bigger office during the tenure of the current chairman and CEO, which I suppose is a bigger priority than the organisation structure itself, not to mention the frequent travelling that Nasharudin does on a regular basis.

One only has to Google these exact words, "UN Resolution on Moderation", to see the desperation of Nasharudin to give the impression that he was instrumental in the negotiations. But anybody with basic knowledge of the inner workings of the UN would know that GMM has no say in anything to do with the UN. It is not even recognised, and the adoption of the resolution is far from historic! If no countries voted against it, I suppose that would be more historic. On the other hand, Algeria's resolution was adopted by consensus whereby the General Assembly declared May 16 as the "International Day of Living Together in Peace". This happened on the same day as Malaysia's resolution.

What we see here is a major case of self-praise, and I suspect, a hugely inflated ego which is not very Islamic in character, by the way. This proverb is apt: "Self-praise is no praise at all". When you praise yourself, you boast about what you feel you've

achieved when it only takes a fool to realise how meaningless it is.

So within that span of time, references to this entity GMM have been dropped from the EAS summit and subsequently in the "historic" UN resolution. That's a failure in Malaysia's foreign policy – how can the foreign minister stay silent, let alone the prime minister? There was nothing spectacular about this Global Movement of Moderates to begin with and the change in leadership over the years has not made it anymore effective. In fact, its popularity and significance has dropped dramatically since 2015 considering what has transpired.

I recall the magical Langkawi Declaration on the Global Movement of Moderates back in 2015. As of now, only two events have been conducted as a result of it, one in Singapore and the other in Laos. There have been none since. For taxpaying citizens who without a doubt would or at least should be supporting a movement of moderates in principle, there are so many unanswered questions, and calls to the media department have been unanswered. What policies does GMM hope to shape? If there is no national unity at home, how does one expect to go talking about it to other countries? If the government wants to play safe and keep silent, then that's where GMM should step in – to be a voice of reason.

There is no global element, no movement apart from that of the chairman and his entourage, and definitely no moderation. All we see is excess, so let's wait and see what GMMF has in store.

TO PAGE 29

BN leaders out of touch from daily struggles of rakyat

By **TONY PUA**

EARLIER this week, Mydin owner Datuk Ameer Ali Mydin had said that though the Government's published GDP figures showed strong growth, consumers seemed to be spending less and less on grocery shopping. He suggested that Malaysians just did not seem to have the same amount of money to spend as before, even though the economy has been growing.

Mydin's comments quickly drew responses from members of the Government, including Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan who was quick to defend the Government's economic measures.

He said that hypermarket sales only made up 8% of total retail sales, which had seen overall growth both in terms of volume and value. He further added that Malaysians did indeed have more money to spend as highlighted by increases in domestic tourist expenditures as well as tourist spending abroad.

Datuk Seri Rahman Dahlan's dismissive attitude towards Mydin's claim shows just how out of touch the BN Government is from the daily struggles faced by average Malaysians. If even low-priced hypermarkets like Mydin are facing weakened consumer



“ The Government should not be flaunting the spending statistics of Malaysians who can afford to travel abroad as proof that all Malaysians are better. Worse, they should not be dismissing the very real and loud complains of average Malaysians who struggle to even afford their daily groceries.”

demand, where does the Minister expect Malaysians to be buying their everyday groceries? Does he think Malaysians are going abroad to do their groceries?

Last November, 5 Giant hypermarkets were shuttered by owners GCH Retail (Malaysia). The 2017 Malaysia Retail Industry

Report, also noted that consumers were less likely to spend money in the past year owing to the increasing cost of living. The same report noted that hypermarket sales in general had shrunk 3.1% in the first 3 quarters of 2017.

Accordingly, Malaysian consumers were

found to be more frugal and judicious with their spending opting to make smaller purchases at different stores to make the most out of the various discount and offers provided by different stores.

All the above information is consistent with the Government's own statistics. Inflation last year was the highest we've seen in years, averaging 3.7%. In particular, food and non-alcoholic beverages saw an increase of 4% over the past year. Regardless of whether someone is shopping in a hypermarket or a pasar tani, these price increases are present everywhere.

The Government should not be flaunting the spending statistics of Malaysians who can afford to travel abroad as proof that all Malaysians are better. Worse, they should not be dismissing the very real and loud complains of average Malaysians who struggle to even afford their daily groceries.

If the BN Government has no sympathy or empathy for the ordinary men on the street, it is time for them to get the boot. Malaysians deserves a government that looks out for the interest of all Malaysians and does not dismiss the real issues being faced everyday.

Tony Pua is Member of Parliament for Petaling Jaya Utara and DAP National Publicity Secretary.

Desperate move by MCA to beg Chinese support

By **LIM KIT SIANG**

I was surprised to read the headline of the exclusive interview of the MCA Deputy President, Datuk Seri Wee Ka Siong in the front-page Sin Chew Daily: "Wee Ka Siong: Beg Chinese community not to let MCA be destroyed".

It has never been the intention of the DAP since our formation in 1966 to 'destroy' the MCA, just as it is not our intention to destroy Umno, Gerakan, MIC or any other political party, but to challenge these parties to better represent the best citizenship interests of Malaysians, regardless of race, religion or region.

If Kuomintang of Taiwan, the Liberal Democratic Party (LDP) of Japan and the Indian National Congress can make a political comeback in their respective countries after being ousted from their governmental positions, why can't MCA or Umno for that matter do the same after they are defeated in the forthcoming general election?

DAP cannot destroy MCA or

Umno. Only MCA can destroy MCA. Only Umno can destroy Umno.

The present MCA national leadership has created MCA history, for never before had the three top leaders of MCA won their seats in Parliament based on Umno's Malay votes, as they all contested in constituencies where the Malay votes exceed the Chinese voters.

In Bentong, the parliamentary constituency of the MCA President and Transport Minister, Datuk Seri Liow Tiong Lai, the single biggest ethnic bloc of voters are the 46.1% Malay voters, as Chinese voters represent 42.4%, Indians 9.0% and Others 2.5%.

In Ayer Hitam, the parliamentary constituency of MCA Deputy President and Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Seri Wee Ka Siong, the largest ethnic group of voters are the 57.6% Malay voters, with the Chinese 38.3%; Indians 3.9% and Others 0.2%.

In Tanjong Malim, the parliamentary constituency of the MCA Secretary-General and

Second Minister for Trade and Industry, Datuk Ong Ka Chuan, the largest ethnic group of voters are again the Malays 55.4% with Chinese 25.8%, Indians 13.2% and Orang Asli 5.6%.

This has never happened before in the 69-year history of MCA.

Let me reiterate: It has never been the objective of the DAP to 'destroy' the MCA, as only the actions of the MCA leaders, especially after the 2013 General Elections, can destroy the MCA - not only their topmost leaders solely dependent on Umno votes in get into Parliament and the Cabinet, but their inability to say a single word against the corruption, abuses of power and injustices of the Barisan Nasional government and the Prime Minister, Datuk Seri Najib Razak - and the most conspicuous example is none other than the international multi-billion dollar 1MDB kleptocratic money-laundering scandal!

Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Leader and MP for Gelang Patah.

FROM PAGE 28

I'm looking forward to a moderate Malaysia in 2018. If we leave it to the "kampung mentality" types, our Indonesian brothers will surely catch up if they haven't already on the global stage. I'd really like to see some credible organisations support this movement on their own terms, rather than be dictated by the "Global Movement of Moderates".

The latest news I heard was about a GMMF-Unesco collaboration which appeared under the usual local media channels such as Bernama and Astro, yet is strangely missing from the Unesco website itself. How could such an important collaboration not be worth mentioning by Unesco? I find that very suspicious as such collaborations can easily be found in the media section of any reputable website.

Nevertheless, I have faith that with the proper leadership of this organisation, Malaysia can once again be a respected middle nation in the global arena. It doesn't take a genius

to have a force for moderation, and I believe it is in Malaysia's DNA. But with the pace at which the current leadership works, coupled with the lack of credibility and support, Malaysia is doomed to fail in its current capacity of meeting its target of a Year of Moderation in 2019 as espoused in the UN Resolution adopted last year. That would be a historic embarrassment.

Let's hope the efforts of Prime Minister Najib Razak to champion Malaysia as a leader of the Global Movement of Moderates will not be derailed.

What we need are people of substance, not mere cheerleaders with political baggage. After all, the audience is global and not rural Malaysia which, coincidentally, happens to be Pas' strong point. So the stakes are very high, unless this whole setup is just a political charade. There is a famous saying among some people that captures the essence of this article: "Pride cometh before the fall".

The writer is an FMT reader.

Jangan ulangi kesilapan lalu, hayati semangat **Pakatan Harapan**

KALAU Pakatan Harapan (PH) serius dalam usaha mencapai kemenangan, maka semua parti dan anggotanya mesti menghayati dengan sebenar-benarnya semangat 'Pakatan' dan budaya berpakat.

Saya melihat setakat ini masih ada kekurangan walaupun boleh dikatakan PH berada dalam keadaan yang lebih kehadapan berbanding Pakatan Rakyat (PR) dalam persoalan ini. Dalam kata lain, persoalan 'menghayati semangat Pakatan' lebih mungkin tercapai oleh PH berbanding dengan PR dahulu.

Ini adalah atas beberapa sebab. Antaranya, mesyuarat Majlis Presiden diadakan PH lebih kerap berbanding PR. Dan apabila ianya diadakan, kesemua yang sepatutnya hadir, khususnya presiden semua parti, hadir dan terlibat dalam perbincangan. Kata sepakat diusahakan secara bersungguh-sungguh di mana semua isu dibahas secara terbuka dan terperinci.

Hasil dari ini kata sepakat telah tercapai dalam banyak perkara dan lebih awal dari yang tercapai pada zaman PR. Sebagai contoh, persoalan manifesto dan agihan kerusi. Tidak pernah semasa dalam PR dahulu persoalan ini dapat diselesaikan sebegini awal sebelum PRU. Kerap berlaku, agihan kerusi tidak selesai sehingga hari penamaan calon.

BUDAYA BERPAKAT

Namun demikian, untuk menjamin pencapaian ini menghasilkan natijah yang seperti mana yang diinginkan maka semua anggota PH mesti memahami beberapa perkara asas dalam semangat Pakatan dan budaya berpakat.

Pada mulanya, kita mesti melihat parti rakan kita sebagai kawan dan bukan lawan atau saingan. Oleh itu, sekiranya parti kita tidak dipilih untuk bertanding di kawasan kita maka kita harus menerima parti rakan yang dipilih sebagai wakil PH dan dengan itu mewakili kita.

Ini akan menjadi lebih mudah sekiranya dari awal lagi kita mewujudkan struktur organisasi PH di semua kawasan dan mula mengadakan program-program bersama. Dengan ini ahli parti membina hubungan rapat antara satu sama lain. Apabila ini dilakukan, kita akan melihat satu sama lain sebagai rakan yang saling membantu dalam usaha mengukuhkan PH.

Perasaan sebegini sudah mula wujud di kalangan pimpinan nasional atas sebab kekerapan berjumpa dan berinteraksi. Seharusnya usaha yang seperti juga diadakan diperingkat akar umbi.

SIKAP INKLUSIF

Begitu juga calon yang bertanding mesti bersikap inklusif dan melihat dirinya sebagai calon PH dan bukan sekadar calon partinya. Dia akan dimenangkan oleh usaha semua pihak dan bukan seka-

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL



KHALID SAMAD

dar usaha partinya. Oleh itu dia mesti menghayati semangat pakatan ini dan mempunyai hubungan baik dan rapat dengan ahli semua parti, bukan sekadar partinya sendiri.

Dan apabila dia menang, dia mesti meneruskan sikap pakatan ini. Dia dimenangkan oleh PH dan dia adalah wakil PH, bukan partinya semata-mata. Sekiranya dia anggap dirinya sebagai wakil partinya sahaja, apa manfaatnya bagi yang dari parti rakan membantunya? Maka struktur PH peringkat kawasan dan Dun mesti diwujudkan sebelum PRU dan dikekalkan selepasnya. Ianya mesti kekal selama mana PH wujud sebagai entiti politik di negara ini.

Maka walaupun dia merupakan seorang dari parti AMANAH, sebagai contoh, dia adalah Adun PH. Dia mesti merancang program bersama dengan parti rakan dan menggunakan peruntukan untuk membiayai program-program bersama ini. Dengan ini semua akan merasakan berbaloi dan bermakna mereka bersama menyokong calon AMANAH untuk mewakili PH.

Budaya menganggap diri sebagai wakil parti sendiri semata-mata perlu dihentikan. Sikap sebegini tidak selaras dengan hakikat bahawa seseorang itu telah menang dengan sokongan semua parti.

KERAJAAN PH

Begitu juga di peringkat kerajaan, sama ada negeri atau nasional. Kerajaan yang dibina dengan wakil rakyat yang dimenangkan oleh PH semestinya juga kerajaan PH. Walaupun ianya dipimpin oleh parti tertentu, atas sebab kerusi yang terbanyak atau apa jua sebab kepimpinannya diterima, hakikatnya ianya kerajaan PH kerana ia dimenangkan oleh PH dan bukan mana-mana satu parti.

Parti yang mempunyai kerusi terbanyak sekalipun telah memenangi setiap satu kerusi itu dengan bantuan dan sokongan semua parti dalam PH di Dun atau Parlimennya.

Maka untuk menentukan ini terlaksana, struktur PH negeri dan nasional mesti ditubuhkan dan dilancarkan seawal yang mungkin. Dan struktur itu terus dikekalkan walaupun selepas PRU untuk mengawal dan memantau perjalanan kerajaan sama ada negeri atau federal/nasional.

Struktur PH di peringkat Dun, kawasan, negeri dan nasional bukan ditubuhkan sekadar untuk menghadapi PRU. Ia ditubuhkan dan akan dikekalkan untuk menentukan bahawa cita-cita yang dikongsi bersama melalui PH akan terus mencorakkan tindakan kita bersama, sama ada sebelum atau selepas PRU.

Tiada anggota parti lain akan sanggup bertungkus-lumus memenangkan calon dari parti rakan sekiranya selepas menang, calon tersebut menganggap dirinya sebagai wakil hanya partinya sahaja. Dan dia bertindak di Dun atau Parlimennya tanpa mengambil kira pandangan dan pendapat parti lain. Dan begitu juga, tiada ahli parti Keadilan, sebagai contoh, akan sanggup membantu kemenan-

gan calon-calon AMANAH sekiranya setelah menang dan membentuk kerajaan, ianya diisytiharkan sebagai kerajaan parti AMANAH! Dan begitu juga sebaliknya.

ULANGI KESILAPAN

Jangan kita ulangi kesilapan sikap dan tindakan parti Pas apabila menganggap bahawa kemenangan calon-calonnya adalah hasil kekuatan Pas sahaja. Malahan kemenangan calon Keadilan turut didakwa hasil kekuatan Pas! Sikap sebegini akan memusnahkan semangat pakatan dan budaya berpakat.

Inilah antara sebab mengapa Pas perlu keluar Pakatan Rakyat sambil kami pula perlu keluar Pas, tubuhkan AMANAH dan membentuk PH. Ianya kerana Pas tidak mampu menghayati semangat pakatan dan mengamalkan budaya berpakat.

Dan jangan kita juga ulangi kesilapan zaman PR apabila Adun, Ahli Parlimen dan kerajaan negeri yang ditubuhkan terlalu bersikap kepartian. Biarlah kita nyatakan dari awal lagi bahawa ianya PH di semua peringkat.

Sekiranya kesedaran dan kefahaman ini dapat di sebar dan dihayati di setiap peringkat, maka kita akan hadapi PRU dalam keadaan kukuh dan bersatu. Semua akan berjuang habis-habisan untuk mencapai kemenangan walaupun calon yang bertanding bukan dari partinya. Ini adalah kerana semua memahami, termasuk calon itu sendiri, bahawa yang bertanding adalah calon PH.

Penulis ialah Pengarah Komunikasi AMANAH



Parti-parti dalam Pakatan Harapan perlu melaksanakan program bersama sebelum mahupun selepas pilihan raya.

Pakatan Harapan yakin tawan Kepala Batas

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

KEPALA BATAS: Tidak mustahil untuk Pakatan Harapan (PH) menawan kerusi Parlimen Kepala Batas yang selama ini menjadi kubu Umno-BN pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.



Keyakinan ini disandarkan kepada senario politik terkini selepas pelbagai skandal, penyelewengan dan salah laku urus tadbir kerajaan BN didedahkan.

Pengerusi Sekretariat PH Parlimen Kepala

Batas, Dr Zaidi Zakaria (**gambar**) berkata, setakat ini komitmen antara komponen dalam PH begitu memberangsangkan apabila kesemua parti komited untuk menghadapi BN dan sekutunya.

"Terdapat banyak kawasan yang tidak diberi perhatian oleh BN walaupun mereka menguasai kerusi Parlimen Kepala Batas.

"Masih terdapat penduduk dalam Parlimen Kepala Batas yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya sehinggakan ada yang terpaksa dibantu oleh kerajaan negeri.

"Kemudahan untuk nelayan khususnya bagi jeti pendaratan ikan di Kuala Muda, Penaga, turut tidak diberi perhatian serius



Bertemu pemimpin masyarakat di Kepala Batas.

oleh Ahli Parlimen Kepala Batas sehingga kini walaupun ianya boleh dilaksanakan oleh kementerian," ujarnya.

Jelas beliau lagi, AMANAH dan PH turut membantu menyelesaikan isu ketiadaan bekalan air bersih dalam kawasan Parlimen Kepala Batas melibatkan 51 buah rumah sekitar Duun Bertam.

"Penduduk mengadu mereka tidak pernah menikmati bekalan air bersih walaupun berada dalam kawasan yang diwakili oleh BN begitu lama.

"Pelbagai usaha telah mereka lakukan bagi

mendapatkan bekalan air bersih tersebut, namun begitu ia tidak berjaya diatasi oleh BN yang menguasai Parlimen Kepala Batas.

"Akhirnya dengan kesungguhan PH serta kerajaan negeri kesemua penduduk tidak perlu membayar kos pemasangan yang berjumlah RM1500. Mereka dibantu bagi mendapat kemudahan asas tersebut," jelasnya.

Pada PRU 2013, calon BN Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican menang di kawasan parlimen itu dengan 25,128 undi mengalahkan calon Pas, Afnan Hamimi Taib Azamuddeen yang memperolehi 20,952 undi.

"Dengan majoriti sebanyak 4,176 undi yang diperolehi oleh BN ketika itu, bukan suatu perkara yang mustahil bagi PH untuk

memastikan berlakunya kejutan dalam PRU kali ini.

"Ini ditambah pula dengan kewujudan hubungan intim antara BN dan Pas bagi menentang PH serta menidakkan sokongan dari pengundi bukan Melayu," tambahnya lagi.

Dalam PRU yang lalu ketiga-tiga kawasan Dun dalam Parlimen Kepala Batas iaitu Penaga, Bertam dan Pinang Tunggal dimenangi calon BN.

Bagi kerusi Dun Penaga, calon BN menalahkan calon Pas ketika itu Rosidi Hussain dengan majoriti 1,662 undi.

Manakala bagi kerusi Dun Bertam pula, calon BN menewaskan calon Keadilan dengan majoriti 1,642 undi.

Calon BN bagi kerusi Dun Pinang Tunggal turut menewaskan calon Keadilan dengan majoriti 1,587 undi.

"Isu kemiskinan begitu banyak yang telah diselesaikan oleh kerajaan negeri melalui Penyelaras Dun yang dilantik.

"Bagi kawasan Parlimen Kepala Batas kerajaan negeri telah memberi perhatian serius bagi menyelesaikan permasalahan rakyat.

"Ini termasuklah isu miskin tegar, orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan anak yatim," katanya.

Malah ujarnya lagi, kos sara hidup yang semakin membebankan menyebabkan ramai penduduk kampung amat terkesan apabila terpaksa berbelanja lebih sedangkan pendapatan tidak bertambah.

"Selain dari faktor kemiskinan tersebut, peluang untuk PH lebih terbuka setelah Pas tidak lagi bersama barisan pembangkang," katanya.



Para pemimpin PH Kepala Batas turun padang dalam satu siri program 'walk about'.



Dr Zaidi bersama-sama pemimpin kerajaan negeri menziarahi salah sebuah rumah penduduk yang mulai menikmati bekalan air bersih di Kepala Batas.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

AMANAH

BETULKAH SHAFEE

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

10 Selepas China kuasai Proton, wakil jualan Bumiputera 'bungkus' 13 Haram boikot atau rosakkan undi, kata mufti WP 23 Tanah Felda Semarak belum dipulang

PP18978/03/2016(034450)



Ceramah PH diganggu samseng Umno

Amanah

BIL 90 | 18 - 24 FEBRUARI 2018

WAKTU SOLAT
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18.02.18	6:00	6:10	7:26	1:30	4:48	7:29	8:39
19.02.18	6:00	6:10	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39
20.02.18	6:00	6:10	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39
21.02.18	6:00	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
22.02.18	6:00	6:10	7:25	1:30	4:47	7:29	8:39
23.02.18	6:00	6:10	7:25	1:29	4:46	7:29	8:39
24.02.18	6:00	6:10	7:24	1:29	4:46	7:29	8:39

Kendali kes rebut anak berlainan agama, AMANAH cadang

MAHKAMAH KHAS SIVIL SYARIAH

AMANAH berpandangan perlu ada Mahkamah Khas antara Sivil dan Syariah untuk menangani isu perebutan anak dan agama

anak apabila ibu bapa berlainan agama berlaku di negara ini.

AMANAH juga berpandangan, Mahkamah Syariah hendaklah membuka pintu dan memberikan hak kepada pasangan bukan Islam untuk didengar di dalam perbicaraan di mana mereka dinamakan sebagai pihak-pihak di dalam perbicaraan atau tuntutan.

Selain keadilan, masalah kebajikan anak adalah paling utama. Keadaan di mana anak-anak membesar dalam suasana konflik mahkamah yang tidak berkesudahan selama 10 tahun perlu dielak dari berulang kembali, kata Presiden AMANAH, Mohamad Sabu

Pendirian penuh muka 8 →

Keadilan dan kebajikan anak perlu diutamakan apabila berlaku pertikaian antara ibu dan bapa, kata Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.



Umno gadai maruah Islam Uighur



Umat Islam Uighur yang kini sedang berhadapan tekanan dari negara China Komunis. Harapan mereka hancur berkecai apabila kerajaan Malaysia memihak kepada China apabila mereka ditindas.

KERAJAAN BN didakwa mengenyakan kepentingan saudara seIslam Uighur apabila menyerahkan mereka kepada kerajaan komunis China demi kepentingan ekonomi yang sedang terjerat oleh kemelut hutang khasnya 1MDB.

Tindakan ini dibuat walaupun

kerajaan menyedari umat Islam Uighur hampir pasti akan menerima nasib yang buruk ditangan rejim Komunis China itu, kata Datuk Raja Kamarul Bahrin, Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH.

→ Laporan penuh muka 9

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322 untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

